



Kompilasi

PANDANGAN HUKUM

**MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA
MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI
HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA**

جائزہ کما حقہ ان اسلام مایسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kompilasi
PANDANGAN HUKUM
MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA
MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI
HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

جاہاتن کماوان اسلام مالسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diterbitkan Oleh
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA
www.islam.gov.my
www.e-fatwa.gov.my

Cetakan Kelima 2015
Hak Cipta Terpelihara

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Reka bentuk oleh:

Crystal Creative Empire
No. 9-4, Level 4,
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam,
Persiaran Damai, Sek. 11,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel: (6)03-5513 2250
Faks: (6)03-5513 2251
Email: myccempire@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM

i

BAB 1 AQIDAH

1. Tarekat Mufarridiah (1980)	1
2. Tarekat Naqsyabandiah Khalidiah Kadirun Yahya (1981)	1
3. Filem “ <i>The Message</i> ” (1982)	1
4. Ajaran Hasan Anak Rimau (1983)	2
5. Penyelewengan Qadiani/Ahmadiyah (1984)	2
6. Isu Kafir Mengkafir Sesama Orang Islam (1984)	2
7. Ajaran Bahai (1985)	3
8. Buku Karangan Dr. Rashad Khalifah (1985)	3
9. Buku Aurad Muhammadiyah (1986)	4
10. Hari Kenangan Rakan Seperjuangan Di Tugu Negara (1987)	4
11. Amalan Suluk (Bertapa) & Rabitah (Menghadirkan Wajah Guru) Dalam Tariqat Naqsyabandiah Khalidiah (1992)	5
12. Amalan Ilmu Hitam/Sihir (1993)	5
13. Kumpulan Al-Arqam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad (1994)	6
14. Mimpi Dari Perspektif Islam (1994)	6
15. Istiadat Meletakkan Kalungan Bunga Di Tugu Negara Sempena Hari Pahlawan (1995)	7
16. Penggunaan Jin Menurut Islam (1995)	8
17. Syiah Di Malaysia (1996)	8

18.	Khurafat Dan Azimat Menurut Perspektif Islam (1996)	9
19.	Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani (2000)	10
20.	Ajaran Kumpulan Al-Mas Syed Mohamad Al-Masyhor (2000)	11
21.	Wahdatul Wujud (2000)	11
22.	Ajaran Azhar Bin Wahab (2003)	12
23.	Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam (2005)	12
24.	Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Quran, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian) (2005)	15
25.	Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan <i>Valentine's Day</i> (2005)	16
26.	Kedudukan Air Musoffa (2006)	16
27.	Kumpulan <i>Black Metal</i> Serta Langkah-Langkah Menanganinya (2006)	17
28.	Kumpulan Tal Tujuh (2006)	17
29.	Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam Di Malaysia (2006)	18
30.	Hukum Meminta Orang Bukan Islam Sama-Sama Berdoa Mengikut Anutan Masing-Masing Dalam Satu Majlis Yang Dihadiri Oleh Penganut Pelbagai Agama (2006)	21
31.	Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. Dan Lain-Lain Syarikat (2006)	21
32.	Pameran Jin, Hantu Dan Keranda, Pameran Alam Misteri Serta Yang Berkaitan Dengannya (2007)	28
33.	Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu (2007)	29

34. Hukum Menggunakan Barangan Yang Mempunyai Lambang Agama Lain (2008)	29
35. Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah (2008)	30
36. Kedudukan Senaman <i>Yoga</i> Di Kalangan Umat Islam (2008)	30
37. Pembinaan Monumen Peringatan Bagi Angkatan Tentera (2009)	31
38. Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti <i>Candlelight Vigil</i> (2009)	32
39. Kedudukan Kursus ESQ <i>Leadership Training</i> (2010)	32
40. Kedudukan Amalan Khurafat Di Pulau Besar Melaka (2014)	33
41. Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan oleh Haji Shaari Mohd Yusof (2014)	35

1. Sembahyang Jumaat Pelajar Malaysia di Luar Negeri (1985) 38
2. Sembahyang Jumaat Polis dan Tentera Yang Bertugas (1985) 38
3. Al-Fatihah Dan Bentuk-Bentuk Qiraat Yang Dibolehkan Dalam Sembahyang (1986) 39
4. Hukum Sembahyang Jumaat Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos (1986) 39
5. Hukum Haji Lebih Daripada Sekali (1988) 40
6. Tragedi Terowong Al-Muassim (1990) 40
7. Kaedah Pengendalian Mayat Pesakit *AIDS* di Malaysia (1992) 41
8. Pindaan Kaedah Penetapan Hari Raya Aidil Adha Di Malaysia (1992) 41
9. Sembahyang Jamak Kerana Menjalani Rawatan Penyakit-Penyakit Kronik Di Hospital-Hospital Kerajaan/Swasta (2000) 42
10. Pekerja-Pekerja Islam Di Kilang-Kilang Yang Tidak Dapat Menunaikan Sembahyang Fardhu (2003) 42
11. Sembahyang Jumaat Banduan Di Dalam Penjara Dan Seumpamanya (2003) 43
12. Hukum Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Di Kem Bagi Peserta Latihan Khidmat Negara (2004) 43
13. Hukum Wakalah Dan Beberapa Perkara Berbangkit Dalam Ibadat Korban (2004) 44
14. Hukum Bermabit Di Mina Bagi Jemaah Haji Yang Tidak Diperuntukkan Tempat Di Mina (2004) 44
15. Hukum Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji Atau Umrah (2005) 45

16.	Pelaksanaan Ibadah di <i>International Space Station</i> (ISS) (2006)	45
17.	Hukum Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat (2006)	46
18.	Hukum Pelaksanaan Ibadah Bagi Pesakit Yang Menggunakan Beg <i>Kolostomi</i> (2007)	47
19.	Had Berpaling yang Dibenarkan Daripada Arah Qiblat (2007)	47
20.	Hukum Mencerap Hilal Dari Satelit (2008)	48
21.	Hukum Bersuci Bagi Pekerja Di Loji Kumbahan (2008)	48
22.	Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan <i>Hemodialisis</i> (2008)	49
23.	Hukum Memakai <i>Mask</i> (Penutup Mulut Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam Ihram (2009)	49
24.	Kedudukan Kursus Pelatihan Solat Khusyuk (2011)	50
25.	Kedudukan Perbuatan Zikir Sambil Memukul Gendang Atau Peralatan Muzik Lain Dalam Masjid Atau Surau (2014)	50

1. Wang Faedah (1971)	53
2. <i>Nominee</i> (Penama) (1978)	53
3. Insurans (1979)	54
4. Saham Wakaf Dan Wakaf Ganti (Wakaf Ibdal) (1982)	55
5. Khairat Kematian (1987)	55
6. Skim Haji Perkhidmatan Tentera (1987)	56
7. Ganjaran Terbitan Dan Pencen Terbitan (1988)	57
8. Akaun Simpanan Yang Tidak Aktif Dalam Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (1990)	57
9. Hukum Bermuamalat Dengan Bank-Bank Perdagangan (1993)	58
10. Pewarisan Harta & Harta Sepencarian Yang Dilaksanakan Di Rancangan Felda (1995)	59
11. Langkah-Langkah Membangunkan Hartanah Waqaf MAIN Dari Perspektif Hukum (1996)	60
12. Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa (1999)	60
13. Wang Simpanan KWSP, SOCSO Dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam Yang Meninggal Dunia (2000)	61
14. Wang Pampasan Kematian Pekerja Yang Dianugerahkan Oleh Kerajaan Atau Syarikat Swasta (2000)	62
15. Pinjaman Pendidikan Mengikut Prinsip Syariah (2002)	62
16. Hukum Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Islam (2004)	63
17. Hukum Peraduan SMS Dan Menyertainya Menurut Pandangan Islam (2004)	64

18.	Hukum Wakaf Bagi Tanah Bertaraf Hak Milik Terhad (2004)	64
19.	Hukum Skim Cepat Kaya Dan Seumpamanya (2005)	64
20.	Hukum Sistem Jualan Langsung (MLM) Menurut Islam (2006)	65
21.	Hukum Ke Atas Produk <i>Investment Link</i> Menurut Islam (2006)	65
22.	Penentuan Hukum Syarak Di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahn) Di Malaysia (2007)	66
23.	Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2007)	66
24.	Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat <i>Swiss Cash Mutual Fund</i> (2007)	69
25.	Penentuan Hukum Syarak Di Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahn) Di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian) (2007)	69
26.	Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Selain Daripada Niat Asal Pewakaf (2008)	70
27.	Kajian Hukum Insurans Am (2008)	71
28.	Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia (2008)	71
29.	Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya (2008)	71
30.	Hukum Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah (2008)	72
31.	Kajian Pelaksanaan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Berasaskan Kontrak Ju'alah (2008)	73
32.	Hukum Peraduan Celcom 100 Hari 100 Kereta (2008)	74
33.	Hukum Pewarisan Bagi Kes Kematian Serentak (2008)	75
34.	Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain (2009)	75
35.	Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah (2009)	76

36.	Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi (2011)	77
37.	Parameter Pelaburan Emas (2011)	78
38.	Status Terkini Pematuhan Syariah Skim Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) (2012)	86
39.	Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (<i>Individual Spot Forex</i>) Melalui Platfom Elektronik (2012)	87
40.	Pengurusan Wang Dan Harta Milik Orang Islam Yang Tidak Dituntut Dan Status Kementerian Kewangan Sebagai Perbendaharaan Negara Yang Boleh Bertindak Sebagai Baitulmal Dalam Menguruskannya (2012)	89
41.	Hukum Penyaluran Hasil Gharamah Institusi Kewangan Islam Ke Baitulmal (2012)	90
42.	Hukum Jual Beli Dan Pelaburan Emas Yang Dijalankan Oleh Syarikat Genneva Malaysia Sdn. Bhd. (2012)	91
43.	Status Hasil Caj Abstraksi Sumber Air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Daripada Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Operasi Harian Tidak Halal (2013)	92
44.	Kajian Terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) (2014)	93
45.	Hukum Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global (2015)	95
46.	Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik) (2015)	97
47.	Hukum Penjualan Produk Menggunakan Ayat <i>Ruqyah</i> (Ayat Al-Quran) Untuk Tujuan Komersial (2015)	98

BAB 4

PERUBATAN

1. Derma Organ - Pemindahan Jantung Dan Mata (1970)	100
2. Bank Air Mani (1981)	101
3. Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan (1982)	101
4. Derma Darah Dan Penggunaan Darah Orang Islam Kepada Orang Bukan Islam Dan Sebaliknya (1982)	102
5. Bayi Tabung Uji (1982)	103
6. Penggunaan Alat <i>Direct Current Shock</i> (1983)	103
7. Penyuntikan <i>Highly Purified Insulin</i> Daripada Babi (1983)	104
8. Alkohol Menurut Pandangan Islam (1984)	104
9. Penggunaan Ubat Penyakit Jantung Bagi Pesakit-Pesakit Yang Sedang Berpuasa (1984)	105
10. <i>Gelatin</i> Dalam Ubat (1984)	105
11. <i>Post-Mortem</i> Mayat (1987)	106
12. Pelalian <i>Rubela</i> (Imunisasi <i>Rubela</i>) (1988)	106
13. Imunisasi <i>Hepatitis B</i> (1988)	106
14. Pandangan Islam Terhadap Imunisasi <i>Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus</i> Dan <i>Polio</i> (1989)	107
15. Pemisahan Rawatan <i>Brain Death</i> (1989)	107
16. Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan (1990)	107
17. Sistem Susuk <i>Norplant</i> Dalam Program Perancang Keluarga Kebangsaan (1991)	108
18. Mengawet Mayat (1993)	108
19. Penggunaan Graf Tisu Dalam Amalan Perubatan (1995)	109
20. Pembiakan Manusia Dan Pengklonan Tujuan Perubatan Dari Sudut Syarak (2002)	109

21.	Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa Yang Dirogol (2002)	110
22.	Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit <i>Thalassemia</i> (2002)	110
23.	Suntikan Pelalian Vaksin ' <i>Meningococcal Meningitis</i> Oleh Orang Islam (2002)	111
24.	Hukum Bedah Siasat Ke Atas Mayat Yang Bukan Dikategorikan Kematian Kerana Kes Jenayah (2004)	111
25.	Hukum <i>Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (Stem Cell)</i> (2005)	112
26.	Hukum Menggunakan Kaedah <i>Autopsi Maya</i> Sebagai Alternatif Kepada Bedah Siasat Mayat (2006)	114
27.	Hukum Suntikan <i>Botulinum Toxin Type A</i> (BTA) (2006)	114
28.	Isu Kekeliruan Jantina <i>Congenital Adrenal Hyperplasia</i> Dan <i>Testicular Feminization Syndrome</i> (2006)	115
29.	Hukum Khatan Bagi Pesakit <i>Heamophilia</i> Dan Kanak-Kanak Cacat Akal (2007)	116
30.	Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (<i>Surrogate Motherhood</i>) Untuk Mendapatkan Zuriat (2008)	117
31.	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Biothrax</i> Dan Vaksin <i>Rotateq</i> Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya (2008)	117
32.	Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (2008)	118
33.	Hukum Pemotongan Genitalia Wanita (<i>Female Genital Mutilation</i>) (2009)	118
34.	Hukum Penggunaan Ubat <i>Clexane</i> Dan <i>Fraxiparine</i> (2009)	119
35.	Hukum Penggunaan Penandaan Berdakwat Bagi Pesakit Kanser (2010)	119
36.	Hukum Pengambilan Vaksin <i>Human Papilloma Virus</i> (HPV) (2010)	120

37.	Hukum <i>Eutanasia</i> atau <i>Mercy Killing</i> (2011)	121
38.	Hukum Penubuhan Bank Susu (2011)	123
39.	Hukum Menggunakan Rawatan Terapi Larva (<i>Maggot Debridement Therapy</i>) Bagi Pesakit Luka Kronik (2012)	125
40.	Hukum Menggunakan Kanta ICL (<i>Implantable Collamer Lens</i>) Untuk Rawatan Mata (2012)	127
41.	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Meningitis Menveo</i> (2013)	128
42.	Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin <i>Meningitis Monumen</i> (2014)	128
43.	Hukum Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan (2014)	129
44.	Hukum Pendermaan Rahim (2014)	131
45.	Hukum Penggunaan <i>Cordyceps Sinensis</i> Dalam Pembuatan Ubat Tradisional (2014)	132
46.	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Menactra</i> ® (2015)	133

1. Pembayaran Zakat Oleh Tabung Haji (1979)	135
2. Sistem Metrik Dalam Urusan Zakat (1981)	136
3. Zakat Wang KWSP (1982)	136
4. Zakat Koperasi Shamelin Dan Seumpamanya (1985)	136
5. Zakat Ke Atas MARA (1987)	137
6. Zakat Ke Atas Syarikat (1992)	137
7. Zakat Gaji & Pendapatan Professional - 1 (1992)	138
8. Hukum Zakat Korban Dan Aqiqah Ke Atas Ternakan Rusa (1993)	138
9. Zakat Gaji & Pendapatan Professional - 2 (1997)	139
10. Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri (2001)	139
11. Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan <i>Non Muslim</i> (2001)	139
12. Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultan (2001)	140
13. Zakat Syarikat/Anak Syarikat Yang Dimiliki Oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB) (2001)	140
14. Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam (2001)	141
15. Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia (2002)	141
16. Zakat Gaji Beserta Kadarnya (2003)	142
17. Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia (2003)	142
18. Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji (2003)	143

19.	Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara (2003)	143
20.	Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) (2003)	144
21.	Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayaranannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia (2005)	145
22.	Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya (2005)	145
23.	Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif (2006)	146
24.	Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat (2006)	147
25.	Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah (2007)	147
26.	Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian (2009)	148
27.	Status Kewajipan Zakat Ke Atas Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) (2012)	149

1. Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah (1971)	151
2. Rancangan Keluarga - 1 (1973)	151
3. Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 1 (1975)	152
4. Suami Isteri Bukan Beragama Islam Kemudian Salah Seorang Daripadanya Memeluk Agama Islam (1975)	152
5. Rancangan Keluarga - 2 (1977)	153
6. Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 2 (1977)	153
7. Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 3 (1980)	154
8. Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah) (1981)	155
9. Harta Sepencarian (1982)	155
10. Mengahwinkan Diri Sendiri (1988)	156
11. Pernikahan Melalui Persetujuan (Lelaki Dan Perempuan) (1988)	156
12. Pernikahan Menggunakan Wali Hakim (Wali Raja) Dan Wali Tahkim (1989)	156
13. Tuntutan Fasakh Nikah Isteri Kerana Suami Mengidap Penyakit <i>AIDS</i> Atau Penagih Dadah (1995)	157
14. Kahwin Lari di Selatan Thailand (2002)	157
15. Pindaan Kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-Ibu Pemakaian Kepada Orang-Orang Islam (2002)	158
16. Perkahwinan Lari Meninggalkan Wali Lebih Dua Marhalah Mengikut Mazhab Al-Syafie (2002)	158
17. Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat - 1 (2003)	159
18. Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat - 2 (2003)	159

19.	Penceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) (2003)	159
20.	Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian (2005)	160
21.	Hukum Menggunakan Alat-Alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin (2005)	161
22.	Hukum Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami (2005)	161
23.	Hukum Suami Yang Melakukan Hubungan Seksual Secara Paksaan (2005)	162
24.	Pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara Atas Nama Jawatan (2006)	162
25.	Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan <i>HIV</i> Kepada Bakal Pengantin (2009)	163
26.	Hukum Upacara Akad Nikah Di Masjid (2011)	163
27.	Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (<i>Video Conference</i>) (2011)	164
28.	Hukum Menggunakan <i>DNA</i> Untuk Menentukan Status Nasab Anak dan Tempoh Melaksanakan <i>Li'an</i> Untuk Menafikan Nasab Anak (2012)	165
29.	Isu Perkahwinan Kanak-kanak: Kajian Dari Aspek Agama, Kesihatan dan Psikologi (2014)	167

1. Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan (1988)	170
2. Penggunaan Agen Aktif Dalam Makanan (1990)	170
3. Keju Sebagai Bahan Makanan (1990)	171
4. Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman (1999)	171
5. Penggunaan Air Baru (<i>Newater</i>) (2002)	172
6. Hukum Menggunakan Bakteria Yang Di Ambil Daripada Najis Bayi Sebagai Agen Pemangkin Dalam <i>Yogurt</i> (2004)	172
7. Hukum <i>Wine Vinegar</i> (Cuka Wain) (2006)	172
8. Kajian Semula Hukum Penjualan Air Zam-Zam (2007)	173
9. Hukum Memakan Sarang Burung Layang-Layang (2007)	173
10. Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (2011)	174
11. Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (<i>Genetic Modified Food</i>) (2011)	174
12. Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan (2011)	175
13. Hukum Meminum Kopi Luwak (Musang) (2012)	177
14. Hukum Bahan Pewarna <i>Cochineal</i> : Kajian Semula Kadar Piawai Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI (2012)	178
15. Penghasilan <i>Monosodium Glutamat</i> (MSG) Menggunakan Mikro Organisma Terubahsuai (2014)	179
16. Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (2015)	180

BAB 8

PAKAIAN DAN LAIN-LAIN

1. Lilitan Hitam Di Lengan Bagi Umat Islam (1987) 181
2. Menyalurkan Wang Hasil Pelbagai Denda Mahkamah-Mahkamah Syariah Ke Baitulmal Negeri-Negeri Di Malaysia (2000) 181
3. Hukum Pemakaian Pakaian Tentera Yang Mempunyai Kalimah 'Allah' Dan 'Muhammad' Terhadap Mayat Bukan Islam Dalam Upacara Pengkebumian (2013) 182

1. Gas Daripada Tahi Babi (1981)	183
2. Baja Daripada Tahi Babi (1981)	183
3. Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) (1984)	183
4. Penggunaan Bulu Babi (1985)	184
5. Pembiakan Siput Babi (<i>Achatina Fulica</i>) (1988)	184
6. Penggunaan <i>Electrical Stunning</i> Dalam Penyembelihan Lembu (1988)	184
7. Penyembelihan Ayam Dengan Pelalian <i>Water Stunner</i> (1988)	185
8. Permanian Beradas Binatang (1989)	185
9. Menternak Binatang Dua Alam (1990)	185
10. Penggunaan <i>Hormon PSH-P</i> (Otak Babi) Sebagai Bahan Peningkatan Ternakan (1995)	186
11. Hukum Mengenai <i>Stunning</i> Haiwan (2005)	187
12. Kaedah <i>Thoracic Sticking</i> Dalam Sembelihan Haiwan (2005)	188
13. Penggunaan <i>Pneumatic Percussive Stunning</i> Menurut Pandangan Islam (2006)	188
14. Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal (2006)	189
15. Hukum Penggunaan Bulu Binatang Yang Halal Dimakan Sebagai Ramuan Makanan (2010)	189
16. Hukum Memakan Dan Berubat Dengan Cicak <i>Gekko Gekko</i> (Tokay) (2011)	190
17. Hukum Qurban Dan Aqiqah Ke Atas Haiwan Import Yang Tidak Diketahui Umurnya (2011)	191

1. Kesabitan Anak Bulan Ramadhan & Syawal (1977)	192
2. Penamaan Saudara Baru (1981)	192
3. Hiburan Nasyid dan Pancaragam (1981)	192
4. Masalah Dadah & Penyelesaiannya (1981)	193
5. Azan Menggunakan Pembesar Suara (1982)	194
6. Hukuman Takzir Di Ganti Dengan Wang (1982)	194
7. Pengiriman Al-Quran Melalui Pos (1983)	194
8. Penanaman Pokok Buah-Buahan Di Tanah Perkuburan (1984)	195
9. Garis Panduan Pengurusan Jenazah Orang-orang Islam Luar Negeri (1984)	195
10. Pemindahan Mayat (1984)	196
11. Pengebumian Mayat Dalam Peti Yang Tertutup (1984)	196
12. Hukum Bunuh Ke Atas Pelaku Kesalahan Berkaitan Dengan Senjata Api (1989)	197
13. Pameran Khazanah Dari Kubur (1989)	197
14. Penulisan Ayat-Ayat Al-Quran Dengan Huruf <i>Roman</i> (1989)	198
15. Kedudukan Mak Nyah Dalam Islam (1989)	198
16. Tanah Perkuburan Dan <i>Krematoria</i> (1992)	199
17. Pelupusan Al-Quran (1992)	199
18. Menerima dan Memakai Anugerah Yang Dipanggil <i>Grand Cross</i> (1993)	200
19. Merokok Dari Pandangan Islam (1995)	200
20. Maksiat Dari Perspektif Islam (1995)	201
21. Al-Quran Diletakkan Di Hotel-Hotel Malaysia (1997)	202

22.	Status (Identiti) Bayi (Kanak-Kanak) Terdampar (Pungut) dan Penjagaannya Menurut Pandangan Islam (1999)	202
23.	Mayat Terdampar Menurut Perspektif Islam (2000)	203
24.	Wanita Haid Memasuki Masjid Untuk Tujuan Pembelajaran Semata-Mata (2000)	204
25.	Mayat Disimpan Lama Atau Dikorek Semula Untuk Dijadikan Sebagai Bahan Kes Dalam Mahkamah (2000)	204
26.	Masalah Perpecahan Orang Melayu/Islam (2001)	205
27.	Hukum Lelaki Memakai Emas Putih (2002)	206
28.	Menggabungkan Nama Anak Angkat Dengan Bapa Angkat Dalam Sijil Pengangkatan Dan Kad Pengenalan (2003)	206
29.	Anak Tak SahTaraf (2003)	206
30.	Hukum Mengguna Semula Tanah Perkuburan Islam (2004)	207
31.	Hukum Amalan Membawa Bunga Ketika Menziarahi Kubur (2004)	208
32.	Hukum Menukar Status Jantina Di Mykad (2005)	208
33.	Hukum Orang Islam Bekerja Di Rumah Orang Bukan Islam (2005)	209
34.	Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (<i>Recycle</i>) (2005)	209
35.	Hukum Menulis Ayat-Ayat Al-Quran Mengikut Reka Bentuk Alat Permainan Seperti Wau, Tumbuhan, Bunga-Bunga dan Seumpamanya (2005)	210
36.	Hukum Rakaman Lagu-Lagu Nasyid Berbentuk Doa (2005)	211
37.	Had Tempoh Panggilan Muallaf (2005)	211
38.	Hukum Melantik Wanita Sebagai Hakim Syar'ie (2006)	212
39.	Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (2006)	212
40.	Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis <i>Syabu</i> Dan Jenis-Jenis Dadah Baru Yang Lain (2006)	213

41.	Hukum Penggunaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Dan Laungan Azan Dalam Nada Dering Dan Paparan Skrin Di Dalam Telefon Bimbit (2007)	213
42.	Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Ucapan Selamat Bersempena Perayaan Agama Bukan Islam (2007)	214
43.	Hukum Penggunaan <i>Indelible Ink</i> Dalam Pilihanraya Malaysia (2007)	215
44.	Hukum Berjabat Tangan Dengan Wanita Ajnabi (2007)	215
45.	Cadangan Melaksanakan Pembangunan Di Atas Tanah Kubur Islam (2008)	216
46.	Hukum Wanita Membotakkan Kepala Dan Berhias Secara Aneh (2008)	216
47.	Penggantungan Kaligrafi Islam Di Premis Bukan Islam (2008)	217
48.	Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah (2008)	217
49.	Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (<i>Pengkid</i>) (2008)	219
50.	Cadangan Mengenakan Kompaun Terhadap Kesalahan Undang-Undang Syariah (2008)	220
51.	Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Jabatan Penjara Malaysia (2009)	220
52.	Hukum Bertatu Mengikut Pandangan Islam (2009)	221
53.	Status Agama Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam (2009)	222
54.	Hukum Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak (2009)	222
55.	Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid (2010)	223
56.	Isu Orang Bukan Islam Membaca Dan Menterjemahkan Ayat-Ayat Suci Al-Quran (2010)	224
57.	Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syar'ie (2010)	225

58.	Hukum Pembinaan Kubur Secara Bertingkat (2010)	227
59.	Cadangan Reka Bentuk Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya (2010)	227
60.	Hukum Mengadakan Pameran Spesimen Anatomi Manusia (2011)	228
61.	Hukum Menggunakan Pengimbas Badan di Lapangan Terbang (2011)	229
62.	Hukum Tarian Poco-Poco Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam (2011)	229
63.	Hukum Menanam Rambut di Kepala (2011)	231
64.	Hukum Pemerdagangan Manusia (2011)	231
65.	Hukum Mengiringi Bacaan al-Quran Dengan Muzik dan Menggunakan Matan Hadis, Terjemahan al-Quran Serta Terjemahan Hadis Sebagai Lirik Lagu (2011)	232
66.	Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat (2011)	233
67.	Hukum Penggunaan <i>Indelible Ink</i> (2012)	235
68.	Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (<i>Bone China</i>) (2012)	236
69.	Hukum Pembinaan Pusara Negara (2012)	237
70.	Hukum Penggunaan Dakwat Kekal (<i>Indelible Ink</i>) Dalam Proses Pengundian Oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) (2013)	238
71.	Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak (2013)	239
72.	Tragedi MH370 (2014)	241
73.	Kajian Semula Asal Usul Tiupan <i>Rouse</i> Dan <i>Last Post</i> (2014)	244
74.	Isu Umat Islam Yang Terlibat Dengan Perjuangan <i>Islamic State</i> (2014)	245
75.	Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (<i>Ebola Virus Disease: EVD</i>) Di Malaysia (2015)	248

76.	Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Sabitan Tarikh Anggapan Kematian Mangsa MH370 Dan Tuntutan Syarak Yang Berkaitan Dengannya (2015)	249
77.	Had Kemuallafan Seseorang Saudara Baru (2015)	250
78.	Pengurusan Pengebumian Jenazah Dalam Kalangan Warga Polis Diraja Malaysia (2015)	251
79.	Rokok Elektronik Dan Vape (2015)	253

Kata Mu-Awan

Ketua Pengarah JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Segala puji bagi Allah S.W.T., Pencipta sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga Baginda, para sahabat, tabi'en dan seluruh umat yang mengikut sunnah dan mencontohi kemurnian peribadinya hingga ke akhir zaman.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan kehendak-Nya, Buku Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dapat diulang cetak dengan beberapa penambahan keputusan-keputusan terkini. Buku ini sebenarnya adalah kesinambungan dari Buku-buku Keputusan Muzakarah yang telah diterbitkan sebelum ini.

Penerbitan buku ini bagi memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan kepada bahan bacaan dan rujukan hukum terutama dalam bentuk buku yang mudah disimpan dan dapat dirujuk pada bila-bila masa. Ia boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pelbagai lapisan masyarakat yang ingin mengetahui pelbagai persoalan dalam kehidupan. Keputusan yang dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI ini adalah merupakan pandangan hukum yang diputuskan secara bersama (kolektif) oleh semua Mufti yang turut sama menganggotai Jawatankuasa ini.

Buku ini memuatkan keputusan Muzakarah merangkumi pelbagai bidang seperti aqidah, ibadah, muamalat/ekonomi, perubatan, zakat, munakahat, makanan/minuman, pakaian, persoalan haiwan dan sosial/syariah. Koleksi pada terbitan kali ini mengandungi 330 keputusan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia seawal tahun 1970 sehingga 2015.

Semoga koleksi keputusan Muzakarah ini akan dapat memenuhi keperluan masyarakat yang sentiasa memerlukan rujukan dan panduan hukum. Saya mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM atas usaha yang sangat bernilai ini. Mudah-mudahan mendapat rahmat dan keredhaan Allah S.W.T.

Sekian, Terima Kasih.



DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

BAB 1

AQIDAH

1 Tarekat Mufarridiah (1980)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 14 Mei 1980 telah membincangkan Tarekat Mufarridiah. Persidangan telah memutuskan bahawa ajaran ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan orang-orang yang terlibat dengan ajaran ini hendaklah bertaubat.

2 Tarekat Naqsyabandiah Khalidiah Kadirun Yahya (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 15-16 November 1981 telah membincangkan Tarekat Naqsyabandiah Khalidiah Kadirun Yahya. Muzakarah telah memutuskan bahawa Tarekat Naqsyabandiah Khalidiah yang dibawa oleh Kadirun Yahya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam dan mengamalkan tarekat ini adalah sesat.

3 “*The Message*” (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan Filem “*The Message*”. Muzakarah telah memutuskan bahawa Filem “*The Message*” ini haram (tidak boleh) ditayangkan kepada umum sekalipun dibuat potongan-potongan tertentu.

4 Ajaran Hasan Anak Rimau (1983)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan Ajaran Hasan Anak Rimau. Muzakarah telah memutuskan bahawa oleh kerana ajaran Tok Ayah Hasan ini hanya berlaku di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja maka terserahlah kepada kedua-dua negeri itu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung ajaran Tok Ayah Hasan. Sementara itu ianya hendaklah diawasi supaya tidak merebak ke negeri-negeri lain.

5 Penyelewengan Qadiani/Ahmadiyah (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan Penyelewengan Qadiani/Ahmadiyah. Muzakarah telah memutuskan bahawa Puak Qadiani/Ahmadiyah adalah puak yang terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menerima hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengebumian dalam tanah perkuburan Islam.

6 Isu Kafir Mengkafir Sesama Orang Islam (1984)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 21 November 1984 telah membincangkan mengenai isu kafir mengkafir sesama orang Islam. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Bahawa jika tuduhan atau anggapan oleh ahli atau penyokong PAS atau oleh sesiapa jua bahawa ahli UMNO, pemimpin atau pegawai Kerajaan yang beragama Islam menuduh pemimpin atau ahli-ahli PAS kafir, adalah tidak benar sama sekali dan sia-sia. Oleh yang demikian ahli-ahli UMNO atau sesiapa jua yang mengucap Dua Kalimah Syahadah adalah tetap orang Islam selagi tidak dihukum murtad oleh pihak berkuasa agama Islam Malaysia.
2. Sesiapa yang membuat tuduhan atau anggapan bahawa ahli-ahli UMNO, pemimpin atau pegawai Kerajaan atau sesiapa juga yang beragama Islam sebagai kafir, maka perbuatan itu adalah haram dan hendaklah bertaubat kepada Allah. Perbuatan itu hendaklah diberhentikan dengan serta merta.

7 Ajaran Bahai (1985)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 22-23 Oktober 1985 telah membincangkan Ajaran Bahai. Muzakarah telah memutuskan bahawa Ajaran Bahai adalah bukan ajaran Islam. Umat Islam yang terlibat dengannya adalah murtad. Oleh itu umat Islam adalah dilarang dan haram melibatkan diri dengannya dan siapa yang telah terlibat hendaklah segera keluar dan bertaubat.

8 Buku Karangan Dr. Rashad Khalifah (1985)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 22-23 Oktober 1985 telah membincangkan Buku Karangan Dr. Rashad Khalifah. Muzakarah telah memutuskan bahawa buku-buku karangan Dr. Rashad Khalifah yang berjudul seperti di sebelah mestilah diharamkan pemilikan dan pengedarannya dalam negara ini iaitu:

1. *Al Quran The Ultimate Miracle*
2. *Quran, Hadith And Islam*
3. *Quran Versual Presentation Of The Miracle*
4. *Quran The Final Scripture*

9 Buku Aurad Muhammadiyah (1986)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-17 yang bersidang pada 6 Oktober 1986 telah membincangkan Buku Aurad Muhammadiyah. Muzakarah telah memutuskan bahawa Buku Aurad Muhammadiyah pegangan Darul Arqam, sekaligus menjawab tuduhan oleh Ashari Muhammad hendaklah ditahan penyebarannya kerana ia mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan syariat Islam dan mengelirukan masyarakat Islam.

10 Hari Kenangan Rakan Seperjuangan Di Tugu Negara (1987)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-19 yang bersidang pada 6-7 Oktober 1987 telah membincangkan Hari Kenangan Rakan Seperjuangan Di Tugu Negara. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Amalan-amalan seperti tiupan *Last Post* bertafakur dengan menundukkan kepala selama 20 saat, meletakkan kalungan bunga, bacaan sajak, nyanyian dan tiupan *Rouse* yang dilakukan di hadapan Tugu dalam upacara menyambut Hari Kenangan Rakan Seperjuangan

oleh Angkatan Tentera Malaysia adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada syirik.

2. Bacaan sajak yang boleh menimbulkan semangat kepahlawanan adalah diharuskan dengan syarat tidak dilakukan di hadapan Tugu atau di tempat-tempat atau dalam suasana yang dilarang oleh syarak.

11

Amalan Suluk (Bertapa) & Rabitah (Menghadirkan Wajah Guru) Dalam Tariqat Naqsyabandiah Khalidiah (1992)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-29 yang bersidang pada 19 Februari 1992 telah membincangkan Amalan Suluk (Bertapa) & Rabitah (Menghadirkan Wajah Guru) Dalam Tariqat Naqsyabandiah Khalidiah. Muzakarah telah memutuskan bahawa “Amalan Suluk dan Rabitah dalam Tariqat Naqsyabandiah Khalidiah pimpinan Tuan Haji Ishak bin Mohd 'Arif adalah terkeluar daripada syariat Islam”.

12

Amalan Ilmu Hitam/Sihir (1993)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-33 yang bersidang pada 11 Oktober 1993 telah membincangkan Amalan Ilmu Hitam/Sihir. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Perbuatan sihir adalah dosa besar dan boleh membawa kepada syirik dan hukum mempelajarinya adalah haram.
2. Pengamal sihir yang mendatangkan mudharat kepada manusia adalah berdosa besar dan pelaku jenayah, maka wajib dihukum qisas/hudud.

3. Pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir.

13 Kumpulan Al-Arqam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad (1994)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-34 yang bersidang pada 31 Mac 1994 telah membincangkan Kumpulan Al-Arqam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah menggunakan peruntukan yang ada di dalam enakmen pentadbiran agama Islam sepenuhnya di dalam usaha untuk membanteras kegiatan Darul Arqam seperti peruntukan mengajar tanpa tauliah, membuka sekolah tanpa kebenaran dan berpoligami tanpa kebenaran mahkamah syariah.
2. Kumpulan Al-Arqam diminta bertaubat dan perlu dinasihati oleh raja-raja dan sultan sebelum diambil tindakan permuluan.

14 Mimpi Dari Perspektif Islam (1994)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-36 yang bersidang pada 15 Disember 1994 telah membincangkan Mimpi Dari Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mimpi seorang nabi dan rasul adalah wahyu yang menjadi hukum adalah benar.

2. Mimpi orang ramai di zaman Rasulullah S.A.W. seperti melihat Baginda dalam tidur menyamai melihat Rasulullah S.A.W. dalam masa jaga adalah khusus di zaman semasa Baginda masih hidup.
3. Mimpi orang Islam selepas wafat Rasulullah S.A.W. maka ia akan berjumpa di akhirat nanti dan akan mendapat syafaat Rasulullah S.A.W.
4. Mimpi orang Islam ada tiga peringkat, peringkat pertama bisikan jiwa, yang kedua godaan syaitan dan yang ketiga ialah mimpi khabar gembira dari Allah S.W.T. Mimpi orang bukan Islam adalah ditolak.
5. Mimpi orang awam bukan hujah terhadap satu hukum atau berita atau satu kenyataan.

15**Istiadat Meletakkan Kalungan Bunga Di Tugu Negara
Sempena Hari Pahlawan (1995)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 September 1995 telah membincangkan Istiadat Meletakkan Kalungan Bunga Di Tugu Negara Sempena Hari Pahlawan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena sambutan Hari Pahlawan adalah sama dengan keputusan yang telah diambil dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 7 Oktober 1987 iaitu bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada syirik.

16 Penggunaan Jin Menurut Islam (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 September 1995 telah membincangkan Penggunaan Jin Menurut Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersahabat dengan jin dengan tujuan mendapatkan pertolongan dalam perkara-perkara yang ditegah oleh syarak adalah haram.
2. Meminta pertolongan jin dalam rawatan perubatan sehingga membawa kepada syirik adalah haram.
3. Meminta pertolongan jin untuk mencari kekuatan dan kehebatan adalah haram.
4. Meminta dan menggunakan khidmat jin untuk ilmu sihir atau nujum adalah haram.

17 Syiah Di Malaysia (1996)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membincangkan Syiah Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan

dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.

3. Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-Undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atas Undang-Undang Islam seperti berikut:

“Hukum Syarak atau Undang-Undang Islam ertinya Undang-Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlaq”.

4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-Undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.
5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

18 Khurafat Dan Azimat Menurut Perspektif Islam (1996)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Ogos 1996 telah membincangkan Khurafat Dan Azimat Menurut Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa bersetuju dengan garis panduan yang telah disediakan untuk dijadikan panduan kepada orang ramai:

1. Khurafat ialah semua cerita atau rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta.
2. Azimat ialah satu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudharatkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat-ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijampi atau dipuja.
3. Islam sangat menitikberatkan soal akidah dan syariat. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan kepada sumber-sumber yang asal seperti Al-Quran, hadith, ijmak dan qias adalah ditolak oleh Islam.
4. Amalan memuja dan memohon pertolongan darinya seperti yang selalu dilakukan oleh sesetengah bomoh dan dukun adalah syirik dan menyesatkan orang-orang yang bersahabat dan menggunakan jin dan tukang sihir dan tukang tenung adalah tergolong di dalam golongan orang-orang yang bodoh dan menzalimi diri sendiri.
5. Amalan penggunaan azimat atau tangkal sebagai pelindung diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pelemah hati, ilmu penjauh jin dan sebagainya yang dicampuradukkan dengan sihir adalah syirik dan menyeleweng dari ajaran Islam.

19**Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani (2000)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim

Al-Haqqani. Muzakarah telah memutuskan bahawa Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat.

20 | Ajaran Kumpulan Al-Mas Syed Mohamad Al-Masyhor (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Ajaran Kumpulan Al-Mas Syed Mohamad Al-Masyhor. Muzakarah telah memutuskan bahawa ajaran dan amalan Syed Mohamad Al-Masyhor Al-Mas didapati menyeleweng dari ajaran Islam. Pengamal ajaran ini dikehendaki segera bertaubat.

21 | Wahdatul Wujud (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Wahdatul Wujud. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Fahaman Wahdatul Wujud menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam.
2. Bersetuju dengan Fatwa rasmi Negeri Johor yang telah diputuskan pada tahun 1948 oleh S. S. Syed Alawi Tahir Al-Hadad seperti berikut:

“Mengikut pendapat ijma ulama’ fahaman Wahdatul Wujud adalah kufur. Sesiapa yang mempercayai dan mengamalkannya

adalah murtad. Jika pengamal fahaman tersebut mempunyai isteri, isterinya tertalak dan anaknya adalah anak luar nikah dan hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”.

3. Kitab Kasyf al-Asrar, al-Dar an-Nafis, Hidayah as-Salikin dan kitab-kitab lain yang mempunyai elemen Wahdah al-Wujud tidak dibenarkan dipelajari di masjid-masjid dan di surau-surau.

22 Ajaran Azhar Bin Wahab (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan tentang Ajaran Azhar Bin Wahab. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Ajaran Azhar Bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.
2. Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamal Ajaran Azhar Bin Wahab dianggap menyalahi Hukum Syarak dan wajib bertaubat.

23 Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005 telah membincangkan Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Dalam menentukan perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam:
 - a. **“Bertentangan dengan akidah Islam”** ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau
 - b. Keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam.

Contohnya:

- a. Menyertakan simbol-simbol agama seperti salib, memasang lampu, lilin, pokok krismas dan sebagainya;
 - b. Menyanyikan lagu-lagu bercirikan agama;
 - c. Meletakkan apa-apa tanda bercirikan agama pada dahi, atau tanda-tanda lain pada anggota tubuh;
 - d. Memberikan ucapan atau isyarat yang berbentuk pujian kepada agama orang bukan Islam;
 - e. Tunduk atau melakukan perbuatan seolah-olah menghormati upacara agama orang bukan Islam.
2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak:

Maksud “bertentangan dengan syarak” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam.

Contohnya:

- a. Memakai pakaian berwarna merah seperti *santa claus* atau pakaian lain yang melambangkan agama;
 - b. Menghidangkan minuman atau makanan yang memabukkan dan seumpamanya;
 - c. Mengadakan bunyi-bunyian atau hiasan seperti loceng gereja, pokok krismas, kuil atau memecah kelapa;
 - d. Mengadakan acara yang berunsur perjudian, penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya.
3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan “perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam” di negara ini.

Maksud “bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat Islam Negara ini yang berpegang kepada ajaran Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Contohnya:

- a. Percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan;
- b. Berpakaian yang menjolok mata;
- c. Mendengarkan lagu-lagu yang mempunyai senikata berunsur lucah serta pemujaan;
- d. Mengadakan program seperti pertandingan ratu cantik, laga ayam dan sebagainya.

4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam”.

Maksud “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka.

Contohnya:

- a. Ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam;
 - b. Ucapan-ucapan yang menghina umat Islam;
 - c. Ucapan-ucapan yang menghina agama Islam;
 - d. Persembahan yang bertujuan mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.
5. Pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam.

24

Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Quran, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian) (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Quran, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan

Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian). Muzakarah telah memutuskan bahawa menulis dan menerbit bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran, Hadis beserta pandangan-pandangan agama lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian) adalah dilarang kecuali pandangan Islam dan ayat-ayat Al-Quran serta Hadis diasingkan daripada agama lain dan agama Islam perlu mendominasi keseluruhan penerbitan tersebut.

25

Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan *Valentine's Day* (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan *Valentine's Day*. Muzakarah berpandangan bahawa ajaran Islam amat mengutamakan kasih sayang dan tidak ada hari tertentu di dalam Islam bagi meraikannya.

Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa amalan merayakan *Valentine's Day* tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam.

26

Kedudukan Air Musoffa (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-72 yang bersidang pada 23 Januari 2006 telah membincangkan Kedudukan Air Musoffa. Muzakarah telah memutuskan bahawa penjualan air musoffa secara komersial adalah dilarang kerana ia boleh membuka ruang kepada penyelewengan akidah, kepercayaan khurafat dan penipuan.

27

Kumpulan *Black Metal* Serta Langkah-Langkah Menanganinya (2006)

AQIDAH

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-72 yang bersidang pada 23 Januari 2006 telah membincangkan Kumpulan *Black Metal* Serta Langkah-Langkah Menanganinya. Muzakarah telah memutuskan bahawa amalan dan perbuatan Kumpulan *Black Metal* adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam sebenar. Oleh itu, umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut kerana perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam.

28

Kumpulan Tal Tujuh (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah membincangkan Kumpulan Tal Tujuh. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Berdasarkan kajian dan penelitian yang telah dibuat, Kumpulan Tal Tujuh didapati berpegang kepada ajaran dan fahaman yang menyeleweng dari syariat Islam. Diantara ajaran mereka ialah:

1. Mengaku dan mendakwa mendapat Ilmu Laduni;
2. Mengaku mereka mendapat Kasyaf;
3. Membuat keputusan sesuatu hukum berdasarkan mimpi dan mendakwa boleh mentadbir segala mimpi dengan tepat;

4. Mendakwa amalan haji yang dilaksanakan sekarang tidak betul dan tidak sah;
5. Pengikut tidak dibenarkan berkahwin selain daripada sesama pengikutnya sahaja;
6. Ahli-ahli yang keluar daripada kumpulan ini dianggap murtad rohaniah;
7. Ahli-ahli yang tidak mengikut arahan hendaklah diperangi dan dipulaukan;
8. Ahli-ahli yang menentang, halal darahnya.

Berdasarkan penyelewengan-penyelewengan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa ajaran dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh Kumpulan Tal Tujuh adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.

29

Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam Di Malaysia (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah seperti berikut:

Aspek Akidah:

1. Berpegang kepada Konsep Pluralisme

Konsep pluralisme adalah menjadi pegangan utama dalam aliran

pemikiran liberal. Pluralisme agama berpendirian bahawa setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respon yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (*ultimate reality*). Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.

2. Akal Manusia Adalah Wahyu

Aliran ini membahagi wahyu kepada dua kategori iaitu wahyu yang bertulis dan wahyu yang tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah Al-Quran dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia dan akallah yang sebenarnya menghidupkan teks Al-Quran berdasarkan tujuan, konteks suasana zaman.

3. Meragui Ketulinan Al-Quran

Aliran pemikiran ini mendakwa Al-Quran diresapi dengan budaya Arab kerana orang Arab menjadi pemilik bahasa itu, tambahan pula katanya Nabi Muhammad S.A.W. yang menjadi pembawa risalah juga terdiri dari orang Arab. Mereka menyatakan bahawa kesahihan risalah tersebut tidak ada lagi kerana sebenarnya yang ada hanyalah mesej budaya Arab.

Aspek Syariah:

1. Mempersoalkan Metodologi Pentafsiran Al-Quran Dan Al-Hadith

Aliran pemikiran ini mempersoalkan cara atau metodologi pentafsiran Al-Quran yang digunapakai kini. Dengan slogan “membuka dan membebaskan tafsiran Al-Quran”, aliran pemikiran ini menggunakan pendekatan takwilan sendiri terhadap beberapa ajaran Al-Quran yang jauh berbeza dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Contohnya, mereka mendakwa syurga dan neraka tidak wujud melainkan kesan psikologi kegembiraan dan kesedihan manusia. Hari akhirat ditafsirkan sebagai tidak wujud melainkan satu fasa untuk manusia mencapai satu tingkatan kepada tingkatan yang lebih matang dan sempurna.

2. Menggesa Tafsiran Baru Konsep Ibadat

Aliran pemikiran ini juga berpegang ‘membuka dan membebaskan’

tafsiran Al-Quran, sebagai alasan untuk memajukan umat Islam dan menganjurkan agar teks-teks Al-Quran menempuh proses dekonstruksi bagi membolehkan tafsiran-tafsiran baru dibuat.

3. **Mempertikaikan Kriteria Dan Akhlak Kenabian**

Aliran pemikiran ini secara sinis mengkritik sifat Nubuwwah yang dimiliki oleh Rasulullah S.A.W. dengan mengatakan ia tidak lain hanyalah sebagai kemampuan kepimpinan seorang manusia ke atas manusia lain (*leadership value*). Justeru sesiapa pun boleh mempunyai sifat nubuwwah tersebut untuk memimpin manusia ke arah ciri-ciri yang baik. Malah mukjizat seperti peristiwa Isra' dan Mikraj dianggap sebagai bahan cerita yang sengaja diperbesarkan (*exageration*) oleh pengikut baginda yang taksub sedangkan ia hanyalah sekadar mimpi yang tidak terjadi di alam realiti.

4. **Sikap Terhadap Ilmu-Ilmu Islam**

Ilmu-ilmu Islam seperti *Usul al-tafsir*, *Usul al-Fiqh*, *Usul al-Hadith*, *al-Jarah wa al-Ta'dil* dan sebagainya yang telah secara Ijma' diterima sebagai metod dalam disiplin ilmu, telah dikritik oleh aliran pemikiran ini sebagai buatan manusia. Penentuan hukum yang telah *qat'ie* dan hukum yang tidak *qat'ie* menurut mereka perlu dinilai semula dalam usaha merealisasikan konsep membuka dan membebaskan Islam melalui tafsiran semula ajaran Islam.

5. **Sikap Terhadap Hukum**

Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.

Berdasarkan kepada ciri-ciri penyelewengan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.

30

Hukum Meminta Orang Bukan Islam Sama-Sama Berdoa Mengikuti Anutan Masing-Masing Dalam Satu Majlis Yang Dihadiri Oleh Penganut Pelbagai Agama (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Hukum Meminta Orang Bukan Islam Sama-Sama Berdoa Mengikuti Anutan Masing-Masing Dalam Satu Majlis Yang Dihadiri Oleh Penganut Pelbagai Agama. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Doa tergolong di dalam perkara ibadah kepada Allah S.W.T. dan ia hendaklah dilakukan sebagai suatu acara yang tidak bertentangan dengan roh ibadah dan rasa tawaduk kepada Allah S.W.T. kerana bagi orang Islam memohon dan mendoakan sesuatu hanya kepada Allah S.W.T. sahaja.
2. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa orang Islam tidak harus meminta atau mengarahkan orang bukan Islam berdoa mengikuti agama mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, jika mereka berdoa atau memohon sesuatu mengikuti ajaran mereka dengan kehendak mereka sendiri tanpa diarahkan, perbuatan tersebut tidak dilarang.

31

Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqaam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. Dan Lain-Lain Syarikat (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-75 yang bersidang pada 12 September 2006

telah membincangkan Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqaam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. Dan Lain-Lain Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

“Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran dan pegangan yang dibawa dan disebarikan oleh ahli jamaah Syarikat Rufaqa’ Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya mengandungi fahaman-fahaman yang menyamai Kumpulan al-Arqaam yang telah diharamkan. Ahli jamaah SRC juga didapati mengamalkan ajaran dan pegangan baru yang telah menyeleweng daripada ajaran Islam. Penyelewengan-penyelewengan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kesalahan Yang Bercanggah Dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan kepercayaan bahawa:
 - a. Haji Ashaari bin Muhammad adalah Sahibul Zaman (Mujaddid), manakala Sheikh Muhammad al-Suhaimi pula sebagai Imam Mahdi.
 - b. Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Setiap ramalan tersebut dianggap oleh ahli jamaah SRC sebagai sebahagian daripada jadual Tuhan untuk memberi kemenangan kepada mereka.
 - c. Haji Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu secara langsung daripada Sheikh Muhammad al-Suhaimi dan Rasulullah SAW berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan.
 - d. Mujaddid atau Sahibul Zaman (Haji Ashaari bin Muhammad) mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu ladunni atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain. Ilham dari Tuhan datang kepadanya seperti air sungai yang mengalir.

- e. Ahli jamaah yang banyak menghayati minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya.
- f. Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) itu sebenarnya adalah wahyu dari Tuhan. Bagaimanapun, wahyu yang diturunkan kepada Abuya adalah 1/46 daripada kenabian.
- g. Allah S.W.T. hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar Sahibul Zaman (Haji Ashaari bin Muhammad), Imam Mahdi (Sheikh Muhammad al-Suhaimi) dan Nabi Isa A.S. yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan jadual Tuhan.
- h. Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) difahami sebagai intisari Quran dan hadith dan Abuya adalah orang Tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan. Dengan itu, tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith kerana minda sudah lengkap.
- i. Perjuangan ahli jamaah SRC dibantu dan dilindungi oleh para Rijal Ghaib yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh muqaddas (roh suci para ahli jamaah yang telah meninggal dunia).
- j. Bertawassul kepada Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan, Abuya akan menghantar bantuan sama ada menggunakan jin Islam atau dengan karamahnya.
- k. Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah manusia yang hebat. Malahan, lebih hebat daripada kita mempunyai 10 orang ibu dan ayah kerana menurut mereka hubungan dengan ibu bapa hanya terbatas di dunia sedangkan hubungan dengan Abuya kekal sehingga ke akhirat.

- l. Allah S.W.T. akan memberitahu Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) tentang musibah sakit yang dialami oleh ahli jamaah SRC. Sekiranya sakit tersebut tidak tertanggung oleh ahli jamaah, Abuya boleh meminta agar Allah S.W.T. meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh ahli jamaah.
 - m. Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) mempunyai kelebihan untuk menanggungkan ajal sekiranya ahli jamaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa.
 - n. Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) boleh meminta Allah S.W.T. menggantikan ajal kepada ahli jamaah lain yang telah sempurna iman dan taqwa.
 - o. Sewaktu ahli jamaah sedang nazak, Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala dengan mengajarkan talkin. Dengan itu, syaitan tidak akan menyesatkan ahli jamaah berkenaan.
 - p. Sewaktu ahli jamaah sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak ahli jamaah. Dengan itu, ahli jamaah berkenaan terlepas seksaan kubur.
 - q. Sewaktu di padang mahsyar, Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) menunggu-nunggu untuk memberikan syafaat kepada para pengikutnya.
2. Kesalahan Yang Bercanggah Dengan Syariah Islamiyyah adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa:
 - a. Ibadat sembahyang Jumaat pada mereka adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi. Apabila Imam Mahdi muncul dan membentuk kerajaan barulah ibadat sembahyang Jumaat menjadi wajib.

- b. Sahibul Zaman (Haji Ashaari bin Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah S.W.T. dalam bentuk ilham.
- c. Orang yang berjuang dengan mempunyai minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda Abuya dalam perjuangan.
- d. Seorang ahli ibadah (‘Abid) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana tidak mempunyai minda setaraf dengan wahyu dan tidak boleh menjadi khalifah.
- e. Quran yang ada sekarang hanya tinggal mashaf dan lafaz sahaja. Roh Quran telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada mujaddid (Haji Ashaari bin Muhammad).
- f. Sembahyang sehari semalaman hanya tiga waktu sahaja iaitu Subuh, sembahyang jamak Zohor dan Asar serta jamak Maghrib dan Isyak.
- g. Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadat haji.
- h. Duduk semajlis dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhamad) pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang tahjud sepanjang hayat.
- i. Beramal dengan Aurad Muhammadiyah sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad). Dengan mengamalkan Aurad Muhammadiyah, ahli jamaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Abuya.

- j. Amalan Aurad Muhammadiyah akan terbatal sekiranya ahli jamaah melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad).
 - k. Mengamalkan zikir agung yang terkandung di dalamnya unsur tawassul, menyeru roh orang yang telah mati serta mendakwa bahawa al-Sheikh Muhammad bin Abdullah al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.
3. Kesalahan Yang Bercanggah Dengan Akhlak Dan Etika Bermasyarakat adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa:
 - a. Ulama yang ada sekarang adalah ulama kitab atau ulama hafalan yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Manakala Sahibul Zaman pula, ilmunya datang terus dari Tuhan.
 - b. Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat PhD adalah tidak bermanfaat kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman.
 - c. Ilmu para ulama sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak setanding dengan ilmu orang Tuhan (Haji Ashaari bin Muhammad).
 - d. Allah melarang ulama yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujaddid yang berwatak Rasul.
 - e. Berdasarkan kepada penyelewengan tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia telah bersetuju memutuskan bahawa ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.

- f. Oleh yang demikian, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia mengambil keputusan bahawa:
- i. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Ruffaqah' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.
 - ii. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Ruffaqah' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, perubatan, pembinaan, pertanian, perladangan, telekomunikasi atau apa-apa aktiviti lain yang berhubungkait dengan SRC dan apa-apa ajaran yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan Al-Arqam adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.
 - iii. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Kumpulan al-Arqam sama ada melalui Syarikat Ruffaqah' Corporation Sdn. Bhd. (SRC), rangkaian syarikat gabungannya atau mana-mana pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Al-Arqam adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

- iv. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang disebut di dalam sub perenggan vi (a), (b), (c) adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- v. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan Al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Al-Arqam dan ahli jamaah SRC adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam; atau
- vi. Apa-apa jua bahan publisiti yang menonjolkan ajaran Kumpulan Al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Al-Arqam dan ahli jamaah SRC dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan.

32

Pameran Jin, Hantu Dan Keranda, Pameran Alam Misteri Serta Yang Berkaitan Dengannya (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Pameran Jin, Hantu Dan Keranda, Pameran Alam Misteri Serta Yang Berkaitan Dengannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa pameran jin, hantu dan keranda serta alam misteri adalah ditegah oleh Islam kerana ia boleh mendatangkan mudharat pada akidah umat

Islam. Manusia tidak dapat mencapai hakikat sebenar alam misteri, jin, hantu dan umat Islam tidak perlu dididik dengan perkara-perkara khurafat dan tahyul seumpama ini.

33 Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah membincangkan Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu. Muzakarah telah memutuskan bahawa amalan-amalan kebudayaan dan keseniaan tradisional yang mengandungi unsur-unsur mistik dan kebatinan, tahyul serta khurafat adalah ditegah oleh ajaran Islam kerana ia boleh menjejaskan akidah umat Islam.

34 Hukum Menggunakan Barangan Yang Mempunyai Lambang Agama Lain (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Barangan Yang Mempunyai Lambang Agama Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang menggunakan barangan yang mempunyai lambang agama lain seperti salib sekiranya lambang-lambang tersebut dinyatakan secara zahir dan jelas.

35

Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah. Muzakarah telah memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

36

Kedudukan Senaman *Yoga* Di Kalangan Umat Islam (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 telah membincangkan Kedudukan Senaman *Yoga* Di Kalangan Umat Islam. Muzakarah berpandangan dan berpendapat bahawa senaman *Yoga* yang berasal dari masyarakat Hindu sejak sebelum Masehi lagi yang menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan, mentera dan pemujaan bagi tujuan tertentu seperti mendapatkan ketenangan dan kemuncaknya, penyatuan diri dengan tuhan atau tujuan-tujuan lain adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan akidah seorang muslim.

Oleh itu, Muzakarah juga bersetuju dan memutuskan apa jua jenis atau bentuk amalan yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam. Sementara pergerakan amalan fizikal tanpa unsur-unsur di atas yang dilakukan pada zahirnya

tidaklah menjadi kesalahan. Namun demikian, masyarakat Islam dingatkan wajib berhati-hati dalam berwaspada dari perkara-perkara yang boleh menghakis akidah seseorang muslim.

Seperti yang sedia maklum, perkara-perkara yang boleh menghakis akidah boleh berlaku dengan sebab-sebab berikut:

1. Kepercayaan atau keyakinan di hati.
2. Menerusi perkataan atau pengakuan dengan lidah.
3. Perbuatan.

Memandangkan terdapat dua elemen tersebut dalam amalan *Yoga*, maka umat Islam wajib memelihara akidah mereka dari terhakis.

37

Pembinaan Monumen Peringatan Bagi Angkatan Tentera (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21-23 April 2009 telah membincangkan Hukum Pembinaan Monumen Peringatan Bagi Angkatan Tentera. Muzakarah telah memutuskan bahawa Islam menegah umatnya melakukan apa jua perbuatan dan amalan yang mempunyai unsur-unsur syirik dan menyerupai amalan jahiliyah serta berlebihan-lebihan dan membazir.

Oleh itu, Islam mengharamkan perbuatan membina, mengukir atau memahat apa jua bentuk patung sama ada manusia atau haiwan untuk tujuan pemujaan, peringatan atau sebagainya.

Walau bagaimanapun, sekiranya binaan tanda peringatan tersebut hanya mengandungi ukiran nama dan bentuk selain daripada manusia dan haiwan,

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ia adalah diharuskan selagi mana tidak berlaku pembaziran dan perbuatan-perbuatan yang boleh menjejaskan akidah seperti unsur-unsur pemujaan dan amalan-amalan lain yang bertentangan dengan syarak.

Acara-acara seperti Majlis Peringatan termasuk Bacaan Doa Selamat, Yasin, Tahlil dan sebagainya tidak boleh dilakukan di hadapan binaan peringatan tersebut dan hendaklah dilakukan di tempat berasingan seperti masjid atau bangunan lain semasa meraikan hari perayaan yang berkaitan.

38

Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti *Candlelight Vigil* (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-88 yang bersidang pada 2 Oktober 2009 telah membincangkan Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti *Candlelight Vigil*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam melarang umatnya daripada terlibat dalam apa jua amalan yang bersifat ritual atau upacara agama bukan Islam.
2. Umat Islam dilarang menyertai aktiviti *Candlelight Vigil* kerana ia mengandungi unsur-unsur tasyabbuh dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam.

39

Kedudukan Kursus *ESQ Leadership Training* (2010)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 16 Jun 2010 telah

membincangkan mengenai Kedudukan Kursus ESQ *Leadership Training*. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli serta rumusan awal yang telah dibuat pada Muzakarah Khas pada 14 April 2010, Muzakarah berpandangan bahawa kebanyakan unsur-unsur keraguan yang terkandung dalam kursus ESQ *Leadership Training* boleh diperbetul dan diperjelaskan.
2. Muzakarah bersetuju memutuskan supaya pihak ESQ membuat perubahan dan memperbetulkan dengan segera fakta-fakta, kenyataan atau apa jua aktiviti/perlakuan yang menimbulkan keraguan kepada masyarakat.
3. Muzakarah juga bersetuju membuat ketetapan bahawa Panel Syariah ESQ perlu bertanggungjawab dan memantau sepenuhnya pembetulan atau pindaan yang dibuat dan pelaksanaan tindakan tersebut hendaklah dilaporkan secara berterusan kepada Muzakarah. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Kursus ESQ *Leadership Training* boleh dilaksanakan di Malaysia dengan pengawasan sepenuhnya oleh Panel Syariah yang dilantik oleh ESQ.

40

Kedudukan Amalan Khurafat Di Pulau Besar Melaka (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Kedudukan Amalan Khurafat Di Pulau Besar Melaka. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah

dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan. Berdasarkan hasil penyelidikan tersebut, Muzakarah mendapati bahawa:

- a. Perbuatan memohon hajat, berdoa dan bermeditasi serta bertawassul di sisi kubur-kubur yang ada di sekitar Pulau Besar merupakan amalan ghuluw yang boleh membawa kepada syirik.
- b. Perbuatan memuja dengan tujuan untuk mendapatkan bantuan daripada sesuatu objek seperti di kubur Sultan Al-Arifin Syeikh Ismail, kubur Tujuh Beradik, kubur Syarifah Rodziah, kubur Syeikh Yusuf, kubur Tok Janggut, kubur Nenek Kebayan, Tempayan Pecah, Batu Belah, Gua Yunus, perigi Nenek Kebayan, tasik bunian, tasik biawak dan pokok disula adalah syirik.
- c. Perbuatan membaca Surah Yasin, membuat tahlil seterusnya mendoakan hajat bagi pihak orang bukan Islam dengan tujuan supaya permintaan mereka tercapai adalah dilarang oleh Islam.
- d. Perbuatan mandi di Perigi Nenek Kebayan dan Tempayan Pecah, menjadikan batu-batu atau objek yang diambil daripada perigi sebagai azimat, membakar colok di sekitar kawasan kubur dan pokok-pokok dengan mempercayai ia boleh memberi manfaat atau mudharat adalah perbuatan khurafat yang jelas dilarang oleh Islam.
- e. Perbuatan menjamu orang ramai dengan daging yang dinazar oleh orang Islam dan bukan Islam dan menjual poster yang dipercayai sebagai gambar para sahabat nabi adalah meragukan dari aspek hukum syarak dan perlu dihentikan.
- f. Amalan membaca tahlil ketika upacara menaik dan menurunkan bendera serta berjalan kaki tanpa kasut atau selipar menuju ke gua atau perigi serta perbuatan menyapu dan menjirus cairan candan berwarna kuning pada batu nisan dan kubur Sheikh Ismail adalah khurafat yang perlu ditegah.

2. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa amalan dan perbuatan yang dilakukan di Pulau Besar Melaka adalah merupakan perkara bida'ah dhalalah dan khurafat yang amat ditegah oleh syarak dan perlu dihentikan segera kerana ianya boleh membawa kepada syirik.
3. Sehubungan itu juga, Muzakarah menggesa supaya tindakan penguatkuasaan bagi membentaras amalan khurafat di Pulau Besar dilaksanakan segera oleh Kerajaan Negeri Melaka. Penjelasan dan kesedaran kepada masyarakat awam hendaklah dilaksanakan supaya amalan khurafat yang berleluasa di Pulau Besar tersebut dapat dihentikan.

41

Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan oleh Haji Shaari Mohd Yusof (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan oleh Haji Shaari Mohd Yusof. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) yang disebar oleh Haji Shaari bin Mohd Yusoff melalui buku "Mengenal Diri Ilmu Peninggalan Tok Kenali Kelantan", "Mengenal Allah Ilmu Peninggalan Tok Kenali" ceramah-ceramah yang disampaikan, DVD siri ceramah dan Laman Sesawang yang digunakan untuk menyebarkan ajarannya mengandungi perkara-perkara yang mengelirukan dan menyeleweng seperti yang berikut:

- a. **Bertentangan dengan fakta sejarah**
Dakwaan ilmu yang diperolehi adalah peninggalan ilmu Syeikh Daud Al-Fatani yang diwarisi oleh dua ulama terkenal, iaitu Tok Kenali dan Tok Selehong adalah satu pembohongan, kerana kedua ulama tersebut tidak sempat berguru dengan Syeikh Daud Al-Fatani yang meninggal tahun 1846, iaitu lebih 22 tahun sebelum kelahiran kedua-dua ulama tersebut.
 - b. **Membawa fahaman Mujassimah, Jabariyyah dan Muktaizilah**
Jumhur ulama telah bersetakat bahawa fahaman ini adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - c. **Membawa fahaman Liberal dan Pluralisme agama**
Fahaman ini juga didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah seperti mana telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006.
 - d. **Membawa fahaman Wahdatul Wujud**
Doktrin wahdatul wujud ini adalah menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah
 - e. Mentafsir nas-nas agama seperti Al-Quran dan Hadis mengikut logik akal dan tidak merujuk kepada kitab-kitab muktabar.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) yang dibawa oleh Haji Shaari bin Mohd Yusof adalah sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 3. Oleh itu, semua bentuk pengajaran, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan ajaran beliau melalui apa jua medium hendaklah dihentikan dan diharamkan serta-merta.

4. Muzakarah juga menggesa semua pihak berkuasa agama negeri-negeri dan JAKIM serta agensi-agensi lain yang berkaitan supaya mengambil tindakan segera menyekat kegiatan dan penyelewengan Ajaran Ilmu Makrifat ini.

BAB 2

IBADAH

1

Sembahyang Jumaat Pelajar Malaysia di Luar Negeri (1985)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 22-23 Oktober 1985 telah membincangkan Sembahyang Jumaat Pelajar Malaysia di Luar Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa Sembahyang Jumaat pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri dengan bertaqlid kepada mana-mana Mazhab Islam adalah sah. Hanya satu Sembahyang Jumaat sahaja dibenarkan bagi satu-satu tempat kediaman pelajar tersebut.

2

Sembahyang Jumaat Polis dan Tentera Yang Bertugas (1985)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 22-23 Oktober 1985 telah membincangkan Sembahyang Jumaat Polis dan Tentera yang Bertugas. Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah harus bagi Polis dan Tentera meninggalkan Sembahyang Jumaat kerana menjalankan tugas-tugas keselamatan yang dikira uzur syarie kerana mereka terpaksa bertugas dengan syarat tidak meninggalkan sembahyang Jumaat 3 kali berturut-turut.

3

Al-Fatihah Dan Bentuk-Bentuk Qiraat Yang Dbolehkan Dalam Sembahyang (1986)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-16 yang bersidang pada 18 Februari 1986 telah membincangkan Al-Fatihah Dan Bentuk-Bentuk Qiraat Yang Dbolehkan Dalam Sembahyang. Muzakarah telah memutuskan bahawa mengikut kajian dan pandangan Ahli Al-Quran bahawa bacaan yang telah tersebar luas lagi masyhor di seluruh dunia, di Rantau Asia, khususnya di negara kita ialah mengikut bacaan Riwayat Hafsun 'An 'Asim, maka sewajarnya bacaan tersebut dimasyorkan di negara ini. Walau bagaimanapun bagi mereka yang hendak membaca Al-Quran selain daripada Riwayat Hafsun 'An 'Asim maka hendaklah terlebih dahulu diberitahu atau muafakat bacaan di antara Imam dan Makmum supaya tidak menjadi kekeliruan ketika menunaikan sembahyang.

4

Hukum Sembahyang Jumaat Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos (1986)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-17 yang bersidang pada 6 Oktober 1986 telah membincangkan Hukum Sembahyang Jumaat Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos. Muzakarah telah memutuskan bahawa perkhidmatan dalam jabatan kerajaan yang tidak berkaitan dengan tugas keselamatan tidaklah termasuk dalam takrif uzur syarie, maka pihak yang berkuasa jabatan mana-mana yang berkenaan tidak harus membuat peraturan-peraturan bagi menghalang kakitangan lelaki yang beragama Islam untuk menunaikan sembahyang Jumaat.

5

Hukum Haji Lebih Daripada Sekali (1988)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-20 yang bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan Hukum Haji Lebih Daripada Sekali. Muzakarah telah memutuskan bahawa perspektif hukum bahawa kesan jemaah haji menunaikan haji lebih daripada sekali adalah berkebajikan di dunia dan beroleh ganjaran yang besar di akhirat terserahlah kepada orang perseorangan bahawa dia telah mendahulukan amalan yang wajib kemudian mengerjakan pula amalan yang sunat.

6

Tragedi Terowong Al-Muassim (1990)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-27 yang bersidang pada 3 Oktober 1990 telah membincangkan Tragedi Terowong Al-Muassim. Muzakarah telah memutuskan bahawa kehilangan 19 orang jemaah haji Malaysia akibat Tragedi Terowong Al-Muassim dianggap sebagai mati mafqud. Keterangan atau Baiyinah bagi mensabitkan kematian itu ialah:

1. Telah habis usaha mencari mereka;
2. Tidak ada bukti atau sangkaan bahawa mereka masih hidup dan bersembunyi diri di mana-mana tempat di Arab Saudi atau keluar dari negara itu ke sebuah negara lain dan bersembunyi di sana; dan
3. Bahawa mereka itu bukan orang yang mencari peluang untuk melarikan diri dari negara ini.

7

Kaedah Pengendalian Mayat Pesakit *AIDS* di Malaysia (1992)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-29 yang bersidang pada 19 Februari 1992 telah membincangkan Kaedah Pengendalian Mayat Pesakit *AIDS* di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mayat pesakit *AIDS* tidak termasuk dalam kategori yang diberi pengecualian dari dimandikan dan dikapankan. Tidak termasuk dalam kategori boleh diberi kelonggaran (rukhsah) dengan tayamum. Oleh itu mayat pesakit *AIDS* wajib dimandi, dikapan, disembahyang dan dikebumikan seperti mayat orang Islam yang lain.
2. Pengurusan mayat (jenazah) pesakit *AIDS* hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan seperti memakai sarung tangan, muka dan mencuci tangan dengan *Clorox*.

8

Pindaan Kaedah Penetapan Hari Raya Aidil Adha Di Malaysia (1992)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 telah membincangkan Pindaan Kaedah Penetapan Hari Raya Aidil Adha Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa kaedah penetapan Aidil Adha di Malaysia yang berdasarkan tarikh hari wukuf di Arafah dipinda kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini.

9

Sembahyang Jamak Kerana Menjalani Rawatan Penyakit-Penyakit Kronik Di Hospital-Hospital Kerajaan/Swasta (2000)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Sembahyang Jamak Kerana Menjalani Rawatan Penyakit-Penyakit Kronik Di Hospital-Hospital Kerajaan/Swasta. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum sembahyang jamak kerana rawatan penyakit kronik yang memakan masa yang lama seperti menjalani rawatan hemodialisis bagi penyakit buah pinggang dan seumpamanya adalah harus.

10

Pekerja-Pekerja Islam Di Kilang-Kilang Yang Tidak Dapat Menunaikan Sembahyang Fardhu (2003)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-54 yang bersidang pada 23 Januari 2003 telah membincangkan Pekerja-Pekerja Islam Di Kilang-Kilang Yang Tidak Dapat Menunaikan Sembahyang Fardhu. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Sembahyang adalah wajib bagi setiap orang Islam yang cukup syaratnya. Sembahyang fardhu hanya boleh dijamakkan jika terdapat keuzuran yang dibenarkan oleh syarak.
2. Menasihatkan kepada pihak berkuasa agar sentiasa berbincang dengan pihak kilang untuk mencari jalan supaya orang Islam boleh menunaikan sembahyang dalam waktunya.

11

Sembahyang Jumaat Banduan Di Dalam Penjara Dan Seumpamanya (2003)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah membincangkan Sembahyang Jumaat Banduan Di Dalam Penjara Dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum sembahyang Jumaat ke atas banduan di penjara dan seumpamanya adalah wajib dan Jabatan Penjara Malaysia hendaklah membenarkan para banduan menunaikan sembahyang Jumaat kecuali bagi mereka yang didapati boleh menimbulkan ancaman seperti ancaman keselamatan, sosial dan sebagainya.

12

Hukum Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Di Kem Bagi Peserta Latihan Khidmat Negara (2004)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-62 yang bersidang pada 16 Mac 2004 telah membincangkan Hukum Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Di Kem Bagi Peserta Latihan Khidmat Negara. Muzakarah telah memutuskan bahawa penyesuaian hukum bagi membenarkan solat Jumaat didirikan adalah tidak dapat tercapai memandangkan terdapatnya perbezaan keadaan tempat di antara satu kem dengan kem yang lain. Maka Muzakarah bersetuju agar hukum dan kebenaran mendirikan solat Jumaat di Kem bagi peserta Khidmat Negara diserahkan kepada Jabatan Mufti Negeri-Negeri untuk membuat keputusan.

13

Hukum Wakalah Dan Beberapa Perkara Berbangkit Dalam Ibadat Korban (2004)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-66 yang bersidang pada 25 November 2004 telah membincangkan Hukum Wakalah Dan Beberapa Perkara Berbangkit Dalam Ibadat Korban. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Hukum asal wakalah adalah harus.
2. Harus bagi wakil mewakilkan kepada orang lain dengan keizinan muwakkil.
3. Harus bagi wakil mewakilkan kepada orang lain sekiranya tidak mampu atau tidak layak melakukan sendiri perkara yang diwakilkan tersebut.
4. Harus mengagihkan daging korban ke tempat atau negara lain.
5. Tidak harus mengagih dan memberi makan daging korban kepada orang bukan Islam.

14

Hukum Bermabit Di Mina Bagi Jemaah Haji Yang Tidak Diperuntukkan Tempat Di Mina (2004)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-66 yang bersidang pada 25 November 2004 telah membincangkan Hukum Bermabit Di Mina Bagi Jemaah Haji Yang Tidak Diperuntukkan Tempat Di Mina. Muzakarah telah memutuskan bahawa jemaah haji yang tidak diperuntukkan tempat untuk bermabit di Mina adalah digugurkan daripada melaksanakan kewajipan berkenaan dan

tidak dikenakan apa-apa dam, ibadat haji mereka adalah sah dan tidak berdosa kerana mereka adalah termasuk golongan Al-Ma'zurin sama seperti Siqayah Al-'Abas yang diberikan rukhsah oleh Nabi S.A.W. untuk tidak bermabit di Mina.

15

Hukum Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji Atau Umrah (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji Atau Umrah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan ia tidak menjejaskan kehidupan normalnya; dan
2. Skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, taawun, adil dan telus dalam operasinya disamping bebas dari unsur-unsur riba.

16

Pelaksanaan Ibadah di *International Space Station* (ISS) (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Pelaksanaan Ibadah Di *International Space Station* (ISS). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Penggunaan tisu yang telah disediakan di *International Space Station* (ISS) sebagai alat beristinja' adalah harus.
2. Harus bertayammum dengan apa sahaja yang berasal dari bumi (contohnya ISS) sebagai kaedah mengangkat hadas.
3. Solat ditunaikan sebanyak lima kali untuk tempoh 24 jam (hari di bumi) dan boleh ditunaikan secara jamak dan qasar dan tidak perlu diqada.
4. Waktu solat dan puasa di ISS adalah mengikut waktu tempat pelepasan.
5. Penentuan arah qiblat hendaklah dengan cara menghadap kaabah dan sekiranya sukar, bolehlah menghadap ke mana-mana arah.

17

Hukum Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Hukum Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat.

Muzakarah telah memutuskan bahawa sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak.

18

Hukum Pelaksanaan Ibadah Bagi Pesakit Yang Menggunakan Beg *Kolostomi* (2007)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah membincangkan Hukum Pelaksanaan Ibadah Bagi Pesakit Yang Menggunakan Beg *Kolostomi*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pesakit yang menggunakan beg *kolostomi* dikategorikan sebagai mereka yang mengalami masalah dharurat dan tidak dianggap sebagai menanggung najis. Oleh itu, mereka tidak perlu mengosong atau membersihkan beg *kolostomi* setiap kali berwudhu' atau menunaikan solat.
2. Wudhu' yang diambil oleh pesakit harus digunakan untuk melaksanakan semua ibadah termasuk menunaikan solat fardhu sehingga wudhu' tersebut terbatal.

19

Had Berpaling Yang Dibenarkan Daripada Arah Qiblat (2007)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah berbincang mengenai Had Berpaling Yang Dibenarkan Daripada Arah Qiblat (Had al-Tahawwul 'Anil Qiblah). Muzakarah berpandangan bahawa arah menghadap qiblat merupakan perkara ijtihadi dan zanni. Penentuan had tidak melebihi 3% bagi pesongan mihrab yang dibenarkan tidak perlu ditetapkan. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa had berpaling yang dibenarkan dari arah qiblat tidak perlu difatwakan, tetapi boleh dijadikan garis panduan dalam pembinaan masjid dan surau baru.

20 Hukum Mencerap Hilal Dari Satelit (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Mencerap Hilal Dari Satelit. Muzakarah telah memutuskan bahawa buat masa ini belum ada keperluan untuk menggunakan satelit bagi mencerap hilal dalam menentukan bulan-bulan qamariah khususnya Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah memandangkan kaedah hisab dan rukyah yang digunakan masih sesuai. Walau bagaimanapun untuk tujuan penyelidikan dan merakam pergerakan bulan penggunaan satelit adalah diharuskan.

21 Hukum Bersuci Bagi Pekerja Di Loji Kumbahan (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Hukum Bersuci Bagi Pekerja Di Loji Kumbahan. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang-orang Islam yang bekerja di loji kumbahan sekiranya diyakini waktu atau tempoh bekerja tidak akan melebihi waktu solat, maka kaedah pelaksanaan solat hendaklah dilakukan seperti biasa setelah bersuci yang ditetapkan oleh syarak seperti berikut:

1. Menghilangkan 'ain najis pada badan dan pakaian;
2. Membasuh dengan air yang suci sehingga peringkat yakin (hilang bau, warna dan rasa);
3. Bagi menyucikan najis mughallazah, selain daripada syarat (1) dan (2) di atas, ia perlu dibasuh dengan tujuh kali air yang suci termasuk sekali air bercampur tanah.

22

Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan *Hemodialisis* (2008)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84 yang bersidang pada 15 Disember 2008 telah membincangkan Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;
2. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan
3. Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

23

Hukum Memakai *Mask* (Penutup Mulut Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam Ihram (2009)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-89 yang bersidang pada 14-16 Disember 2009 telah membincangkan Hukum Memakai *Mask* (Penutup Mulut Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam Ihram. Muzakarah berpandangan bahawa mencegah penularan wabak yang boleh membahayakan nyawa dan kesihatan semasa menunaikan ibadah haji atau umrah amat dituntut oleh Islam. Oleh itu, dalam keadaan di mana sesuatu penyakit itu telah menjadi wabak, Islam memberi pengecualian dan kelonggaran kepada para jemaah untuk menutup sebahagian muka walaupun ia merupakan perkara yang dilarang semasa menunaikan ibadah haji atau umrah.

Oleh yang demikian, Muzakarah memutuskan bahawa jemaah haji dan umrah ketika di dalam ihram diharuskan menutup sebahagian muka dengan memakai *mask* (penutup mulut dan hidung) serta tidak perlu membayar dam.

24

Kedudukan Kursus Pelatihan Solat Khusyuk (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011 telah membincangkan Kedudukan Kursus Pelatihan Solat Khusyuk. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa khusyuk di dalam sembahyang memang dituntut kepada umat Islam untuk melaksanakannya dan Islam memberi kemudahan yang amat luas untuk melaksanakan ibadah sembahyang tanpa memberatkan dengan amalan-amalan yang berlebih-lebihan .
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ajaran, fahaman dan gerak geri perlakuan yang terkandung dalam Kursus Pelatihan Solat Khusyuk ini tidak terdapat di dalam ajaran Islam dan umat Islam **ditegah** daripada melakukan amalan ibadah yang tidak pernah dianjurkan oleh Islam.

25

Kedudukan Perbuatan Zikir Sambil Memukul Gendang Atau Peralatan Muzik Lain Dalam Masjid Atau Surau (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober

2014 telah membincangkan Kedudukan Perbuatan Zikir Sambil Memukul Gendang Atau Peralatan Muzik Lain Dalam Masjid Atau Surau. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan Muzakarah menegaskan bahawa amalan berzikir adalah suatu tuntutan yang dianjurkan oleh Islam dan dianggap sebagai ibadah sunat bagi mengingat Allah dengan menyebut nama-Nya.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa amalan berzikir pada masa kini yang telah ditambah dengan cara memukul alat muzik seperti rebana, tabla (gendang) dan sebagainya di dalam masjid atau surau oleh sesetengah pihak, boleh mengganggu urusan ibadah orang lain yang datang untuk menunaikan solat, membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya. Perbuatan sebegini adalah ditegah oleh Nabi SAW berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Malik:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ عَلَى النَّاسِ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَقَدْ عَلَتْ
أَصْوَاتُهُمْ بِالْقِرَاءَةِ فَقَالَ إِنَّ الْمُصَلِّيَ يُنَاجِي رَبَّهُ فَلْيَنْظُرْ بِمَا يُنَاجِيهِ بِهِ وَلَا
يَجْهَرُ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya: *Baginda mendapati para sahabatnya sedang sembahyang dan mereka menguatkan (menyaringkan) bacaannya, lalu baginda bersabda: “Sesungguhnya orang yang sembahyang itu bermunajat kepada tuhan-Nya, maka hendaklah engkau memerhatikan apa yang dia munajatkan itu dan janganlah menyaringkan suara sebahagian dari kamu atas sebahagian (mengatasi) yang lain dengan bacaan-bacaan Al-Quran”.*

3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa melagukan zikir adalah harus jika ianya dilakukan dengan penuh adab dan boleh membawa kepada tercapainya matlamat berzikir. Tetapi jika majlis atau amalan berzikir tersebut dilakukan dengan penggunaan alat-alat muzik yang dilarang sehingga melalaikan dan menghilangkan tujuan sebenar berzikir atau dilakukan di tempat ibadah seperti surau

atau masjid sehingga mengganggu urusan ibadah orang lain atau majlis yang bercampur antara lelaki dan wanita yang bukan mahram, maka perbuatan zikir sedemikian adalah dilarang oleh Islam.

BAB 3 MUAMALAT DAN EKONOMI

1 Wang Faedah (1971)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 21-22 Januari 1971 telah membincangkan Wang Faedah. Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.
2. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan masalah umum.

2 *Nominee* (Penama) (1978)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-15 yang bersidang pada 6 Mac 1978 telah membincangkan *Nominee* (Penama). Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Melantik penama (*Nomination*) oleh orang-orang Islam dalam mana-mana badan atau institusi di mana mereka menyimpan sebarang harta adalah tidak sah untuk diterima sebagai waris yang berhak menerima

pusaka si mati cuma ia adalah sebagai yang melaksanakan wasiat untuk membahagikan harta pusaka tersebut kepada para waris mengikut hukum syarak.

2. Bahawa orang-orang Islam tidak boleh melantik penama (*Nominee*) oleh kerana penama mengikut definisi undang-undang awam (sivil) adalah bertentangan dengan hukum syarak dan tidak sah.
3. Oleh itu undang-undang awam (sivil) yang berkenaan hendaklah dipinda supaya sebarang penamaan (*Nomination*) oleh seseorang Islam menjadi tidak sah. Ini bermakna peruntukan mengenai *Nomination* atau perlantikan *nominee* tidak tertakluk kepada orang-orang yang beragama Islam sama ada sesuatu *Nomination* itu dibuat sebelum atau selepas fatwa ini dipersetujui oleh Raja-raja Melayu.

3

Insurans (1979)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-16 yang bersidang pada 15-16 Februari 1979 telah membincangkan Insurans. Persidangan telah memutuskan bahawa insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu muamalah yang fasad kerana aqadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu:

1. Mengandungi gharar (ketidaktentuan).
2. Mengandungi unsur judi.
3. Mengandungi muamalah riba.

4

Saham Wakaf Dan Wakaf Ganti (Wakaf Ibdal) (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan Saham Wakaf Dan Wakaf Ganti (Wakaf Ibdal). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mengadakan saham wakaf yang musyarakat dengan syarikat-syarikat perniagaan melalui belian saham, kemudian diwakafkan dengan tujuan memajukan harta wakaf adalah diharuskan mengikut syarat-syarat wakaf.
2. Wakaf Gantian (wakaf ibdal) ialah bermaksud menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah.

5

Khairat Kematian (1987)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 25 Februari 1987 telah membincangkan Khairat Kematian. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Selain daripada Kumpulan Khairat Kematian Lembaga Letrik Negara ini terdapat juga bentuk kumpulan khairat yang sama yang dikendalikan oleh organisasi lain di negara ini seperti Jabatan Bomba, Felda dan lain-lain. Keahliannya juga melibatkan orang bukan Islam.
2. Dari segi hukum orang Islam tidak boleh membantu sebarang kegiatan atau perbuatan bercorak keagamaan agama-agama bukan

Islam tetapi bantuan kepada kegiatan atau perbuatan berbentuk kemasyarakatan diharuskan.

3. Muzakarah mengambil keputusan Kumpulan Khairat Kematian yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara harus disisi syarak dengan syarat wang bantuan yang dikeluarkan tidak digunakan bagi kegiatan atau perbuatan bercorak keagamaan agama bukan Islam.
4. Penyertaan orang Islam dalam Kumpulan Khairat Kematian yang ahlinya bercampur antara orang Islam dengan bukan Islam adalah harus dengan syarat mereka hendaklah meniatkan wang yang disumbangkan kerana tujuan bantuan dan bukan membantu perkara yang berkaitan dengan keagamaan bukan Islam.

6

Skim Haji Perkhidmatan Tentera (1987)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 25 Februari 1987 telah membincangkan Skim Haji Perkhidmatan Tentera. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Skim ini merupakan satu usaha yang baik bagi membantu anggota-anggota tentera untuk menunaikan fardu haji.
2. Skim ini tidak bercanggah dengan Islam dengan syarat wang yang dikeluarkan bagi tujuan ini hendaklah daripada sumber pokok tabung berkenaan.
3. Muzakarah telah mengambil keputusan bahawa skim perkhidmatan haji angkatan tentera seperti yang dicadangkan ini adalah halal dari segi syarak kerana berhutang untuk menunaikan haji adalah harus.

7

Ganjaran Terbitan Dan Pencen Terbitan (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 yang bersidang pada 12 September 1988 telah membincangkan Ganjaran Terbitan Dan Pencen Terbitan. Muzakarah telah memutuskan bahawa ganjaran terbitan dan pencen terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pusaka.

8

Akaun Simpanan Yang Tidak Aktif Dalam Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (1990)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-27 yang bersidang pada 3 Oktober 1990 telah membincangkan Akaun Simpanan Yang Tidak Aktif Dalam Lembaga Urusan Dan Tabung Haji. Muzakarah telah memutuskan bahawa dari segi hukum syarak, Lembaga Urusan Dan Tabung Haji tidak boleh menyerahkan wang daripada Akaun Tidak Aktif bagi pen deposit-pen deposit Tabung Haji kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Fatwa ini adalah berdasarkan bahawa telah ada akad persetujuan di antara pen deposit dengan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji yang meletakkan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji sebagai pemegang amanah untuk menjalankan urusan wang simpanan pen deposit. Hak pen deposit ke atas wang simpanan itu masih kekal dan tidak terputus walaupun akaun itu tidak aktif telah melebihi tujuh (7) tahun.

9

Hukum Bermuamalat Dengan Bank-Bank Perdagangan (1993)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 telah membincangkan Hukum Bermuamalat Dengan Bank-Bank Perdagangan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bekerja di bank atau institusi kewangan hukumnya harus.
2. Pinjaman bank atau institusi kewangan adalah haram hukumnya kecuali kerana terpaksa bagi memenuhi keperluan asas yang mendesak.
3. Menyimpan di bank dengan tidak mengambil faedah hukumnya harus.
4. Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
5. Menerima berbagai bentuk hadiah dan pemberian dari bank dan institusi kewangan seperti biasiswa adalah harus hukumnya.
6. Menyewa bangunan kepada bank adalah haram.
7. Memegang saham bank yang mengamalkan riba adalah haram.

10

Pewaris Harta & Harta Sepencarian Yang Dilaksanakan Di Rancangan Felda (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-38 yang bersidang pada 21 Jun 1995 telah membincangkan Pewarisan Harta & Harta Sepencarian Yang Dilaksanakan Di Rancangan Felda. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Amalan yang dilaksanakan dirancangan Felda mengenai pewarisan harta yang berdasarkan Akta Tanah 1960 adalah tidak bertentangan kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.

Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris-waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:

1. Harta simati hendaklah dijual.
2. Penjualan harta tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada waris.
3. Hasil dari penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid.
4. Kalau harta simati tidak habis dibahagikan maka lebihan pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

Bersetuju bahawa amalan yang dilaksanakan dirancangan Felda mengenai harta sepencarian tidak bertentangan dengan hukum syarak.

11

Langkah-Langkah Membangunkan Hartanah Waqaf MAIN Dari Perspektif Hukum (1996)**Keputusan:**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-41 yang bersidang pada 3-4 November 1996 telah membincangkan Langkah-Langkah Membangunkan Hartanah Waqaf MAIN Dari Perspektif Hukum. Muzakarah telah memutuskan bahawa Wakaf Istibdal dan Saham Wakaf merupakan perkara yang amat baik dan perlu diamalkan pada masa ini kerana pembangunan sedang berjalan dengan begitu pesat sedangkan tanah-tanah waqaf, tapak masjid lama terbiar dengan begitu sahaja dan menyulitkan pihak berkuasa. Maka sudah sampai masanya segala amalan dan urusan mengenai waqaf pada keseluruhannya diubahsuai dengan tidak terikat kepada Mazhab Syafie sahaja manakala kaedah pengurusan didasarkan kepada mazhab Hanafi umpamanya atau mana-mana mazhab atau qaul yang sesuai dengan keadaan dan masa.

Selain daripada itu untuk amalan adalah perlu berhati-hati dan lebih ihtiyat supaya tidak dipergunakan dengan sewenang-wenangnya. Untuk pandangan se pantas lalu, bagi mewujudkan wakaf atau mengimarahkan mana-mana wakaf tersebut lebih utama diuruskan melalui saham wakaf dan jika tidak dapat diamalkan melalui saham wakaf dengan sebab-sebab tertentu maka amalan melalui istibdal itu dilaksanakan dengan syarat-syarat tertentu dan ditadbir dengan sempurna.

12

Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa (1999)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-46 yang bersidang pada 22 April 1999 telah membincangkan Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Tanah wakaf tidak boleh sama sekali dipindah milik kecuali kerana darurat yang memerlukan demikian berdasarkan syarat-syarat yang tertentu.
2. Tanah wakaf yang diambil/dipindah milik kepada kerajaan pihak berkenaan hendaklah membayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya.
3. Tanah wakaf yang hendak dibangunkan hendaklah dikecualikan syarat penyerahan tanah untuk tujuan pembinaan kemudahan awam seperti jalan, saluran, tapak pencawang letrik dan sebagainya. Bagaimanapun kemudahan awam itu bolehlah dibina diatas tanah wakaf itu.
4. Bagi tanah wakaf khas untuk tujuan-tujuan tertentu seperti masjid, sekolah dan seumpamanya pihak yang mengambil tanah itu hendaklah memperuntukkan bahagian-bahagian yang tertentu sebagai gantian tanah wakaf yang diambil mengikut nilai semasa bagi mengekalkan status wakaf tersebut. Contohnya bangunan bertingkat-tingkat yang didirikan, beberapa unit tertentu (mengikut nilai semasa) diperuntukkan untuk masjid atau sekolah atau sebagainya seperti yang diniatkan oleh pewakaf.

13

Wang Simpanan KWSP, SOCSO Dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam Yang Meninggal Dunia (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Wang Simpanan KWSP, SOCSO Dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam Yang Meninggal Dunia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Wang KWSP dan wang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
2. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan simati) mengikut hukum faraid.
3. Bahagian Undang-Undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak semula peraturan dan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

14

Wang Pampasan Kematian Pekerja Yang Dianugerahkan Oleh Kerajaan Atau Syarikat Swasta (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Wang Pampasan Kematian Pekerja Yang Dianugerahkan Oleh Kerajaan Atau Syarikat Swasta. Muzakarah telah memutuskan bahawa wang pampasan yang diperolehi dari kematian pekerja, wang pampasan melalui tuntutan mahkamah, wang SOCSO dan seumpamanya tidak dianggap harta pusaka.

15

Pinjaman Pendidikan Mengikut Prinsip Syariah (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 yang bersidang pada 11 Mac 2002 telah membincangkan Pinjaman Pendidikan Mengikut Prinsip Syariah. Muzakarah telah memutuskan bahawa mengikut kaedah Syariah, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) boleh

menggunakan kos perkhidmatan mengikut perkiraan yang sebenar ke atas pinjaman yang diberikan kepada pelajar.

16

Hukum Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Islam (2004)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan Hukum Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya;
2. Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka harta itu tidak menjadi hak kepada penama yang bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kepada Baitumal; dan
3. Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

17 Hukum Peraduan SMS Dan Menyertainya Menurut Pandangan Islam (2004)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-64 yang bersidang pada 27 Julai 2004 telah membincangkan Hukum Peraduan SMS Dan Menyertainya Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa Peraduan kuiz melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan seumpamanya adalah mengandungi unsur-unsur eksploitasi kesamaran (tidak jelas), pertaruhan dan nasib yang tergolong dalam pengertian judi. Dari itu hukum peraduan kuiz tersebut adalah haram di sisi Syarak.

18 Hukum Wakaf Bagi Tanah Bertaraf Hak Milik Terhadap (2004)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004 telah membincangkan Hukum Wakaf Bagi Tanah Bertaraf Hak Milik Terhadap. Muzakarah telah memutuskan bahawa mewakafkan tanah hak milik terhadap (leasehold) adalah sah dan diterima oleh syarak.

19 Hukum Skim Cepat Kaya Dan Seumpamanya (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Skim Cepat Kaya Dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa Hukum Skim Cepat Kaya Dan

Seumpamanya adalah haram kerana ia mengandungi unsur-unsur judi, riba, gharar dan tadlis dan umat Islam dilarang daripada terlibat dengan skim ini.

20 Hukum Sistem Jualan Langsung (MLM) Menurut Islam (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-72 yang bersidang pada 23 Januari 2006 telah membincangkan Hukum Sistem Jualan Langsung (MLM) Menurut Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa konsep, struktur dan undang-undang perniagaan *Multi Level Marketing* (MLM) yang diluluskan Kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan Islam.

21 Hukum Ke Atas Produk *Investment Link* Menurut Islam (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Hukum Ke Atas Produk *Investment Link* Menurut Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa umat Islam hari ini mempunyai banyak alternatif untuk membeli atau melabur dalam produk-produk insurans yang berlandaskan syariah.

Oleh itu, pembelian produk-produk *Investment Link* yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang menggabungkan insurans konvensional dan pelaburan saham amanah dalam dana-dana yang tidak menepati syarak perlu dielakkan oleh umat Islam.

22

Penentuan Hukum Syarak Di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) Di Malaysia (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Penentuan Hukum Syarak Di Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Sumber modal kerja untuk pemegang pajak gadai Islam (Ar Rahnu) hendaklah diperolehi daripada perbankan Islam atau sumber-sumber yang halal dan bebas dari amalan riba, judi dan gharar dan aktiviti lain yang tidak selaras dengan kehendak syariah.
2. Pemegang Ar Rahnu hendaklah mengambil perlindungan insurans Islam (takaful) dan tidak boleh terlibat dengan insurans konvensional;
3. Sekiranya barang sandaran hilang atau dicuri atau musnah dan sebagainya pemegang Ar Rahnu hendaklah membayar pampasan baki nilai barang sandaran sewaktu ia ditaksirkan;
4. Pemegang Ar Rahnu digalakkan melantik Panel Penasihat Syariah dalaman bagi memantau operasi dan aktiviti Ar Rahnu.

23

Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Status Bangunan yang telah siap dibina di atas Tanah Wakaf.
 - a. Bangunan yang telah siap dibina di atas tanah wakaf tidak menjadi wakaf secara automatik. Sekiranya pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH) ingin mewakafkannya, ia tidak menjadi halangan.
 - b. Bangunan tersebut perlu didaftarkan sebagai harta wakaf yang baru dan perlu memenuhi rukun-rukun wakaf dan enakmen negeri-negeri.
2. Pembangunan Menggunakan Dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK-9 Di Atas Tanah Baitulmal Milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).
 - a. Tanah Baitulmal milik MAIN dan bangunan yang dibina di atas tanah tersebut yang menggunakan dana program pembangunan harta wakaf RMK-9 boleh didaftarkan sebagai harta wakaf.
 - b. Untuk memenuhi dan mematuhi peraturan Syariah, JWZH hendaklah merujuk kepada syarat-syarat wakaf yang sedia ada.
3. Pemajakan Tanah Wakaf kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
 - a. Tanah Wakaf boleh dipajak tetapi tidak boleh dijual.
4. Penjualan Pajakan Unit Kedai/Kediaman/Ruang Pejabat Yang Telah Dibangunkan Di Atas Tanah Wakaf.
 - a. Unit-Unit kediaman atau kedai yang dibina di atas tanah wakaf boleh dipajak kepada individu bagi tempoh jangka panjang.
 - b. Syarat dan kaedah yang perlu dipatuhi supaya menepati keperluan syarak adalah berdasarkan Akad Pajakan (sewaan).
5. Status Kerajaan Persekutuan Dalam Pembangunan Tanah Wakaf.

- a. Kerajaan Persekutuan boleh dianggap sebagai pewakaf dengan syarat peruntukan yang disediakan untuk membangunkan tanah wakaf diniat untuk wakaf.
 - b. Sebagai pewakaf, kerajaan berhak menentukan syarat-syarat harta yang diwakafkan. Sungguhpun begitu, pelantikan nazir tidak dibenarkan kerana bercanggah dengan Enakmen sedia ada.
6. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH) Sebagai Pemegang Amanah Dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK-9.
- a. JWZH boleh menjadi pemegang amanah dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK-9 melalui entiti wakaf kebangsaan yang akan ditubuhkan menerusi usahasama ekonomi dengan MAIN dengan syarat mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak di antara MAIN dan JWZH.
7. Pemegang Amanah Tunggal Wakaf
- a. Isu MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf bukan merupakan isu syariah sebaliknya isu dasar yang melibatkan pentadbiran.
8. Wakaf Wang Tunai
- a. Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam.
9. Pengecualian atau Remitan Cukai Tanah Terhadap Harta Wakaf.
- a. Harta wakaf wajar mendapat pengecualian daripada cukai.

24

Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat *Swiss Cash Mutual Fund* (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat *Swiss Cash Mutual Fund*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti *Swiss Cash Mutual Fund* dan lain-lain adalah haram kerana ia mengandungi unsur riba dan gharar.
2. Oleh itu, umat Islam dilarang terlibat dengan pelaburan seumpama ini kerana banyak alternatif lain berlandaskan Islam yang boleh disertai oleh umat Islam.

25

Penentuan Hukum Syarak Di Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) Di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian) (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007 telah membincangkan Penentuan Hukum Syarak Di Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) Di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian). Muzakarah telah memutuskan bahawa bersetuju menerima cadangan kadar upah simpan barang gadaian untuk skim Ar Rahnu seperti berikut:

NILAI BARANG GADAIAN	TEMPOH (BULAN)	KADAR UPAH YANG DITETAPKAN (% sebulan)
RM100.00 - RM1,000.00	3 bulan pertama	0.60% sebulan
	3 bulan berikutnya	0.70% sebulan
RM 1,001.00 - RM 5,000.00	3 bulan pertama	0.65% sebulan
	3 bulan berikutnya	0.80% sebulan
RM 5,001.00 - RM 10,000.00	3 bulan pertama	0.80% sebulan
	3 bulan berikutnya	0.95% sebulan

Sekiranya setelah tamat tempoh yang dinyatakan, barang gadaian tersebut masih gagal ditebus, persetujuan kedua-dua belah pihak perlu diperolehi bagi menentukan tempoh lanjutan dan kadar yang dikenakan.

26

Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Selain Daripada Niat Asal Pewakaf (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Selain Daripada Niat Asal Pewakaf. Muzakarah telah memutuskan bahawa membangunkan tanah wakaf khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam.

27 Kajian Hukum Insurans Am (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Kajian Hukum Insurans Am. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum ke atas Insurans Am adalah tidak diharuskan oleh Islam.

28 Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa konsep dan pelaksanaan takaful di Malaysia adalah bertepatan dengan syariat Islam.

29 Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus.

30

Hukum Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Seksyen 40 Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa semua tanah Kerajaan dalam wilayah negeri dan semua bahan galian dan bahan batuan yang terkandung di dalamnya yang belum dilupuskan adalah hak tunggal pihak berkuasa negeri.
2. Seksyen 48 Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa tiada hak milik tanah Kerajaan boleh diperolehi secara pegangan, pendudukan tak sah atau pendudukan di bawah mana-mana lesen untuk selama mana sekali pun.
3. Seksyen 78(3) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa pemberi milikan tanah Kerajaan berkuatkuasa mulai daripada tarikh pendaftaran hak milik. Selagi hak milik belum didaftarkan, tanah yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri untuk diberi hak milik itu masih lagi kepunyaan Kerajaan.
4. Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tanpa wibawa yang sah:
 - a. Menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau perlombongan:
 - b. Membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian darinya; atau
 - c. Memotong atau mengalih apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah sedemikian.

5. Adalah melakukan kesalahan dan boleh jika disabitkan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau pemenjaraan untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
6. Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, beberapa kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang melibatkan pembukaan, penerokaan atau pendudukan tanah Kerajaan tidak mengambil kira atau mengiktiraf prinsip Ihya' al-Mawat. Sebagai contoh dalam kes Sidek bin Haji Muhamad & 461 Ors. v. The Government Of The State Of Perak & Ors. (1982) 1 MLJ 313, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa peneroka yang membuka dan menduduki tanah hutan Kerajaan di kawasan Kampung Gajah, Daerah Perak Tengah, Teluk Anson, Perak adalah setinggian dan tidak mempunyai hak di sisi undang-undang atau ekuiti. Rayuan peneroka-peneroka yang terlibat untuk diberi hak sebagai pemilik tanah berkenaan telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.
7. Justeru itu, bagi membolehkan prinsip Ihya' al-Mawat diiktiraf dan diterima pakai dalam Kanun Tanah Negara, pindaan-pindaan yang sewajarnya perlu dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kanun Tanah Negara.

31

Kajian Pelaksanaan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Berasaskan Kontrak Ju'alah (2008)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 28 Julai 2008 telah membincangkan Kajian Pelaksanaan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Berasaskan Kontrak Ju'alah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju dengan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN

kepada pelajar atas konsep upah (Ujrah) dengan kadar yang munasabah dan tidak membebankan pelajar.

2. Pihak PTPTN boleh mengenakan pampasan (ta'widh) kepada pelajar yang telah mendapat pekerjaan tetap dan berkemampuan daripada aspek kewangan tetapi sengaja tidak mahu membayar semula pembiayaan PTPTN. Bagi pelajar yang tidak mempunyai kerja tetap dan tidak berkemampuan daripada aspek kewangan tidak dikenakan pampasan.
3. Pihak PTPTN hendaklah memberikan rebat (ibra') kepada pelajar yang berjaya melangsaikan pembiayaan lebih awal daripada tamat tempoh perjanjian dan;
4. Bersetuju supaya pembiayaan PTPTN berasaskan konsep upah ini diaplikasikan kepada semua kategori pelajar di setiap peringkat pengajian dan terpakai kepada seluruh pelajar tanpa mengira agama dan bangsa.

32

Hukum Peraduan Celcom 100 Hari 100 Kereta (2008)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 28 Julai 2008 telah membincangkan Hukum Peraduan Celcom 100 Hari 100 Kereta. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Peraduan ini adalah tidak patuh syariah kerana mengandungi unsur judi, gharar (unsur tidak jelas), eksploitasi dan menggalakkan pembaziran; dan
2. Menasihatkan Celcom supaya menyediakan konsep peraduan baru yang selari dengan tuntutan syarak.

33 Hukum Pewarisan Bagi Kes Kematian Serentak (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 telah membincangkan Hukum Pewarisan Bagi Kes Kematian Serentak. Muzakarah telah memutuskan bahawa mana-mana ahli keluarga yang meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu bagi menentukan hak pewarisan, maka mereka tidak akan saling mewarisi antara satu sama lain kerana berdasarkan syarat-syarat pewarisan, waris (al-warith) hendaklah masih hidup semasa kematian orang yang mewariskan (al-muwarrith). Oleh itu, harta pusaka si mati akan dibahagikan kepada waris-waris yang hidup tanpa mengambilkira bahagian ahli keluarga yang mati bersamanya.

Bagi merekodkan waktu kematian, perakuan pakar perubatan hendaklah diterima pakai dan dicatatkan dalam Sijil Kematian.

34 Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu

digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Diserah kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
2. Diserah kepada golongan fakir miskin; atau
3. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

35**Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah (2009)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-89 yang bersidang pada 14-16 Disember 2009 telah membincangkan Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah. Muzakarah berpandangan bahawa sistem takaful berlandaskan syariah sedang pesat berkembang dan memerlukan sokongan umat Islam dalam usaha untuk memartabatkan sistem muamalat Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang mempromosikan produk insurans konvensional yang jelas berasaskan sistem riba. Walau bagaimanapun, pendapatan atau komisyen yang diterima dalam proses transisi dari sistem konvensional kepada takaful adalah dimaafkan.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 yang bersidang pada 20-22 April 2011 telah membincangkan Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa insurans konvensional adalah suatu muamalah yang tidak patuh syariah kerana mempunyai elemen-elemen yang bercanggah dengan prinsip teras Islam.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pampasan polisi insurans konvensional yang diterima oleh ahli waris adalah dikira sebagai harta tidak patuh syariah.
3. Dalam hal ini, jumlah bayaran pokok pembeli polisi ketika hayat sahaja dikategorikan sebagai harta peninggalan si mati yang perlu diagihkan secara sistem faraid. Manakala baki pampasan polisi insurans konvensional tersebut tidak boleh diwarisi oleh ahli waris secara sistem faraid serta wajib dilupuskan dengan diserahkan sama ada kepada pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri atau didermakan untuk tujuan kebajikan termasuklah kepada golongan fakir dan miskin.
4. Jika terdapat ahli waris pembeli polisi, contohnya isteri atau anak-anak pembeli polisi dikategorikan sebagai golongan fakir dan miskin, maka hukumnya adalah harus bagi ahli waris tersebut untuk mengambil wang pampasan polisi insurans konvensional tersebut dengan jumlah sekadar keperluan sebagai fakir dan miskin setelah disahkan oleh pihak berkuasa atau Jawatankuasa Kariah kawasan berkenaan. Baki

wang pampasan polisi tersebut perlulah dilupuskan mengikut cara yang telah dinyatakan dalam perkara (3) di atas.

37 Parameter Pelaburan Emas (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Parameter Pelaburan Emas. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada YBhg. Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim dan YBhg. Ustaz Lokmanulhakim bin Hussain daripada Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA), Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan Parameter Pelaburan Emas seperti berikut:

1. Syarat Umum Jual Beli

Transaksi jual beli emas mestilah memenuhi semua rukun jual beli yang digariskan oleh Syarak, iaitu pihak yang berakad, item pertukaran, dan sighth menurut 'uruf yang diamalkan. Jika sekiranya suatu transaksi tidak memenuhi salah satu rukun jual beli, transaksi tersebut dikira tidak sah.

2. Pihak Yang Berakad

Pihak yang berakad mestilah orang yang mempunyai kelayakan melakukan kontrak (*Ahliyyah al-Ta'auqud*) iaitu dengan memenuhi kriteria berikut:

i. Baligh, berakal dan rasyid

Jika sekiranya pihak yang berakad seorang yang gila atau kanak-kanak sama ada *mumayyiz* atau tidak *mumayyiz*, maka jual belinya adalah tidak sah. Akad oleh kanak-kanak yang

mumayyiz adalah tidak sah kerana jual beli ini melibatkan barang yang tinggi nilainya.

ii. **Keredhaan**

Akad jual beli mestilah dimeterai oleh dua pihak yang saling reda-meredhai, tanpa ada unsur paksaan, tekanan dan eksploitasi.

3. **Harga Belian (*al-Thaman*)**

Harga belian (*al-Thaman*) hendaklah diketahui dengan jelas oleh kedua-dua pihak yang berakad ketika sesi jual beli.

4. **Barang Belian (*al-Muthman*)**

Barang belian (*al-Muthman*) hendaklah suatu yang wujud, dan dimiliki sepenuhnya oleh pihak yang menjual ketika berlangsungnya kontrak jual beli. Oleh itu, jual beli suatu yang tidak wujud secara fizikalnya dan juga jual beli suatu yang tidak dimiliki oleh pihak yang menjualnya adalah tidak sah.

5. Barang belian (*al-Muthman*) hendaklah suatu yang boleh diserahkan kepada pembeli atau wakilnya. Jika barang belian tidak dapat diserahkan kepada pembeli, ataupun penjual mensyaratkan tidak menyerahkannya kepada pembeli, maka akad tersebut tidak sah.

6. Barang belian (*al-Muthman*) hendaklah suatu yang diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad ketika sesi jual beli. Ia boleh terlaksana melalui kaedah-kaedah di bawah:

- a. Melihat sendiri barangan yang hendak dibeli ketika akad jual beli, atau sebelum akad jual beli dalam tempoh yang tidak menjejaskan sifat-sifatnya.
- b. Melihat sampel barangan yang hendak dijual beli. Ini biasanya berlaku semasa proses pemesanan sebelum akad dilaksanakan.
- c. Menentukan sifat-sifat dan kadar barang belian secara terperinci

yang secara urufnya tidak menimbulkan pertikaian. Dalam konteks emas, penentuannya adalah dengan mengenalpasti tahap ketulenan emas samada mengikut standard lama berasaskan karat (seperti emas 24 karat), atau standard baru berasaskan peratusan (seperti emas 999). Penentuan sifat juga mestilah mencakupi bentuk emas, sama ada dalam bentuk syiling, wafer, jongkong dan sebagainya. Timbangan emas secara tepat juga adalah suatu yang disyaratkan dalam penentuan sifat emas.

7. Sighah

Sighah dalam jual beli adalah suatu yang menunjukkan kepada keredhaan kedua-dua pihak untuk memeterai kontrak jual beli. Ia boleh berlaku sama ada melalui pertuturan, atau suatu yang boleh mengambil hukum pertuturan seperti tulisan dan seumpamanya. Manakala jual beli secara *Mu'ataah* (serah-hulur) juga adalah dikira sebagai sighah yang muktabar oleh sebahagian fuqaha'.

8. Di dalam sighah jual beli tidak boleh dimasukkan unsur penempohan. Contohnya, seseorang mengatakan, "Saya menjual barangan ini kepada kamu dengan harga RM100 untuk selama tempoh setahun".
9. Ijab dan qabul mestilah bersepadanan dan menepati antara satu sama lain dari sudut ciri-ciri dan kadarnya.

Syarat Khusus Jual Beli Emas Yang Bercirikan Item Ribawi:

1. Oleh kerana emas dan wang adalah dua item ribawi yang mempunyai illah yang sama, maka syarat tambahan bagi transaksi pembelian atau penjualan emas mestilah memenuhi syarat berikut:
 - a. Berlaku *taqabudh* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam transaksi sebelum kedua-dua pihak bertransaksi berpisah daripada majlis akad.
 - b. Jual beli emas hendaklah dijalankan secara *lani*, dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan.

2. Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item *ribawi*, seperti emas jongkong dan syiling emas. **Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada *illah ribawi*.**
3. Perincian *taqabudh* dan urusan *lani* adalah seperti berikut:

a. Syarat Pertama: *Taqabudh*

- i. *Taqabudh* (penyerahan) hendaklah berlaku terhadap kedua-dua item jual beli iaitu harga dan juga barang belian (emas), dan ia hendaklah terlaksana sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis akad.
- ii. Penyerahan harga boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:
 - Pembayaran secara tunai
 - Pembayaran secara cek yang diperakui (seperti *banker's cheque*)
 - Pembayaran secara cek peribadi
 - Pembayaran secara kad debit
 - Pembayaran secara kad kredit
 - Pemindahan wang daripada akaun simpanan atau semasa
- iii. Secara *urufnya*, kesemua bentuk bayaran di atas kecuali (Pembayaran secara cek peribadi) adalah dianggap sebagai pembayaran tunai oleh penjual. Pembayaran melalui kad kredit masih lagi dianggap tunai kerana pihak penjual akan mendapatkan harga jualan secara penuh dari pihak yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Hutang yang berlaku, jika ada, adalah di antara pemegang kad dengan pengeluar kad dan bukannya dengan penjual barangan.
- iv. Status tunai ini masih lagi diterima secara *urufnya* oleh penjual walaupun pada hakikatnya pihak penjual akan

menerima secara fizikal atau dimasukkan ke dalam akaunnya beberapa hari selepas transaksi berlaku.

- v. Penyerahan barang belian (emas) hendaklah berlaku secara penyerahan hakiki ataupun kaedah muktabar yang boleh menggantikan penyerahan hakiki. Penyerahan barang belian yang muktabar akan membawa kesan sama seperti penyerahan hakiki, iaitu:
- Berpindah *dhaman* (tanggungjawab jaminan) daripada penjual kepada pembeli.
 - Kemampuan pembeli untuk mendapatkan barang belianya pada bila-bila masa tanpa ada halangan.
- vi. Majlis akad di dalam transaksi jual beli boleh berlaku dengan pertemuan secara fizikal, ataupun secara maknawi. Contoh majlis akad secara maknawi ialah ijab dan qabul melalui telefon, sistem pesanan ringkas (sms), emel, faksimili dan lain-lain. Tetapi disyaratkan dalam semua bentuk majlis akad tersebut, hendaklah berlaku *taqabudh* ketika majlis akad, contohnya melalui penyerahan secara *wakalah*.
- vii. Perlu diberi perhatian bahawa majlis akad secara bertulis akan hanya bermula apabila ianya diterima oleh pihak yang berkontrak. Contohnya, pembeli menandatangani akad jual beli dan kemudian menghantarnya melalui pos kepada penjual. Selepas tiga hari, akad tersebut sampai ke tangan penjual. Maka majlis akad bermula pada waktu tersebut, jika pihak penjual bersetuju, maka akad tersebut perlu disempurnakan oleh penjual dengan menandatangani, dan barang belian hendaklah diserahkan kepada pembeli secara hakiki atau *hukmi*.

b. Syarat Kedua: Secara *Lani*

- i. Transaksi jual beli emas hendaklah berlaku secara *lani* dan tidak boleh dimasuki sebarang unsur penangguhan, sama ada dalam penyerahan harga atau dalam penyerahan emas.
- ii. Penangguhan penyerahan harga yang tidak dibenarkan adalah meliputi pembelian secara hutang secara keseluruhannya atau pembelian secara bayaran ansuran.
- iii. Kelewatan penyerahan emas yang melebihi tempoh tiga hari selepas akad jual beli dimeterai adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- iv. Manakala bagi kelewatan penyerahan emas dalam tempoh kurang daripada tiga hari, Muzakarah mengambil maklum bahawa terdapat perbezaan pandangan ulama di dalam hal ini. Namun Muzakarah lebih cenderung untuk mengambil pakai pendapat yang tidak membenarkan berlakunya kelewatan walaupun tempohnya kurang daripada tiga hari. Dengan kata lain, penyerahan emas mestilah dilakukan di dalam majlis akad tanpa ada penangguhan. Ini adalah kerana di dalam urusan niaga emas, kelewatan tiga hari bukanlah suatu uruf, berbeza dengan isu tukaran matawang asing.
- v. Di dalam pertukaran mata wang asing, tempoh T+2 diperlukan kerana ianya melalui proses tertentu yang melibatkan tempoh masa bekerja yang berbeza antara negara, perpindahan wang elektronik, clearing house dan lain-lain lagi. Proses-proses yang disebutkan ini tidak terdapat di dalam perniagaan jual beli emas fizikal. Maka adalah tidak tepat untuk membuat qiyas ke atas proses pertukaran matawang asing.
- vi. Namun secara praktikal, pihak penjual akan menyerahkan emas selepas amaun bayaran yang dibuat melalui cek dan

sebagainya dikreditkan ke dalam akaunnya. Proses ini biasanya akan mengambil masa tiga hari bekerja. Di dalam menangani tempoh antara penyerahan cek dan penerimaan emas, maka pihak penjual dan pembeli bolehlah mengambil pakai aturan berikut

- vii. Pihak pembeli akan hanya membuat pesanan (*order*) kepada penjual dengan dinyatakan jenis dan berat emas yang ingin dibelinya. Pesanan ini akan disertai dengan pengiriman wang ke akaun penjual. Pada tahap ini, perkara berikut perlu diberi perhatian:
- Pada peringkat ini, akad jual beli emas masih belum berlaku.
 - Wang yang berada di dalam akaun penjual masih lagi bukan milik penjual tersebut. Ianya masih milik pembeli dan disimpan sebagai amanah oleh penjual. Di dalam hal ini, adalah lebih baik jika satu akaun khas yang bersifat amanah (*trust account*) dibuka oleh penjual.
 - Emas masih lagi kekal menjadi milik penjual dan ia bertanggungjawab penuh ke atas emas milikannya itu.
 - Di dalam peringkat ini, pembeli masih boleh membatalkan pesanan yang dibuat dan penjual hendaklah memulangkan wang kepada pembeli. Namun, jika berlaku kerugian sebenar disebabkan pembatalan tersebut, bolehlah dibuat syarat bahawa ia perlu ditanggung oleh pembeli. Contohnya, pembeli membuat pesanan 100gm emas 999 dengan harga RM20,000. Ketika ini, pihak penjual telah menyimpan emas tersebut dan tidak menjualkannya kepada pihak lain yang telah bersedia untuk membelinya. Selepas tiga hari, apabila penjual bersedia untuk membuat akad jual beli dan seterusnya menyerahkan emas tersebut kepada pembeli, pembeli membatalkan pesannya. Pada hari tersebut harga emas telah jatuh kepada RM19,000. Dengan kata lain, penjual

akan kerugian RM1,000 jika menjualnya kepada pihak lain. Di dalam hal ini, kerugian sebenar adalah sebanyak RM1,000.

- viii. Apabila wang pesanan sudah diberi clearance oleh bank, maka akad jual beli perlu dilakukan. Wang di dalam *trust account* (jika ada) bolehlah dipindahkan ke akaun penjual dan emas hendaklah diserahkan kepada pembeli.

Akad Dan Unsur Sampingan:

1. Penglibatan *hibah* dalam transaksi jual beli sama ada hibah dalam bentuk barangan ataupun wang tunai adalah dibenarkan jika mencukupi syarat-syarat *hibah*, dan tidak melibatkan unsur-unsur yang bercanggah dengan syarak. Perlu diberi perhatian bahawa hibah secara hakikatnya adalah akad sukarela dan ia bukanlah di dalam bentuk lazim. Dengan kata lain, jika janji hibah ini tidak ditunaikan oleh penjual, maka pembeli tidak boleh memaksanya memberi hibah tersebut.
2. Penglibatan *wadiah* dalam pelan pelaburan emas hendaklah menepati hukum hakam wadiah, yang antara lain ialah pegangan wadiah adalah berasaskan kepada *Yad Amanah*.
3. Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (*tasarruf*) emasnya, termasuklah memberi pinjaman (*qardh*) kepada orang lain. Tetapi hendaklah memenuhi kriteria *qardh* yang dibenarkan syarak, yang antara lain tidak boleh membawa unsur faedah, tidak wujud unsur “*salaf wa bay*” iaitu hutang yang diikat bersama dengan jual beli.
4. Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (*tasarruf*) emasnya termasuk menjadikannya sebagai pajakan untuk wang secara hutang, selagi konsep *al-Rahn* yang digunakan adalah bertepatan dengan hukum syarak. Namun secara teorinya, perkara ini seharusnya tidak digalakkan kerana secara tidak langsung ia menggalakkan aktiviti berhutang di dalam keadaan yang tidak perlu.

5. *Wa'd* boleh dimasukkan dalam pelaburan emas, selagi mana ia adalah *wa'd* dari sebelah pihak dan bukannya *muwa'adah* dari kedua-dua belah pihak. Contoh aplikasi *wa'd* dalam konteks ini ialah membuat *purchase order*; iaitu pelanggan membuat perjanjian untuk membeli emas dengan harga tertentu. Perjanjian pembelian ini dinamakan 'kunci harga'. Sekiranya proses kunci harga adalah menyamai proses akad jual beli, ia tidak dibenarkan kerana akan berlaku penangguhan.
6. Transaksi jual beli hendaklah bebas daripada unsur-unsur riba, perjudian, gharar yang berlebihan, dan kezaliman. Jika sekiranya terdapat unsur-unsur tersebut, transaksi jual beli adalah dikira tidak memenuhi kriteria syarak.

38

Status Terkini Pematuhan Syariah Skim Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Status Terkini Pematuhan Syariah Skim Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional (BSN), Muzakarah mendapati dan berpuas hati bahawa pelaksanaan skim Sijil Simpanan Premium (SSP) oleh BSN telah dikemaskini dengan menggunakan akad Mudharabah (perkongsiian untung) dan dana SSP dilaburkan dalam instrumen dan aset yang mematuhi Syariah serta hadiah-hadiah yang disumbangkan adalah menggunakan dana dari sumber Skim Perbankan Islam (SPI) BSN.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa skim Sijil Simpanan Premium yang telah diperbaharui pelaksanaannya oleh

BSN adalah produk yang sepenuhnya mematuhi Syariah dan diharuskan oleh syarak.

39

Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (*Individual Spot Forex*) Melalui Platfom Elektronik (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (*Individual Spot Forex*) Melalui Platfom Elektronik. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan pakar daripada Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA) serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*individual spot forex*) melalui platfom elektronik adalah melibatkan item ribawi (iatu mata wang) dan dari sudut *fiqhiyyah* ia tertakluk di bawah hukum *Bay al-Sarf* yang perlu dipatuhi syarat-syarat umum jual beli dan syarat-syarat khusus bagi *Bay al-Sarf* seperti berikut.
2. Syarat-syarat umum jual beli:
 - a. Pihak yang berakad mestilah mempunyai kelayakan melakukan kontrak (*Ahliyyah al-Ta'aqud*);
 - b. Harga belian hendaklah diketahui dengan jelas oleh kedua-dua pihak yang berakad;
 - c. Item belian hendaklah suatu yang wujud dan dimiliki sepenuhnya oleh pihak yang menjual serta boleh diserahkan kepada pembeli;

- d. Sighah akad hendaklah menunjukkan keredhaan kedua-dua pihak, tidak ada unsur penempohan dan *sighah* ijab dan qabul mestilah bersepadanan dan menepati antara satu sama lain dari sudut ciri-ciri dan kadarnya.
3. Syarat-syarat khusus *Bay al-Sarf*:
 - a. Berlaku taqabbudh (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam platform *forex* sebelum kedua-dua pihak yang menjalankan transaksi berpisah daripada majlis akad;
 - b. Jual beli matawang hendaklah dijalankan secara *lani* dan tidak boleh berlaku sebarang penanguhan; dan
 - c. Akad jual beli *al-sarf* mesti bebas daripada *khiyar al-Syart*.
 4. Selain memenuhi syarat-syarat tersebut, Muzakarah juga menegaskan bahawa operasi perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) hendaklah bebas daripada sebarang unsur riba, elemen *al-Salaf wa al-Bay* (pemberian hutang dengan syarat dilakukan transaksi jual beli), unsur perjudian, gharar yang berlebihan dan kezaliman atau eksploitasi.
 5. Berdasarkan kajian terperinci yang telah dilakukan, Muzakarah mendapati bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*individual spot forex*) melalui platform elektronik mengandungi unsur-unsur seperti riba melalui pengenaan *rollover interest*, pensyaratan jual beli dalam pemberian hutang melalui *leverage*, *qabd* yang tidak jelas ketika transaksi pertukaran, penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan dan spekulasi yang melibatkan perjudian. Selain itu ianya juga tidak sah dari sisi undang-undang Kerajaan Malaysia.
 6. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*individual spot forex*) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah haram kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak

dan juga tidak sah dari sisi undang-undang negara. Selaras dengan itu, umat Islam adalah dilarang daripada melibatkan diri dalam perdagangan mata wang seumpama ini.

7. Muzakarah juga menegaskan bahawa keputusan yang diputuskan ini tidak terpakai ke atas urusan niaga pertukaran mata wang asing menerusi kaunter di pengurup wang berlesen dan urusan niaga pertukaran mata wang asing yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang Malaysia.

40

Pengurusan Wang Dan Harta Milik Orang Islam Yang Tidak Dituntut Dan Status Kementerian Kewangan Sebagai Perbendaharaan Negara Yang Boleh Bertindak Sebagai Baitulmal Dalam Menguruskannya (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan Pengurusan Wang Dan Harta Milik Orang Islam Yang Tidak Dituntut Dan Status Kementerian Kewangan Sebagai Perbendaharaan Negara Yang Boleh Bertindak Sebagai Baitulmal Dalam Menguruskannya. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa mengikut perundangan Islam, wang tidak dituntut perlu diberikan kepada Baitulmal sebagai salah satu sumber yang terletak di bawah kategori harta tidak bermusim (*ghayr dawriyyah*).
2. Sehubungan itu, memandangkan cadangan supaya pengurusan wang dan harta tak dituntut diserahkan kepada Baitulmal ini bertentangan dengan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia, Muzakarah bersetuju mencadangkan supaya institusi-

institusi kewangan Islam menggunakan suatu mekanisme lain iaitu dengan memasukkan *Aqad Tabarru'* dalam Terma Perjanjian bagi membolehkan wang dan harta tak dituntut milik orang Islam diserahkan kepada Baitulmal supaya harta tersebut dapat dimanfaatkan untuk masalah umat Islam.

41

Hukum Penyaluran Hasil Gharamah Institusi Kewangan Islam Ke Baitulmal (2012)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Penyaluran Hasil *Gharamah* Institusi Kewangan Islam Ke Baitulmal. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa keharusan mengenakan *gharamah* ke atas penerima biaya yang mungkir adalah berasaskan hadis Rasulullah S.A.W. yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman dan boleh memudaratkan institusi kewangan Islam.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa *gharamah* yang dihasilkan dalam institusi kewangan Islam perlu disalurkan kepada institusi yang berkait secara khusus dengan umat Islam supaya ianya tidak disalahgunakan.
3. Sehubungan itu, selaras dengan kedudukan dan fungsi Baitulmal sebagai institusi tertinggi dalam menguruskan wang dan harta umat Islam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hasil *gharamah* Institusi Kewangan Islam hendaklah disalurkan ke Baitulmal bagi memastikan penggunaan harta tersebut menepati *masalah ammah* umat Islam.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-100 yang bersidang pada 4-6 Julai 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Jual Beli Dan Pelaburan Emas Yang Dijalankan Oleh Syarikat Geneva Malaysia Sdn. Bhd. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa transaksi jual beli dan pelaburan emas mestilah memenuhi semua rukun jual beli yang digariskan oleh syarak. Sesuatu transaksi jualbeli adalah dikira tidak sah sekiranya tidak memenuhi salah satu rukun jual beli. Muzakarah turut menegaskan bahawa transaksi jual beli dan pelaburan emas juga hendaklah bebas daripada unsur-unsur riba, perjudian, gharar yang berlebihan dan kezaliman.
2. Berdasarkan laporan dan hasil siasatan Bank Negara Malaysia terhadap operasi jual beli dan pelaburan emas oleh Syarikat Geneva Malaysia Sdn. Bhd., Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa transaksi jual beli dan pelaburan emas yang dilaksanakan oleh Syarikat Geneva Malaysia Sdn. Bhd. tidak mematuhi sepenuhnya Parameter Pelaburan Emas sepertimana yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 pada 13 hingga 15 Oktober 2011.
3. Oleh itu, umat Islam dinasihatkan supaya tidak melibatkan diri dalam aktiviti atau transaksi jual beli dan pelaburan emas yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak sama ada syarikat atau individu di dalam atau luar negara yang bertentangan dengan prinsip-prinsip jual-beli emas seperti yang digariskan oleh syarak atau undang-undang negara.

Status Hasil Caj Abstraksi Sumber Air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Daripada Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Operasi Harian Tidak Halal (2013)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-104 yang bersidang pada 2-4 September 2013 telah membincangkan Status Hasil Caj Abstraksi Sumber Air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Daripada Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Operasi Harian Tidak Halal. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan Imam al-Ghazali berpandangan bahawa harta bercampur yang tidak terkira tidaklah dihukum haram dengan sebab percampuran dan kemungkinan-kemungkinan yang wujud antara halal dan haram tersebut, melainkan ada qarinah (tanda-tanda) yang jelas menunjukkan pengharamannya. Nabi S.A.W. juga pernah menerima hadiah dari kerajaan negara asing yang bukan Islam tanpa mempersoalkan sumbernya. Begitulah juga para sahabat r.a. telah mengambil jizyah, ushur dan cukai-cukai lain daripada orang-orang kafir yang wajib dibayar kepada kerajaan Islam tanpa mempersoalkan sumbernya.
2. Oleh yang demikian, Muzakarah berpandangan bahawa tidak menjadi kesalahan kepada pihak kerajaan atau syarikat yang dilantik kerajaan untuk menerima atau mengenakan caj/cukai kepada sesebuah syarikat perniagaan, sekalipun wujud kemungkinan sumber yang tidak halal kerana pembayaran cukai adalah satu tanggungjawab kepada Kerajaan untuk masalah ummah. Sekiranya wujud aktiviti yang haram, maka sifat haram tersebut hanyalah pada zimmah pemilik syarikat tersebut bukan kepada orang yang berurusan dengannya sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam Surah an-Najm, ayat 39 yang bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.”

3. Sehubungan itu, mengenai status caj abstraksi sumber air yang dikenakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kepada syarikat yang menjalankan aktiviti operasi harian tidak halal, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ianya adalah diharuskan kerana selaku pihak yang dilantik oleh pemerintah (Ulil Amri), LUAS bertanggungjawab mengurus dan memberikan perkhidmatan air untuk masalah ammah seluruh masyarakat.

44

Kajian Terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Kajian Terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan.
2. Berdasarkan hasil penyelidikan tersebut, Muzakarah mendapati bahawa:
 - a. Sumber pendapatan negara yang dikutip daripada rakyat dibahagikan kepada dua iaitu zakat dan cukai. Isu cukai adalah isu *siyasah syar'iyah* yang bergantung kepada masalah yang berbeza-beza antara sesebuah negara dengan negara yang lain dan masalah pada sesuatu zaman berbanding zaman yang lain.
 - b. Cukai yang tidak berasaskan masalah yang dibenarkan oleh Syarak adalah diharamkan. Oleh itu, jika Kerajaan sesebuah

pemerintahan mengutip cukai bagi memenuhi masalah *Dharuriyyat* dan *Hajiyyat* rakyat, seperti untuk memenuhi tanggungjawab sosial dan kepentingan rakyat serta untuk keperluan *jihad fi sabilillah*, maka ia adalah dibenarkan.

- c. Sebahagian ulama iaitu Ibn Hazm, Ibn Taimiyah, Ibn al-Musili al-Syafi'i, al-Syatibi, Ibn Khaldun, ulama semasa Mahmud Syaltut dan Ahmad al-Raysuni membenarkan Kerajaan untuk mengenakan cukai kepada rakyat sekadar untuk memenuhi masalah umum pentadbiran negara.
- d. Majoriti para ulama berpandangan Kerajaan haram mengutip cukai daripada rakyat. Namun jika terdapat keperluan yang mendesak, maka Kerajaan dibenarkan mengenakan cukai bagi memenuhi masalah umum rakyat berdasarkan Kaedah Fiqhiyyah:

الشريعة وضعت لمصالح العباد ودرء المفاسد عنهم

“Syariat itu dibina atas dasar memenuhi masalah manusia dan menjauhkan mafsadah daripada mereka”.

3. Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa apabila Kerajaan mengutip cukai daripada rakyat, wujud kemudharatan khusus iaitu harta milik rakyat akan berkurangan. Namun, jika cukai tidak dikutip, banyak masalah umum tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan. Oleh itu, berdasarkan Kaedah Fiqhiyyah **يَتَحَمَّلُ الضَّرْرَ الْخَاصَّ؛ لِأَجْلِ دَفْعِ ضَرَرِ الْعَامِّ** (Ditanggung kemudharatan khusus untuk mengelakkan berlakunya kemudharatan umum), Kerajaan dibenarkan untuk mengutip cukai demi untuk memenuhi masalah umum.
4. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Islam mengharuskan pemerintah atau Ulil Amri untuk mengutip cukai seperti Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia selagimana terdapat keperluan

dan masalah untuk negara dan rakyat, dan pelaksanaannya hendaklah berpandukan parameter syarak seperti berikut:

- a. Kerajaan Komited Melaksanakan Syariat Islam;
- b. Kerajaan Memerlukan Sumber Kewangan;
- c. Cukai Yang Dikutip Hanya Untuk Memenuhi *Maslahah Dharuriyyat* dan *Hajiyyat*;
- d. Bebanan Cukai Dikutip Secara Adil;
- e. Cukai Dibelanjakan Untuk Masalah Ummah Bukan Untuk Maksiat;
- f. Agihan Cukai Hendaklah Bertepatan Dengan Ijtihad Ulama Semasa dan Setempat;

45

Hukum Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 membincangkan Hukum Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan Muzakarah menegaskan bahawa terdapat beberapa syarat bagi kontrak mudharabah yang sah mengikut syarak, iaitu antaranya:

a. **Kebebasan menjalankan urusan tanpa tertakluk kepada syarat tertentu.**

Pelaburan mestilah bersifat terbuka dan sesuatu pelaburan dianggap tidak sah jika pelabur menetapkan pengusaha perlu membeli barang tertentu contohnya, sejadah atau barangan jenis tertentu daripada orang tertentu.

b. **Keuntungan hanya dikongsi antara pelabur dan pengusaha.**

Keuntungan yang dihasilkan mesti dikongsi bersama oleh pelabur dan pengusaha. Pelabur akan mengambil hasil pelaburan modalnya, sementara pengusaha akan memperoleh hasil usahanya.

c. **Pengusaha mestilah bebas menguruskan modal dan bekerja.**

Kontrak pelaburan dianggap tidak sah jika wujud syarat yang menetapkan pelabur perlu bekerja bersama pengusaha.

2. Muzakarah mendapati bahawa pelaburan yang dijalankan oleh Syarikat Mecca Fund Global ini bertentangan dengan prinsip sebenar mudharabah dalam Islam, iaitu antaranya pelabur perlu membeli lot yang ditawarkan oleh pemilik syarikat, akan berlaku kehilangan modal dan berlaku ketidakpastian terhadap kadar keuntungan dan modal. Selain itu, pelaburan yang dijalankan juga bertentangan dengan undang-undang yang terpakai di Malaysia iaitu melakukan perbuatan mengambil deposit secara haram.
3. Sehubungan itu, berdasarkan perkara-perkara tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Pelaburan yang dijalankan oleh Mecca Fund Global adalah tidak mengikut prinsip mudharabah yang sebenar dan tidak sah mengikut hukum syarak. Pelaburan yang dijalankan juga didapati melanggar undang-undang negara kerana mengambil deposit daripada pelabur tanpa kebenaran Bank Negara Malaysia (BNM).
4. Muzakarah juga menasihatkan umat Islam supaya tidak terlibat dalam skim pelaburan oleh Mecca Fund Global ini.

Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik) (2015)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia Bil. 2/2015 yang bersidang pada 18 Ogos 2015 telah membincangkan mengenai isu Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan Muzakarah mendapati bahawa:

1. Selaku pemegang amanah ke atas simpanan ahli KWSP, keuntungan yang diperolehi oleh KWSP adalah berbentuk takassub (usaha) dan bukan secara ghasab (pengambilan harta tanpa hak atau secara zalim). Dividen yang diterima oleh ahli KWSP diperolehi melalui transaksi pelaburan yang dilakukan mengikut lunas undang-undang dan berdasarkan kontrak yang dipersetujui bersama.
2. KWSP merupakan pemegang amanah yang diberi mandat untuk menguruskan simpanan ahli-ahli di bawah Akta KWSP 1991, di mana majikan diwajibkan untuk mencarum dengan KWSP bagi pihak ahli dan setakat ini tiada sebarang pilihan diberikan kepada ahli dan mereka tiada hak tasarruf (mengurus) dalam urusan simpanan mereka sejak dari awal mencarum dalam KWSP. Simpanan tersebut akan menjadi hak dan milik ahli KWSP setelah mencapai had umur yang ditetapkan.
3. Berdasarkan amalan semasa perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, tiada sebarang ketetapan yang pernah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mewajibkan

pelanggan perbankan Islam untuk menyucikan terlebih dahulu sebarang pendapatan tidak patuh syariah yang diterima sama ada daripada aktiviti perbankan konvensional atau daripada sumber-sumber lain sebelum boleh mendeposit atau melabur ke dalam produk patuh syariah yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam.

4. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan resolusi membenarkan segala dividen yang diterima daripada produk konvensional dilaburkan semula ke dalam produk patuh syariah.
5. Sehubungan itu, berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan dan bagi menjaga kepentingan dan masalah ahli KWSP yang beragama Islam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke akaun KWSP-Islamik.

47

Hukum Penjualan Produk Menggunakan Ayat *Ruqyah* (Ayat Al-Quran) Untuk Tujuan Komersia (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia Kali Ke-108 yang bersidang pada 2-3 November 2015 telah membincangkan mengenai Hukum Penjualan Produk Menggunakan Ayat *Ruqyah* (Ayat Al-Quran) Untuk Tujuan Komersial. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam tidak menafikan penggunaan *ruqyah* dan Rasulullah S.A.W. menyebutkan bahawa sebaik-baik ubat ialah ayat-ayat Al-Quran dan Baginda membolehkan untuk meruqyah selama mana tidak berlaku syirik.

2. Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa isu produk yang dilabelkan sebagai ‘makanan sunnah’ dan makanan/minuman yang diruqyahkan dengan ayat Al-Quran serta zikir semakin berleluasa dan menjadi pelan pemasaran pengusaha produk-produk makanan dan barangan di Negara ini. Ia telah menjadi kaedah untuk melariskan produk bersandarkan perkataan ‘makanan sunnah’ dan *ruqyah*.
3. Sehubungan itu, sebagai *sadd az-Zarai* kepada unsur-unsur penipuan dan penyalahgunaan ayat-ayat Al-Quran untuk tujuan komersial, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan *ruqyah* dan istilah ‘makanan sunnah’ secara tidak bertanggungjawab untuk tujuan mengaut keuntungan dan melariskan produk perlu dihentikan kerana dibimbangi ia termasuk dalam perbuatan memperdagangkan ayat-ayat Al-Quran yang ditegah oleh ajaran Islam.
4. Oleh hal yang demikian, Muzakarah menggesa supaya perbuatan tersebut ditangani segera supaya istilah ‘makanan sunnah’ ini tidak difahami oleh masyarakat dalam konteks yang tidak tepat, dan penggunaan *ruqyah* tidak disalahgunakan sehingga menggugat akidah sekiranya masyarakat meyakini keberkesanan *ruqyah* pada sesuatu produk tersebut mengatasi usaha dan ikhtiar serta kekuasaan Allah S.W.T.
5. Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya penggunaan *ruqyah* pada sesuatu produk untuk tujuan komersial tidak dibenarkan sama ada untuk tujuan pelabelan, pengiklanan atau promosi.

BAB 4

PERUBATAN

1 Derma Organ - Pemindahan Jantung Dan Mata (1970)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Pertama yang bersidang pada 23-24 Jun 1970 telah membincangkan Pemindahan Jantung Dan Mata. Persidangan telah memutuskan bahawa pemindahan mata dan jantung orang mati kepada orang yang hidup adalah dibenarkan (harus) dalam Islam, dan di atas kebenarannya pertimbangan-pertimbangan berikut hendaklah diambil kira:

1. Di dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu dan pemindahannya adalah difikirkan berjaya.
2. Di dalam keadaan pemindahan jantung, kematian penderma telah dipastikan sebelum dipindahkan jantungnya.
3. Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggota-anggotanya.
4. Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau dari kaum keluarga atau keluarganya di dalam kematian akibat kemalangan.

2 Bank Air Mani (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan Bank Air Mani. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mengadakan bank air mani adalah haram dalam Islam.
2. Sekiranya bank air mani telah sedia wujud maka kerajaan hendaklah bertindak untuk menghapuskannya.
3. Pernian beradas yang dilakukan kepada manusia adalah haram kecuali jika air mani daripada suami didapati secara muhtaram (yang diluluskan oleh syarak), dibenarkan oleh Islam.
4. Penglibatan doktor pakar atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan bank air mani adalah haram.

3 Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di segi syarak.

2. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantintanya melalui pembedahan.
3. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantintanya melalui pembedahan.
4. Seseorang yang dilahirkan “*khunsa musykil*” iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

4

Derma Darah Dan Penggunaan Darah Orang Islam Kepada Orang Bukan Islam Dan Sebaliknya (1982)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan Derma Darah Dan Penggunaan Darah Orang Islam Kepada Orang Bukan Islam Dan Sebaliknya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Menderma darah hukumnya harus.
2. Tidak perlu diasingkan darah orang Islam daripada darah orang bukan Islam.
3. Penghargaan dalam bentuk bayaran kepada penderma darah adalah tidak digalakkan.

5 Bayi Tabung Uji (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-5 yang bersidang pada 16-17 November 1982 dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan Bayi Tabung Uji. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bayi Tabung Uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara ‘terhormat’ adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah bayi tabung itu adalah tidak sah.
2. Bayi yang dilahirkan melalui tabung uji itu boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pusaka dari keluarga yang berhak.
3. Sekiranya benih dari suami atau isteri yang dikeluarkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Islam, maka ianya dikira sebagai cara ‘terhormat’.

6 Penggunaan Alat *Direct Current Shock* (1983)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan Penggunaan Alat *Direct Current Shock*. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan alat *Direct Current Shock* dalam bidang perubatan merupakan pertolongan segera bagi memulihkan denyutan jantung manusia sebagai ikhtiar terakhir menyelamatkan nyawa adalah satu cara pertolongan cemas yang diharuskan oleh syarak, dan tidaklah menyalahi syarak bagi mereka yang melakukannya.

7

Penyuntikan *Highly Purified Insulin* Daripada Babi (1983)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan Penyuntikan *Highly Purified Insulin* Daripada Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menyuntikkan Insulin daripada najis mughalazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.

8

Alkohol Menurut Pandangan Islam (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984 telah membincangkan Alkohol Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Bukan semua alkohol itu mengandungi arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum.
2. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.
3. Minuman ringan yang dibuat bukan dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.
4. Tapai halal dimakan.

5. Alkohol yang terjadi sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.
6. Ubat-ubatan dan pewangi yang ada kandungan alkohol adalah harus dan dimaafkan.

9**Penggunaan Ubat Penyakit Jantung Bagi Pesakit-Pesakit Yang Sedang Berpuasa (1984)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984 telah membincangkan Penggunaan Ubat Penyakit Jantung Bagi Pesakit-Pesakit Yang Sedang Berpuasa. Muzakarah telah memutuskan bahawa ubat yang digunakan untuk merawat pesakit jantung yang sedang berpuasa tanpa dimasukkan melalui rongga anggota, tidak membatalkan puasanya dengan syarat diyakini air liurnya tidak masuk melalui rongga.

10***Gelatin* Dalam Ubat (1984)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan *Gelatin* Dalam Ubat. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan *gelatin* dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana dharurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan *gelatin* dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.

11 *Post-Mortem* Mayat (1987)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan *Post-Mortem* Mayat. Muzakarah telah memutuskan bahawa pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan *post mortem* atau simati tertelan benda yang berharga atau simati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.

12 Pelalian *Rubela* (Imunisasi *Rubela*) (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 yang bersidang pada 12 September 1988 telah membincangkan Pelalian *Rubela* (Imunisasi *Rubela*). Muzakarah telah memutuskan bahawa Vaksin *Rubela* yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini tidak najis dan hukumnya harus digunakan untuk suntikan dalam badan bagi mencegah penyakit *rubela*.

13 Imunisasi *Hepatitis B* (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 November 1988 telah membincangkan Imunisasi *Hepatitis B*. Muzakarah telah memutuskan bahawa vaksin untuk Imunisasi *Hepatitis B* yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis dan harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah suatu bahan yang suci.

14

Pandangan Islam Terhadap Imunisasi *Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus Dan Polio* (1989)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-24 yang bersidang pada 5-6 Jun 1989 telah membincangkan Pandangan Islam Terhadap Imunisasi *Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus Dan Polio*. Muzakarah telah memutuskan bahawa program imunisasi *campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus dan polio* adalah harus dari segi syarak.

15

Pemisahan Rawatan *Brain Death* (1989)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah membincangkan Pemisahan Rawatan *Brain Death*. Muzakarah telah memutuskan bahawa memisahkan rawatan antara pesakit-pesakit yang telah kematian otak atau '*brain death*' dengan pesakit-pesakit yang masih mempunyai peluang untuk dipulih di Unit Rawatan Rapi adalah tidak bercanggah dengan Islam.

16

Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan (1990)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-26 yang bersidang pada 7-8 Mac 1990 telah membincangkan Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan. Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggugurkan janin di dalam kandungan, kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

17

Sistem Susuk *Norplant* Dalam Program Perancang Keluarga Kebangsaan (1984)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-28 yang bersidang pada 29 Februari 1991 telah membincangkan Sistem Susuk *Norplant* Dalam Program Perancang Keluarga Kebangsaan. Muzakarah telah memutuskan bahawa Sistem Susuk *Norplant* ini adalah harus digunakan. Penggunaan sistem ini hendaklah tertakluk kepada keputusan Muzakarah Kali Ke-12 pada 20 Januari 1977 yang memutuskan hukum mengenai Perancang Keluarga adalah seperti berikut:

1. Memandul lelaki dan perempuan hukumnya adalah haram.
2. Mencegah beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang perseorangan.
3. Menyusun keluarga dari kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang selain daripada (1) dan (2) di atas adalah harus.

18

Mengawet Mayat (1993)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-33 yang bersidang pada 11 Oktober 1993 telah membincangkan Mengawet Mayat. Muzakarah telah memutuskan bahawa mengawet mayat atas sebab-sebab yang mendesak hukumnya adalah harus.

19 Penggunaan Graf Tisu Dalam Amalan Perubatan (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-38 yang bersidang pada 21 Jun 1995 telah membincangkan Penggunaan Graf Tisu Dalam Amalan Perubatan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Hukum penggunaan graf tisu dalam amalan perubatan adalah harus.
2. Penggunaan graf tisu adalah semata-mata untuk tujuan perubatan sahaja.
3. Penggunaan tersebut tidak disalahgunakan dengan tujuan untuk diperdagangkan atau lain-lain.

20 Pemiakan Manusia Dan Pengklonan Tujuan Perubatan Dari Sudut Syarak (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 yang bersidang pada 11 Mac 2002 telah membincangkan Pemiakan Manusia Dan Pengklonan Tujuan Perubatan Dari Sudut Syarak. Muzakarah telah memutuskan bahawa pengklonan manusia untuk apa-apa tujuan sekalipun adalah haram kerana ianya bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang ditentukan oleh Allah S.W.T.

21

Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa Yang Dirogol (2002)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa Yang Dirogol. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Haram menggugurkan kandungan janin yang telah berumur lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu.
2. Pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

22

Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit *Thalassemia* (2002)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Menggugurkan Janin Pembawa atau Pengidap Penyakit *Thalassemia*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Makruh menggugurkan janin yang berumur antara 1 hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan kedua-dua suami isteri;
2. Pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari adalah harus

sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu; dan

3. Pengguguran janin yang telah berumur 120 hari atau lebih adalah haram kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab kecacatan yang teruk.

23

Suntikan Pelalian Vaksin '*Meningococcal Meningitis* Oleh Orang Islam (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 telah membincangkan Suntikan Pelalian Vaksin '*Meningococcal Meningitis* Oleh Orang Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menggunakan pelalian '*Meningococcal Meningitis Mencevax* yang diambil daripada sumber lembu adalah harus.

24

Hukum Bedah Siasat Ke Atas Mayat Yang Bukan Dikategorikan Kematian Kerana Kes Jenayah (2004)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan mengenai Hukum Bedah Siasat Ke Atas Mayat Yang Bukan Dikategorikan Kematian Kerana Kes Jenayah. Muzakarah telah memutuskan bahawa “Hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan dharurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenalpasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan”.

25

Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (Stem Cell) (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 yang bersidang pada 22 Feb 2005 telah membincangkan Hukum Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem (*Stem Cell*). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pengklonan Terapeutik untuk tujuan rawatan perubatan seperti mencipta sel-sel tertentu atau menggantikan organ yang telah rosak dengan mengambil kira langkah-langkah sempadan yang dibenarkan oleh syarak adalah diharuskan.
2. Harus menggunakan embrio yang disimpan beku atau lebih embrio dari proses persenyawaan di luar rahim (IVF) untuk tujuan penyelidikan dengan syarat mendapat persetujuan pasangan suami isteri yang menerima rawatan dan kajian tersebut dilakukan sebelum mencapai tahap *'alaqah (blastocyst)*.
3. Penyelidikan ke atas pra-embrio selain dari untuk tujuan terapeutik hendaklah mendapat kebenaran daripada pasangan suami isteri dan pra-embrio hasil penyelidikan ini, tidak boleh sama sekali ditanam dalam rahim isteri atau mana-mana wanita yang lain;
4. Harus melakukan penyelidikan ke atas pra-embrio untuk mengetahui penyakit genetik bagi pasangan yang berisiko tinggi dan hanya embrio yang dikenalpasti bebas dari penyakit sahaja boleh ditanam dalam rahim ibunya dalam tempoh perkahwinan yang sah. Sebarang penyelidikan yang berunsurkan komersial atau yang tiada kaitan dengan kesihatan ibu atau janin adalah tidak dibenarkan;
5. Rawatan kejuruteraan genetik ke atas pra-embrio yang melibatkan pengubahsuaian sifat semulajadi seperti rambut, warna rambut, kebijaksanaan, ketinggian dan sebagainya termasuk memilih jantina

adalah haram. Bagaimanapun pemilihan jantina diharuskan sekiranya faktor jantina menatijahkan suatu penyakit genetik yang serius yang boleh membawa kematian;

6. Penyelidikan hendaklah dijalankan secara sah dan proposal penyelidikan mestilah jelas, saintifik dan dikendalikan oleh penyelidik yang benar-benar mempunyai kemahiran, amanah dan bertanggungjawab; dan
7. Sel stem daripada sumber-sumber berikut adalah harus digunakan untuk tujuan rawatan perubatan dan kaji selidik:
 - a. Daripada seorang dewasa (sel stem dewasa) dengan izin dan prosedurnya tidak mengakibatkan mudharat;
 - b. Daripada seorang kanak-kanak dengan keizinan ibu bapanya dan prosedurnya tidak mengakibatkan mudharat;
 - c. Daripada uri dan darah tali pusat bayi dengan keizinan ibu bapanya;
 - d. Daripada janin yang gugur secara spontan atau keguguran akibat daripada rawatan perubatan yang dibenarkan syarak dengan syarat mendapat keizinan ibu bapanya, bukan janin yang digugurkan secara sengaja atau digugurkan tanpa sebab-sebab perubatan yang dibenarkan oleh syarak; dan
 - e. Daripada lebihan embrio (*excess embryos*) yang disimpan beku daripada teknologi bantuan kesuburan IVF dengan syarat mendapat keizinan daripada ibu bapanya. Sel stem daripada embrio yang dihasilkan secara sengaja (*created embryo*) dengan teknologi *Somatic Cell Nuclear Transfer* (SCNT) adalah tidak dibenarkan berdasarkan kaedah *sad al-zaraie'* (menutup pintu keburukan).

26

Hukum Menggunakan Kaedah *Autopsi Maya* Sebagai Alternatif Kepada Bedah Siasat Mayat (2006)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan Hukum Menggunakan Kaedah *Autopsi Maya* Sebagai Alternatif Kepada Bedah Siasat Mayat. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan kaedah *Autopsi Maya* (*Virtual Autopsy*) dalam bedah siasat mayat jika memenuhi keperluan, wajib diberi keutamaan berbanding kaedah bedah siasat yang diamalkan sekarang.

27

Hukum Suntikan *Botulinum Toxin Type A* (BTA) (2006)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan Hukum Suntikan *Botulinum Toxin Type A* (BTA). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Setelah meneliti laporan kajian dari dalam dan luar negara serta hujah-hujah yang jelas dalam pengeluaran fatwa oleh beberapa negara Islam lain, *Botulinum Toxin Type A* atau nama komersialnya *botox* didapati mengandungi bahan-bahan yang meragukan, najis dan diharamkan, antara bahan-bahannya ialah khinzir.
2. Suntikan *Botulinum Toxin Type A* atau nama komersialnya *botox* ini juga didapati boleh memberi mudharat kepada pengguna bagi jangka pendek, jangka panjang dan boleh dimanipulasikan untuk tujuan penipuan.
3. Berdasarkan kepada penemuan-penemuan seperti yang dinyatakan

tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa suntikan *Botulinum Toxin Type A* atau nama komersialnya *botox* adalah haram digunakan.

4. Walaubagaimanapun untuk tujuan perubatan, suntikan *Botulinum Toxin Type A* ini adalah dibenarkan dengan syarat penggunaannya dalam keadaan darurat dan mengikut keperluan serta dilakukan oleh pakar yang bertauliah.

28

Isu Kekeliruan Jantina *Congenital Adrenal Hyperplasia* Dan *Testicular Feminization Syndrome* (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Isu Kekeliruan Jantina *Congenital Adrenal Hyperplasia* Dan *Testicular Feminization Syndrome*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bagi kes *Congenital Adrenal Hyperplasia* (CAH) pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam kerana ia boleh dilakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan.
2. Manakala bagi kes *Testicular Feminization Syndrome* (TSF), untuk kembali kepada genetik asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan pembedahan, ia adalah diharuskan selagimana perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudharatan sama ada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu tersebut.
3. Bagi kes *Testicular Feminization Syndrome* yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir mereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testis (sekiranya ada)

adalah harus untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami *Testicular Feminization Syndrome* tidak perlu dipisahkan.

4. Pakar-pakar perubatan perlu memberi penjelasan, bimbingan dan menasihati ibu-bapa serta individu-individu muslim yang terlibat dengan kes-kes *Congenital Adrenal Hyperplasia* dan *Testicular Feminization Syndrome* supaya menjalani rawatan bagi mengelakkan permasalahan hukum agama di kalangan umat Islam.

Hukum Khatan Bagi Pesakit *Heamophilia* Dan Kanak-Kanak Cacat Akal (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Hukum Khatan Bagi Pesakit *Heamophilia* Dan Kanak-Kanak Cacat Akal. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pesakit *heamophilia* tidak diwajibkan berkhatan kerana proses khatan boleh membawa mudharat kepada pesakit. Walau bagaimanapun, aspek taharah bagi pesakit *heamophilia* perlu dipelajari dan diberi perhatian khusus oleh pesakit berkenaan untuk memastikan kesempurnaan bersuci dan kesahihan ibadah.
2. Bagi kanak-kanak yang cacat akal, kewajipan berkhatan adalah bergantung kepada tahap kecacatan otak yang dialaminya. Gugur semua kewajipan melaksanakan ibadat termasuk berkhatan ke atas kanak-kanak yang mengalami kecacatan otak yang teruk. Ahli keluarga kanak-kanak berkenaan perlu memastikan kebersihan anggota kanak-kanak tersebut dijaga dengan baik.

30

Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (*Surrogate Motherhood*) Untuk Mendapatkan Zuriat (2008)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (*Surrogate Motherhood*) Untuk Mendapatkan Zuriat. Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam walaupun sperma dan ovum adalah diambil daripada suami isteri yang sah kerana ia akan menyebabkan berlakunya kekeliruan nasab anak yang akan dilahirkan.

31

Hukum Penggunaan Vaksin *Biothrax* Dan Vaksin *Rotateq* Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya (2008)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin *Biothrax* Dan Vaksin *Rotateq* Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vaksin *Biothrax* dan *Rotateq* adalah tidak dibenarkan kerana:

1. Situasi kini dianggap tidak darurat;
2. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin; dan
3. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.

32

Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik. Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan lintah dan cacing dalam perubatan dan sebagai bahan kosmetik adalah harus, dan hukum menternak atau berjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut juga adalah harus.

PERUBATAN

33

Hukum Pemetongan Genitalia Wanita (*Female Genital Mutilation*) (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21-23 April 2009 telah membincangkan Hukum Pemetongan Genitalia Wanita (*Female Genital Mutilation*). Muzakarah telah memutuskan bahawa amalan berkhatan bagi wanita adalah sebahagian daripada syiar Islam yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam.

Walau bagaimanapun, Islam juga amat mementingkan keselamatan umatnya dan memberikan kelonggaran sekiranya sesuatu amalan atau perbuatan itu boleh mendatangkan kemudharatan pada diri. Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama⁷, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum berkhatan bagi wanita adalah wajib. Walau bagaimanapun, sekiranya ia boleh membawa kemudharatan pada diri, maka ia perlu dielakkan.

34 Hukum Penggunaan Ubat *Clexane* Dan *Fraxiparine* (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan Hukum Penggunaan Ubat *Clexane* Dan *Fraxiparine*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram bagi mengubati sesuatu penyakit, kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui dan bagi menghindari kemudharatan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui.
2. Oleh itu, berhubung dengan penggunaan ubat *Clexane* dan *Fraxiparine* yang dianggap darurat kepada para pesakit bagi mencegah formulasi pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit berada pada tahap kronik, Muzakarah memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua jenis ubat ini adalah ditegah kerana ia dihasilkan dari sumber yang diharamkan oleh Islam, memandangkan pada masa ini telah terdapat alternatif ubat iaitu *Arixtra* yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan *Clexane* dan *Fraxiparine*.

35 Hukum Penggunaan Penandaan Berdakwa Bagi Pesakit Kanser (2010)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan Hukum Penggunaan Penandaan Berdakwa Bagi Pesakit Kanser. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan tanda dakwat untuk rawatan pesakit kanser dengan menggunakan dakwat *Holbein*

Drawing Ink yang telah disahkan kandungannya tidak mengandungi najis adalah diharuskan dan pesakit boleh berwuduk seperti biasa memandangkan dakwat tersebut hanya dimasukkan di bawah permukaan kulit.

36

Hukum Pengambilan Vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV) (2010)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah membincangkan Hukum Pengambilan Vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat daripada pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan serta pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam menggesa umatnya supaya menjaga kesihatan kerana penjagaan kesihatan seseorang individu akan menentukan tahap dan mutu kesihatan masyarakat secara umumnya. Pemberian vaksin merupakan jalan pencegahan awal yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha mengelakkan penyebaran virus di kalangan wanita.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pengambilan Vaksin *Human Papilloma* (HPV) yang telah dipastikan tiada unsur meragukan dalam kandungannya dan tidak mendatangkan kemudharatan adalah diharuskan bagi mencegah penyakit kanser pangkal rahim (servik) di kalangan wanita.
3. Muzakarah juga memutuskan bahawa pemvaksinan ini hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur eksploitasi terhadap pengguna atau digunakan untuk tujuan yang bercanggah dengan syarak.

37 | Hukum *Eutanasia* atau *Mercy Killing* (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum *Eutanasia* atau *Mercy Killing*. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan pakar serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa menghentikan hayat hidup seseorang sebelum dia disahkan mati dengan menggunakan apa-apa cara dan bersandarkan kepada apa-apa alasan adalah haram dan dilarang oleh Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa perbuatan mempercepatkan kematian melalui amalan *eutanasia* (samada *Eutanasia Voluntary*, *Non-Voluntary* atau *Involuntary*) atau *mercy killing* adalah haram menurut Islam kerana ia menyamai perbuatan membunuh dan ianya juga bertentangan dengan Etika Perubatan di Malaysia.
2. Keputusan ini adalah selaras dengan Firman Allah S.W.T. dalam Surah an-Nisa', ayat 92 yang bermaksud:

“Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja...”

dan Hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh an-Nasa'ie yang bermaksud:

“Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. bersabda, “Janganlah kamu mengharapkan kematian, jika seseorang itu baik, boleh jadi ia menambahkan kebaikan dan jika seseorang itu berbuat dosa boleh jadi dia bertaubat (dan mengharap redha Allah)”.

Muzakarah juga menegaskan bahawa tugas seorang doktor ialah menolong pesakit dalam perkara kebaikan. Membantu mempercepatkan kematian tidak termasuk dalam perkara kebaikan tetapi tergolong dalam perkara yang dilarang dan berdosa.

4. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana pakar perubatan telah mengesahkan bahawa jantung dan/atau otak pesakit telah berhenti berfungsi secara hakiki dan pesakit disahkan tidak ada lagi harapan untuk hidup dan hanya bergantung kepada bantuan sokongan pernafasan, Muzakarah memutuskan bahawa tindakan memberhentikan alat bantuan sokongan pernafasan tersebut adalah dibenarkan oleh Islam kerana pesakit telah disahkan mati oleh pakar perubatan dan sebarang rawatan tidak lagi diperlukan. Begitu juga, dalam kes di mana pakar perubatan telah mengesahkan bahawa pesakit tiada harapan untuk sembuh dan pesakit telah dibenarkan pulang, maka tindakan memberhentikan rawatan utama dan hanya rawatan sokongan (*conventional treatment*) diteruskan adalah dibenarkan oleh Islam kerana keadaan seumpama ini tidak termasuk dalam amalan *eutanasia* atau *mercy killing* yang diharamkan.
5. Walau bagaimanapun, jika rawatan/alat bantuan sokongan tersebut digunakan untuk tujuan lain seperti alat bantuan mengeluarkan bendalir untuk memudahkan pernafasan, maka tindakan mencabut/memberhentikannya adalah tidak dibenarkan.
6. Dalam kes-kes di mana pakar perubatan berhadapan dengan situasi di mana pesakit perlu berdepan dengan dua pilihan, sama ada meneruskan rawatan walaupun berkemungkinan memberi kesan sampingan yang boleh menyebabkan kematian atau terus berada dalam keadaan kesakitan yang berterusan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah harus bagi pakar perubatan memberikan rawatan/ubat-ubatan kepada pesakit (seperti ubat penahan sakit) walaupun berkemungkinan memberi kesan kepada nyawa pesakit.
7. Sehubungan itu selaras dengan kaedah fiqh:

الضرورات تبيح المحظورات

iaitu ‘dalam keadaan darurat, setiap perkara yang ditegah dibolehkan’, amalan *Eutanasia Indirect* atau *Double-Effect Medication* boleh dilaksanakan menurut pandangan syarak bagi memastikan kesengsaraan yang dihadapi pesakit dapat dikawal dan pelaksanaannya tidak langsung bertujuan untuk mempercepatkan kematian.

8. Muzakarah juga memutuskan bahawa dalam kaedah perubatan, mati otak (*brain death*) adalah dianggap sebagai suatu kematian dan apabila kematian tersebut disahkan oleh pakar, maka akan thabit semua hukum berkaitan kematian yang ditetapkan oleh syarak.

Justeru, adalah harus memberhentikan rawatan bantuan sokongan (contohnya penggunaan mesin ventilator) dengan persetujuan waris-waris terdekat selepas disahkan oleh dua orang pakar perubatan yang tidak terlibat dalam urusan pendermaan organ.

38 Hukum Penubuhan Bank Susu (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Penubuhan Bank Susu. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan pakar serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa menjaga keturunan adalah termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam. Oleh itu, apa-apa tindakan atau perbuatan yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada nasab atau keturunan perlulah dielakkan.

Muzakarah juga berpandangan bahawa hukum penubuhan bank susu amat berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan Jumhur Fuqaha' bahawa seseorang bayi itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung dari payudara atau penyusuan secara tidak langsung. Juga berdasarkan hadis riwayat Abu Daud:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ لَا رِضَاعَ إِلَّا مَا شَدَّ الْعِظْمَ وَأَنْبَتَ اللَّحْمَ
رواه أبو داود

Maksudnya: Daripada Ibn Mas'ud berkata, tidak berlaku hukum penyusuan melainkan dengan apa yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.

4. Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam masalah awam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan.
5. Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta perderma perlu mengenali antara satu sama lain.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan Rawatan Terapi Larva (*Maggot Debridement Therapy*) Bagi Pesakit Luka Kronik. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam tidak pernah melarang bahkan menggalakkan umat Islam mencari penawar kepada penyakit yang dialami sepertimana sabda Rasulullah S.A.W. ketika ditanya oleh para sahabat:

فَقَالُوا: "يَا رَسُولَ اللَّهِ! هَلْ عَلَيْنَا جُنَاحٌ أَنْ لَا نَتَدَاوَى؟" قَالَ: "تَدَاوُوا، عِبَادَ اللَّهِ! فَإِنَّ اللَّهَ". سُبْحَانَهُ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا أَوْضَعَ مَعَهُ شِفَاءً. إِلَّا الْهَرَمَ
رواه ابن ماجه

Maksudnya: *Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah berdosa jika kami tidak merawat (penyakit kami)?" Rasulullah bersabda, "Dapatkanlah rawatan wahai hamba-hamba Allah! Sesungguhnya Allah Yang Maha Suci tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan dijadikan bersama-samanya penawar, melainkan penyakit tua".*

(Riwayat Ibn Majah)

2. Penegasan ini juga adalah selaras dengan kaedah *fiqhiyyah* yang menyebutkan bahawa: "Kemudharatan perlu dihilangkan" (الضرر يزال).
3. Muzakarah berpandangan bahawa asal sesuatu haiwan itu adalah suci melainkan babi dan anjing yang jelas hukumnya najis. Pandangan ini adalah selaras dengan kaedah *fiqhiyyah* yang menetapkan bahawa:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: “*Hukum asal dalam semua perkara (kecuali ibadat dan hubungan lelaki dan perempuan) adalah harus dilakukan kecuali terdapat dalil yang menyatakannya sebagai haram*”.

4. Muzakarah juga berpandangan bahawa hukum bagi bangkai haiwan yang tidak mempunyai darah adalah suci. Ini bermakna, sekiranya larva yang digunakan semasa proses rawatan tersebut mati, maka hukumnya adalah suci kerana komponen tubuh larva itu sendiri tidak mengandungi darah. Justeru, ia tidak menjejaskan kesucian ibadah seseorang pesakit yang menjalani Rawatan Terapi Larva tersebut.
5. Sehubungan itu, selaras dengan ketetapan-ketetapan tersebut Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum menggunakan Rawatan Terapi Larva (*Maggot Debridement Therapy*) bagi pesakit luka kronik adalah harus dan ibadah yang dilakukan oleh pesakit terutamanya solat ketika menjalani rawatan terapi ini adalah sah.
6. Muzakarah juga memutuskan bahawa pesakit luka kronik yang menjalani rawatan ini dibolehkan bertayammum untuk mengangkat hadas besar atau hadas kecil bagi mengelakkan mudharat apabila terkena air pada anggota yang sakit.
7. Sebagai panduan melaksanakan ibadah, pesakit boleh merujuk kepada Panduan Tayammum, Wuduk dan Solat Bagi Pesakit yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan Kanta ICL (*Implantable Collamer Lens*) Untuk Rawatan Mata. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam amat menekankan penjagaan kesihatan tubuh badan sebagai salah satu prinsip dalam مقاصد شريعة. Walau bagaimanapun, penggunaan ubat dari sumber yang haram untuk mengubati sesuatu penyakit adalah dilarang berdasarkan umumnya hadith Rasulullah S.A.W.:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: رَسُوْلُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ)
(رواه أبو داود)

Maksudnya: *Dari Abi Darda' RA, Rasulullah S.A.W. berkata: Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram.*

2. Namun begitu, dalam keadaan-keadaan dharurah atau terpaksa, terdapat kelonggaran yang diberikan dalam pengharaman ini demi untuk menghilangkan kesakitan dari tubuh badan.
3. Dalam isu rawatan ICL ini, memandangkan penggunaannya bukan dalam keadaan dharurah dan umat Islam mempunyai banyak alternatif

lain yang tidak meragukan dari aspek Syarak, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum menggunakan kanta ICL (*Implantable Collamer Lens*) untuk rawatan mata yang diperbuat dari bahan kolagen khinzir adalah tidak diharuskan.

41 Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Menveo* (2013)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Menveo*. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

“Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan meneliti keterangan, hujah-hujah serta pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin *Meningitis Menveo* adalah diharuskan”.

42 Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Monumen* (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Monumen*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Setelah meneliti formulasi dan proses terbaru dalam penghasilan Vaksin Menomune yang bebas daripada penggunaan sebarang sumber haiwan beserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan

Vaksin *Meningitis Monumen* yang dikeluarkan oleh Sanofi Pasteur adalah diharuskan.

2. Oleh yang demikian, status pengharaman terhadap vaksin tersebut yang telah diputuskan pada Muzakarah kali Ke-53 tarikh 27 November 2002 adalah dibatalkan.

43**Hukum Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan (2014)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Hukum Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan. Muzakarah telah memutuskan:

1. Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Malaya dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan.
2. Muzakarah juga menegaskan bahawa hukum asal pendermaan jasad atau mayat manusia adalah haram kerana Islam amat menitikberatkan penghormatan ke atas jasad manusia sama ada sewaktu mereka masih hidup ataupun selepas mati. Terdapat banyak nas-nas syarak berhubung dengannya, antaranya suruhan tajhiz al-mayyit seperti mandi, kafan, solat dan pengkebumian, larangan mencincang jasad mayat dan sebagainya.
3. Muzakarah berpandangan bahawa dalam konteks Malaysia, pendermaan jasad atau mayat orang Islam dan keperluan penggunaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan masih belum berada pada tahap mendesak. Keperluan terhadap penggunaan mayat untuk tujuan

penyelidikan masih boleh dipenuhi dengan kaedah-kaedah alternatif yang ada. Selagi mana kaedah alternatif boleh dikemukakan sebagai jalan keluar, maka ia menjadi pilihan yang mesti diambil tanpa perlu mengharuskan pendermaan jasad atau mayat orang Islam.

4. Sehubungan itu, selaras dengan penegasan syarak tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pendermaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan adalah haram dan tidak dibenarkan berdasarkan hujah berikut:
 - a. Prinsip kemuliaan mayat dan kewajipan menghormatinya perlu diikuti sebagaimana kaedah:

الأصل في العرض التحريم

Maksudnya: *Asal kepada perkara yang melibatkan maruah dan kehormatan adalah diharamkan.*

- b. Kaedah ini bersandarkan kepada sebuah hadis Nabi S.A.W:

فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحَرَمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا فِي بَلَدِكُمْ هَذَا

Maksudnya: *Darah-darah kamu, harta-harta kamu, dan kehormatan kamu di antara sesama kamu haram seperti mana haramnya hari kamu ini, bulan kamu ini, di negeri kamu ini.*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- c. Kehormatan mayat merupakan suatu tuntutan dan pendermaannya adalah menceroboh prinsip penghormatan tersebut.
 - d. Keperluan penggunaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan belum berada pada tahap mendesak atau dharurah kerana keperluan tersebut masih boleh dipenuhi dengan kaedah-kaedah alternatif yang ada.

44 Hukum Pendermaan Rahim (2014)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Hukum Pendermaan Rahim. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Malaya (UM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan. Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut, Muzakarah mendapati bahawa:
 - a. Hukum asal pendermaan dan pemindahan rahim adalah haram dan tujuan untuk mendapatkan zuriat hanyalah bersifat takmiliyyah iaitu sebagai pelengkap kehidupan berkeluarga.
 - b. Keperluan mendapatkan zuriat melalui pendermaan dan pemindahan rahim di Malaysia belum berada pada tahap dharurah.
 - c. Keperluan mendapatkan zuriat melalui pembedahan dan pemindahan rahim bagi wanita yang mempunyai rahim yang bermasalah atau tidak mempunyai rahim hanya sekadar berada pada tahap tahsiniyyat.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum pendermaan dan pemindahan rahim adalah tidak harus kerana keperluannya belum mencapai tahap dharurah yang boleh membenarkan sesuatu perkara yang diharamkan.

45

Hukum Penggunaan *Cordyceps Sinensis* Dalam Pembuatan Ubat Tradisional (2014)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Hukum Penggunaan *Cordyceps Sinensis* Dalam Pembuatan Ubat Tradisional. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan Muzakarah berpandangan bahawa pada asalnya semua kejadian Allah S.W.T. mempunyai manfaat dan harus penggunaannya. Tiada yang diharamkan melainkan terdapat nas yang sahih dan jelas menerangkan tentang pengharamannya. Ulat dikategorikan sebagai binatang yang tidak mempunyai darah mengalir dan para fuqaha berpandangan bahawa binatang yang tidak mempunyai darah mengalir adalah bersifat tidak menjiskan sepertimana hadis Nabi S.A.W. mengenai lalat yang bermaksud:

“Apabila jatuh lalat dalam minuman seseorang kamu, maka tenggelamkannya dahulu sebelum membuangnya, sesungguhnya pada salah satu sayapnya ada penyakit dan pada satu lagi ada ubatnya”.

2. Muzakarah menjelaskan bahawa cordyceps adalah sejenis kulat dan semua jenis *cordyceps* adalah bersifat *endoparasitoids* iaitu menumpang kepada perumah lain, antaranya pada serangga seperti ulat dan bahan dari larva ulat akan diserap sebagai makanan. Ulat yang merupakan perumah tersebut akan mati akibat daripada proses ini dan bahagian yang tumbuh keluar daripada ulat ini akan digunakan dan spesis *cordyceps* yang paling baik ialah *Cordyceps Sinensis*. *Cordyceps Sinensis* yang asli amat sukar diperolehi dan hanya boleh ditemui di tanah tinggi pergunungan Himalaya. Terdapat dua (2) jenis *Cordyceps Sinensis* pada masa ini iaitu:

- a. *Cordyceps Sinensis* asli yang mahal dan sukar diperolehi.
 - b. *Cordyceps Sinensis* yang dihasilkan melalui proses makmal.
3. Sehubungan itu berdasarkan proses-proses penghasilan *Cordyceps Sinensis* sama ada secara semulajadi atau melalui proses makmal, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan *Cordyceps Sinensis* dalam proses pembuatan ubat tradisional atau produk makanan kesihatan adalah diharuskan kerana *Cordyceps Sinensis* asli terhasil daripada bahan yang tidak menajiskan, manakala *Cordyceps Sinensis* yang terhasil melalui proses makmal juga hanya menggunakan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan sebagai medium pembiakan.
 4. Walau bagaimanapun, sekiranya penghasilan *Cordyceps Sinensis* secara makmal tersebut menggunakan bahan-bahan yang diharamkan sebagai medium pembiakan, maka penggunaannya dalam proses pembuatan apa jua produk sama ada ubat tradisional atau produk makanan kesihatan adalah diharamkan.

46

Hukum Penggunaan Vaksin *Menactra*® (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10 - 11 Februari 2015 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin *Menactra*®. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa pada prinsipnya ulama bersepakat bahawa makanan termasuk ubat-ubatan yang dibenarkan oleh Islam untuk digunakan mestilah terdiri daripada bahan-bahan yang baik (toyib) dan halal, serta tidak mempunyai unsur-unsur yang mendatangkan mudharat kepada kesihatan badan dan akal manusia.

2. Muzakarah juga mendapati bahawa dalam proses penghasilan *Vaksin Menactra*® ini, tiada sebarang komponen bahan mentah yang mengandungi sumber haiwan atau bahan-bahan yang diragui dari aspek syarak digunakan serta tiada perkongsian saluran pemprosesan dengan produk vaksin yang tidak halal.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan *Vaksin Menactra*® adalah diharuskan.

1 Pembayaran Zakat Oleh Tabung Haji (1979)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-17 yang bersidang pada 3 Mei 1979 telah membincangkan Pembayaran Zakat Oleh Tabung Haji. Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah diwajibkan membayar zakat bagi pihak penyimpan-penyimpan dari wang simpanannya, dari hasil pelaburan dan dari harta yang diperniagakan serta segala keuntungan daripadanya.
2. Setelah dikeluarkan zakat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi pihak penyimpan-penyimpan itu, maka barulah keuntungan bersih itu dibahagi di antara penyimpan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menurut peratus yang ditentukan.
3. Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri tidak diwajibkan mengeluarkan zakat dari harta yang didapatinya dari (2) di atas.
4. Zakat tersebut hendaklah dibayar kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri, mengikut kadar simpanan penyimpan-penyimpan di negeri masing-masing.

2 Sistem Metrik Dalam Urusan Zakat (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan Sistem Metrik Dalam Urusan Zakat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus.
2. Sukatan nisab zakat padi ialah 363 gantang.

3 Zakat Wang KWSP (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-5 yang bersidang pada 16-17 Februari 1982 telah membincangkan Zakat Wang KWSP. Muzakarah telah memutuskan bahawa wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bagi pekerja-pekerja Islam wajib dikeluarkan zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Syafie.

4 Zakat Koperasi Shamelin Dan Seumpamanya (1985)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-13 yang bersidang pada 1-2 Februari 1985 telah membincangkan Zakat Koperasi Shamelin Dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa koperasi wajib mengeluarkan zakat bagi pihak ahli-ahlinya.

5 Zakat Ke Atas MARA (1987)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 25 Februari 1987 telah membincangkan Zakat Ke Atas MARA. Muzakarah telah memutuskan bahawa MARA tidak wajib mengeluarkan zakat kerana tidak memenuhi syarat milik sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh syariat Islam.

6 Zakat Ke Atas Syarikat (1992)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Ke Atas Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa syarikat perniagaan adalah diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut:

1. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam.
2. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka.
3. Sempurna milik.
4. Cukup nisab.
5. Cukup haul (genap setahun qamariah/354.3hari).
6. Kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5%.

Syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja berdasarkan pendapatan bersih yang diperolehi.

7

Zakat Gaji & Pendapatan Professional - 1 (1992)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Jabatan Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebet zakat ke atas jumlah yang dibayar itu.
2. Pendapatan profesional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan.

8

Hukum Zakat, Korban Dan Aqiqah Ke Atas Ternakan Rusa (1993)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 telah membincangkan Hukum Zakat, Korban Dan Aqiqah Ke Atas Ternakan Rusa. Muzakarah telah memutuskan bahawa rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan aqiqah. Jika sekiranya diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5%.

9 Zakat Gaji & Pendapatan Professional - 2 (1997)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional. Muzakarah telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat.

10 Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri (2001)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat dan wanita Islam boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di LHDN.

11 Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan *Non Muslim* (2001)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan *Non Muslim*. Muzakarah

telah memutuskan bahawa syarikat yang bercampur antara pemegang saham muslim dan *non muslim*, dikenakan zakat bahagian muslim sahaja.

12

Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultant (2001)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Hukum Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultant. Muzakarah telah memutuskan bahawa wajib zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultant, jika dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, hak orang Islam sahaja yang kena zakat dan tidak ke atas milik bukan muslim.

13

Zakat Syarikat/Anak Syarikat Yang Dimiliki Oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB) (2001)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 16 Ogos 2001 telah membincangkan Zakat Syarikat/Anak Syarikat Yang Dimiliki Oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB). Muzakarah telah memutuskan bahawa Pemodalan Nasional Berhad (PNB) memiliki anak-anak syarikat yang tidak disatukan. Masa kini anak syarikat milik PNB tidak dikenakan zakat tetapi zakat hanya dikenakan pada pelaburan perseorangan dan pemegang saham sahaja.

Oleh itu menjadi tanggungjawab PNB memberikan kesedaran kepada pelabur perseorangan supaya membayar zakat untuk mereka. PNB juga dikehendaki memberi peringatan kepada pemegang saham supaya membayar zakat.

14

Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam (2001)**Keputusan:**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 16 Ogos 2001 telah membincangkan Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa semua perbankan Islam yang menjalankan pengurusan perniagaan berlandaskan syarak wajib mengeluarkan zakat begitu juga semua kaunter yang menjalankan perniagaan berlandaskan syarak yang induknya bukan Islam.

15

Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia (2002)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 yang bersidang pada 11 Mac 2002 telah membincangkan isu Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri adalah berdasarkan harga semasa bagi beras Super Tempatan Gred A yang beratnya satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kilogram; dan
2. Bagi beras yang berlainan grednya, hendaklah ditentukan menurut perkiraan satu gantang Baghdad.

16 Zakat Gaji Beserta Kadarnya (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah membincangkan Zakat Gaji Beserta Kadarnya. Muzakarah telah memutuskan bahawa asas pengiraan zakat gaji dan pendapatan adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun dan kadar zakat yang dikenakan ialah sebanyak 2.5% daripada jumlah pendapatan tersebut.

17 Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kilogram.
2. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras Vietnam White Rice bagi negeri Sabah dan Thai White Rice bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kilogram.

18

Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji (2003)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-58 yang bersidang pada 29 Julai 2003 telah membincangkan Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Anak-anak syarikat Tabung Haji wajib membayar zakat masing-masing.
2. Dalam membuat perkiraan zakat, dividen yang diisytiharkan oleh anak-anak syarikat dan dibayarkan kepada syarikat induk hendaklah ditolak.
3. Zakat ini hendaklah dibayar berdasarkan modal asal dan keuntungan sekiranya ada.

19

Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara (2003)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum zakat fitrah ke atas orang tahanan dan banduan Islam di Institusi Penjara adalah wajib sekiranya cukup syarat wajib zakat fitrah iaitu:

1. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.

2. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
3. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.
4. Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.

20**Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) (2003)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. ANKASA wajib mengeluarkan zakat setelah ditolak semua perbelanjaan perkhidmatan, pengurusan dan cukai pendapatan kiranya cukup haul dan nisab dengan kadar 2.5%.
2. Zakat hendaklah dibayar berdasarkan kepada pendapatan dan keuntungan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan apabila mendapat pertumbuhan, perkembangan dan pembesaran berbanding nilai dan modal.

21

Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayarannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 14 April 2005 telah membincangkan Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayarannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa isu perpindahan bayaran zakat oleh badan-badan korporat mengikut kelayakan negeri-negeri tidak memerlukan fatwa.

Muzakarah berpendapat bahawa jika terdapat mana-mana negeri yang masih memerlukan bantuan agihan zakat, bolehlah membuat permohonan terus kepada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mempunyai kutipan yang tinggi. Pihak MAIN berkenaan akan menimbang dan seterusnya membuat keputusan ke atas permohonan tersebut.

22

Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. FELDA wajib mengeluarkan zakat ke atas hasil pendapatannya dengan mengambilkira pendapatan anak-anak syarikat, sekiranya semua urusan ke atas pemilikan ekuiti dan akaun pendapatan anak-anak syarikat dikawal oleh FELDA sendiri.

2. Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan anak-anak syarikat FELDA diuruskan melalui akaun yang berasingan, maka anak-anak syarikat tersebut wajib mengeluarkan zakat pendapatannya secara berasingan.

23

Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah membincangkan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mazhab Syafie menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Jumhur Ulama' berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.
2. Berdasarkan pandangan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang kali Ke-5 pada 16-17 November 1982 dipinda seperti berikut “Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun”.

24

Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat (2006)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.
2. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.
3. Mengenai hukum Qada Zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.

25

Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah (2007)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah membincangkan Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah. Muzakarah telah memutuskan bahawa

pengagihan zakat perlu diberi keutamaan kepada umat Islam mengikut asnaf-asnaf yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemerintah diharuskan memberi zakat kepada orang bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan secara hikmah bagi tujuan dakwah.

26 Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan Kajian Semula Hukum Agihan Semual Zakat Secara Persendirian. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Dari aspek hukum syarak, keputusan yang telah dipersetujui pada Muzakarah kali ke-76 bertarikh 21-23 November 2006 adalah selaras dengan pandangan syarak dan tidak perlu dibuat sebarang pindaan.
2. Sudah sampai masanya pihak berkuasa agama negeri memberi keutamaan kepada soal agihan kepada golongan asnaf yang layak. Isu pengagihan zakat secara persendirian yang berlaku lebih bersifat pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang terletak di bawah bidangkuasa negeri-negeri dan ia perlu dibincang dan diselaraskan dengan semua Majlis Agama Islam Negeri.
3. Supaya pihak JAWHAR menjalankan kajian impak positif dan negatif terhadap agihan zakat yang dilakukan secara persendirian dan hasil kutipan yang diterima dan dibentangkan kepada semua Majlis Agama Islam Negeri.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-101 yang bersidang pada 27 September 2012 telah membincangkan Status Kewajipan Zakat Ke Atas Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Ketua Pegawai Eksekutif PHB, YBhg. Datuk Kamalul Ariffin Othman serta pembentangan oleh YBhg. Tuan Hj. Lokmanulhakim bin Husain (ISRA/Panel Pemikir Fatwa JAKIM) serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa di dalam pensyariaan zakat, Syariat Islam telah meletakkan syarat-syarat tertentu terhadap harta yang dikenakan zakat. Syarat-syarat tersebut iaitu harta yang dimiliki sepenuhnya secara hak pemilikan dan juga pegangan (raqabah dan yad), mencukupi nisab, mencukupi haul iaitu selama 12 bulan qamariyyah dan harta yang boleh berkembang (النماء) amat penting dalam mengenalpasti harta-harta yang wajib dikenakan zakat.

Muzakarah juga menjelaskan bahawa di dalam permasalahan kewajipan zakat ke atas syarikat milik kerajaan sepenuhnya dengan ertikata semua modal syarikat adalah daripada kerajaan dan tidak ada pemilik atau pemegang saham dari kalangan individu perseorangan atau syarikat swasta, maka zakat tidak dikenakan terhadap harta kerajaan. Majoriti ulama' daripada kalangan Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafieyyah dan Hanabilah berpandangan bahawa tidak diwajibkan zakat terhadap harta milik kerajaan yang dijadikan pelaburan dan menjana keuntungan.

Muzakarah juga menegaskan bahawa pendapat jumhur ulama' ini juga difatwakan secara majoriti oleh *Nadwah Qadhaya al-Zakah al-Mu'asirah* Ke-13. Nadwah memutuskan bahawa "*Harta awam yang dilaburkan untuk memperoleh keuntungan melalui muassasah-muassasah awam*

yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan, dan operasinya adalah berasaskan perniagaan serta memperoleh keuntungan, maka harta seperti ini tidak tertakluk kepada kewajipan zakat pada pendapat kebanyakan”.

Sehubungan itu, selaras dengan penegasan dan pandangan majoriti para ulama’ bahawa harta milik institusi kerajaan adalah tertakluk sebagai harta awam dan tidak diwajibkan zakat, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) yang merupakan syarikat milik penuh Kerajaan tidak diwajibkan mengeluarkan Zakat.

BAB 6

MUNAKAHAT

1

Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah (1971)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 21-22 Januari 1971 telah membincangkan Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah. Persidangan telah memutuskan bahawa perempuan yang sedang mengandung anak luar nikah harus dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pusaka daripadanya, tidak menjadi mahram kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menjadi walinya.

2

Rancangan Keluarga - 1 (1973)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 22 November 1973 telah membincangkan Rancangan Keluarga. Persidangan telah memutuskan bahawa menggalakkan amalan rancangan keluarga kepada umum adalah haram, tetapi bagi orang perseorangan atas sebab-sebab yang tertentu adalah diharuskan.

3

Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 1 (1975)**Keputusan:**

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-10 yang bersidang pada 29 April 1975 telah membincangkan Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa apabila seseorang perempuan bukan Islam memeluk agama Kristian berkahwin dengan lelaki Islam maka nikahnya tidak sah kecuali kafir Kitabi.

4

Suami Isteri Bukan Beragama Islam Kemudian Salah Seorang Daripadanya Memeluk Ugama Islam (1975)**Keputusan:**

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-10 yang bersidang pada 30 April 1975 telah membincangkan Suami Isteri Bukan Beragama Islam Kemudian Salah Seorang Daripadanya Memeluk Ugama Islam. Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Nikah pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam akan terputus jika salah seorang daripadanya memeluk agama Islam tetapi jika yang seorang lagi memeluk agama Islam juga dalam masa iddah itu maka kekal nikah mereka.
2. Dalam keadaan di mana salah seorang daripada pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam memeluk agama Islam maka hendaklah diberi penerangan kepada mereka mengenai terpisahnya yang akan berlaku (tertalak) jika seorang lagi tidak memeluk agama Islam dan hendaklah dinasihat dan dipujuk yang seorang lagi itu dengan hikmah supaya ia memeluk agama Islam juga.

5 Rancangan Keluarga - 2 (1977)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-12 yang bersidang pada 20 Februari 1977 telah membincangkan Rancangan Keluarga. Persidangan telah memutuskan bahawa Rancangan Keluarga mengandungi tiga bahagian, iaitu:

1. Memandulkan lelaki atau perempuan hukumnya adalah haram.
2. Mencegahkan beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang-orang perseorangan.
3. Menyusun keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang lain daripada (1) dan (2) di atas adalah harus.

6 Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 2 (1977)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 14 Julai 1977 telah membincangkan Pernikahan dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa takrif Kafir Kitabi ialah orang Yahudi atau Nasrani:

1. Yang berketurunan Nabi Yaakub A.S., jika tidak diketahui datuk neneknya memeluk agama itu selepas dinasahkan (dibatalkan) oleh agama yang berikutnya seperti agama Yahudi dinasahkan oleh agama Nasrani dan agama Nasrani dinasahkan oleh agama Islam; atau

2. Yang bukan berketurunan Nabi Yaakub A.S., jika diketahui datuk neneknya memeluk agama itu sebelum dinasahkan.

Hukumnya halal nikah dengan perempuan Kafir Kitabi seperti di atas. Adapun perempuan Yahudi atau Nasrani yang bukan Kitabi seperti yang disebutkan di atas adalah haram.

7

Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 3 (1980)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 14 Mei 1980 telah membincangkan Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Pernikahan orang Islam dengan perempuan Kitabiah (bukan asli) adalah tidak sah mengikut mazhab Shafie.
2. Pernikahan seperti itu (pernikahan orang Islam dengan perempuan Kitabiah bukan asli) yang telah dilakukan pada masa yang lalu harus mengikut pendapat setengah ulama' dengan syarat jika pernikahan itu diadakan mengikut Islam dan keluarga itu hendaklah hidup secara Islam termasuk pendidikan anak-anak. Jika tidak dilakukan demikian maka perkahwinan itu hendaklah dibatalkan.
3. Pernikahan suami/isteri Kristian kemudian si suami masuk Islam maka pernikahannya dikira sah dengan syarat kehidupannya mengikut cara Islam.

8

Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah) (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah). Muzakarah telah memutuskan bahawa anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah.

9

Harta Sepencarian (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan Harta Sepencarian. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Segala apa yang diberi atau dihibahkan oleh suami kepada isteri atau sebaliknya dengan bukti secara syarak atau dengan pengakuan dari pihak yang memberi adalah menjadi hak kepada yang menerima.
2. Mengenai rumah tempat tinggal dan perabot pada dasarnya adalah menjadi hak suami kecuali bila ada kenyataan menunjukkan bahawa suami menghibahkan kepada isterinya, atau isteri yang punya. Maskahwin, pakaian dan nafkah pada dasarnya adalah menjadi hak isteri.

10 Mengahwinkan Diri Sendiri (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-20 yang bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan Mengahwinkan Diri Sendiri. Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah tidak sah perkahwinan mengahwinkan diri sendiri kerana pernikahan ini tidak memenuhi syarat dan rukun yang telah diittifaq oleh mazhab yang empat, iaitu tiada wali dan saksi.

11 Pernikahan Melalui Persetujuan (Lelaki Dan Perempuan) (1975)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-20 yang bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan Pernikahan Melalui Persetujuan (Lelaki Dan Perempuan). Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah tidak sah pernikahan demikian kerana pernikahan ini tidak mempunyai saksi dan tidak menggunakan sighah Ijab dan Qabul seperti yang diittifaq oleh empat mazhab Islam iaitu Shafie, Hambali, Maliki dan Hanafi.

12 Pernikahan Menggunakan Wali Hakim (Wali Raja) Dan Wali Tahkim (1989)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-24 yang bersidang pada 5-6 Jun 1989 telah membincangkan Pernikahan Menggunakan Wali Hakim (Wali Raja) Dan Wali Tahkim. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pernikahan wanita-wanita tidak mempunyai wali nasab di negeri Sabah yang dilakukan oleh jurunikah atau kadi yang dilantik oleh Tuan Yang Terutama (TYT) adalah dikira pernikahan secara wali hakim dan pernikahan itu adalah sah di sisi syarak.
2. Pernikahan pelajar atau rakyat Malaysia di luar negeri secara wali tahkim atau tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia adalah dilarang.

13 Tuntutan Fasakh Nikah Isteri Kerana Suami Mengidap Penyakit *AIDS* Atau Penagih Dadah (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah membincangkan Tuntutan Fasakh Nikah Isteri Kerana Suami Mengidap Penyakit *AIDS* Atau Penagih Dadah. Muzakarah telah meluluskan fatwa tuntutan fasakh nikah isteri kerana suami mengidap penyakit *AIDS* atau penagih dadah dengan perakuan dari pakar perubatan yang adil.

14 Kahwin Lari di Selatan Thailand (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Kahwin Lari di Selatan Thailand. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan syarat:

1. Pernikahan itu mengikut rukun nikah.
2. Pernikahan itu melebihi dua marhalah.

3. Tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin di atas alasan syarak di tempat dia bermastautin.
4. Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim.

15

Pindaan Kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-Ibu Pemakaian Kepada Orang-Orang Islam (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Pindaan Kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-Ibu Pemakaian Kepada Orang-Orang Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa pindaan kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-Ibu Pemakaian Kepada Orang-Orang Islam adalah bertentangan dengan hukum Islam dan disarankan agar dibuat kajian lanjut secara mendalam.

16

Perkahwinan Lari Meninggalkan Wali Lebih Dua Marhalah Mengikut Mazhab Al-Syafie (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Perkahwinan Lari Meninggalkan Wali Lebih Dua Marhalah Mengikut Mazhab Al-Syafie. Muzakarah telah memutuskan bahawa perkahwinan yang dilakukan oleh jurunikah yang diiktiraf oleh pihak berkuasa bagi pasangan yang berjauhan dari wali lebih dari dua marhalah adalah sah menurut mazhab Al-Syafie.

17 Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat - 1 (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-55 yang bersidang pada 8 April 2003 telah membincangkan Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau perceraian adalah haram.

18 Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat - 2 (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah membincangkan Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah haram.
2. Hukum mencantumkan benih yang diambil dan dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah harus.

19 Perceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-59 yang bersidang pada 27 Ogos 2003

telah membincangkan Penceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mel dan sebagainya merupakan talak secara kinayah dan ianya adalah sah sekiranya disertai dengan niat.
2. Semua penceraian hendaklah dikemukakan kepada mahkamah syariah untuk menthabitkan talak tersebut.
3. Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah penceraian yang tidak menepati adab penceraian yang digariskan oleh syarak.

20

Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian (2005)

MUNAKAHAT

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 yang bersidang pada 22 Februari 2005 telah membincangkan Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian. Muzakarah telah memutuskan bahawa Wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut sebagai harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid.

21

Hukum Menggunakan Alat-Alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menggunakan Alat-Alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin. Muzakarah telah memutuskan bahawa harus menggunakan alat bantuan untuk tujuan hubungan kelamin selagimana ia tidak memudharatkan dan tidak najis.

22

Hukum Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Di dalam Islam poligami adalah diharuskan. Oleh itu dengan mengambil kira hikmah poligami yang telah disyariatkan, Muzakarah memutuskan bahawa cadangan memasukkan lafaz cerai taklik sekiranya suami berpoligami tidak perlu dilaksanakan.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa Undang-Undang Keluarga Islam yang sedia ada telah lengkap dan mencakupi semua isu berkaitan institusi keluarga Islam. Sehubungan itu sebarang pindaan undang-undang bagi tujuan penambahan lafaz cerai taklik ini adalah tidak diperlukan.

23

Hukum Suami Yang Melakukan Hubungan Seksual Secara Paksaan (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Suami Yang Melakukan Hubungan Seksual Secara Paksaan. Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam hubungan di antara lelaki dan wanita adalah diharamkan setelah melalui akad Ijab dan Qabul yang sah.

Oleh itu Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tiada istilah rogol atau melanggar hak asasi manusia dalam sebuah perkahwinan yang sah dan keganasan rumahtangga yang berlaku adalah lebih bersifat dharar yang boleh diambil tindakan melalui peruntukan undang-undang sedia ada.

24

Pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara Atas Nama Jawatan (2006)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara Atas Nama Jawatan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam menyuruh umatnya mempermudah urusan perkahwinan selagimana ia tidak melanggar Hukum Syarak dan mematuhi peraturan negara. Walau bagaimanapun dalam urusan perkahwinan di luar negara, pelantikan Pendaftar Nikah Cerai perlu dipilih daripada mereka yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat wali yang ditetapkan.

2. Berdasarkan keperluan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara tidak boleh dibuat atas nama jawatan, tetapi perlu dibuat atas nama individu yang berkelayakan menurut syarak.

25 Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan *HIV* Kepada Bakal Pengantin (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan *HIV* Kepada Bakal Pengantin. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Ujian saringan *HIV* kepada setiap pasangan yang hendak berkahwin wajib dilaksanakan sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan mudharat yang lebih besar kepada pasangan dan keturunannya.
2. Usaha bersungguh-sungguh dilakukan ke arah mewujudkan undang-undang induk di semua negeri bagi memperkukuhkan pelaksanaan ujian saringan *HIV* ini pada masa-masa akan datang.

26 Hukum Upacara Akad Nikah Di Masjid (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Upacara Akad Nikah Di Masjid. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Jumah ulama' telah memperakukan bahawa upacara akad nikah dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid. Bahkan ulama' mazhab Syafie berpendapat adalah sunat dan digalakkan untuk melaksanakan akad nikah di masjid.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa melakukan upacara akad nikah di masjid atau surau adalah disunatkan untuk mendapat keberkatan. Walau bagaimanapun, kedua-kedua pihak bagi pengantin lelaki dan perempuan yang turut menyertai upacara akad nikah tersebut hendaklah menjaga adab dan mematuhi peraturan semasa berada di dalam masjid atau surau berkenaan.

27

Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (*Video Conference*) (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (*Video Conference*). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa para fuqaha' bersepakat mensyaratkan bahawa bagi memastikan sesuatu akad nikah itu sah, ia hendaklah dilakukan dalam satu majlis (*ittihad al-majlis*) supaya semuanya terlibat secara langsung semasa pelaksanaan ijab dan qabul.
2. Sehubungan itu, memandangkan akad nikah menerusi sidang video telah memenuhi syarat *Ittihad al-Majlis* kerana ia dikelaskan sebagai *Ittihad al-Majazi*, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah

harus melakukan akad nikah menerusi sidang video dengan syarat-syarat seperti yang berikut:

- i. Hendaklah majlis ini berlangsung ditahap al-yakin bukan al-zhan.
- ii. Tidak ada unsur penipuan (*al-gharar*) dan keraguan.
- iii. Cukup semua rukun dan syarat-syarat sah nikah menurut hukum syarak.
- iv. Digalakkan wali sendiri yang mengakad-nikahkan pasangan.
- v. Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya.
- vi. Tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang (seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri) yang sedang berkuatkuasa.

28

Hukum Menggunakan *DNA* Untuk Menentukan Status Nasab Anak dan Tempoh Melaksanakan *Li'an* Untuk Menafikan Nasab Anak (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-101 yang bersidang pada 27 September 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan *DNA* Untuk Menentukan Status Nasab Anak dan Tempoh Melaksanakan *Li'an* Untuk Menafikan Nasab Anak. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam sangat

menitikberatkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah *Li'an* kerana *Li'an* telah sabit melalui al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijma' dan merupakan suatu amalan *taabudiah*.

2. Muzakarah juga menjelaskan bahawa Majma' Fiqh al-Islami yang bersidang pada 21-26 Syawal 1422 bersamaan 5-10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan *DNA* dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kes kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islami menetapkan bahawa *DNA* tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah *li'an*.
3. Muzakarah menegaskan bahawa para Fuqaha' telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah *li'an* perlu dilakukan dengan kadar segera (على الفور) dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut.
4. Muzakarah turut menegaskan bahawa merujuk kepada Mazhab Shafie, terdapat dua pandangan iaitu dalam *qaul qadim* dan *qaul jadid*. Dalam *qaul qadim*, Imam Shafie menetapkan bahawa penafian hendaklah berlaku sejourus diketahui kelahiran bayi tersebut. Sekiranya penafian tidak dibuat, bermakna seseorang itu telah mengakui bahawa bayi tersebut adalah anaknya. Namun begitu, dalam *qaul jadid*, penafian tidak semestinya secara terus. Ia memerlukan masa sebelum sesuatu keputusan diambil memandangkan ia merupakan satu perkara yang penting. Ia boleh ditangguhkan sehingga tiga hari dan penangguhan hanya boleh berlaku atas sebab-sebab keuzuran.
5. Sehubungan itu, berdasarkan penegasan dan pandangan para ulama' mengenai tempoh segera bagi melakukan *li'an* untuk menafikan

nasab anak, Muzakarah berpandangan bahawa seseorang yang hendak melakukan *li'an* bagi penafian nasab anaknya perlu mempunyai tempoh waktu yang munasabah sebelum membuat keputusan demi mengelakkan sebarang kemudaratan yang mungkin berlaku.

6. Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan *li'an* bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula daripada tarikh isterinya disahkan mengandung sehinggalah tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya.
7. Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya Garis panduan untuk menjalankan ujian *DNA* oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana *DNA* hanya sekadar qarinah atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

29

Isu Perkahwinan Kanak-kanak: Kajian Dari Aspek Agama, Kesihatan dan Psikologi (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Isu Perkahwinan Kanak-kanak: Kajian Dari Aspek Agama, Kesihatan dan Psikologi. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan.

2. Berdasarkan hasil penyelidikan tersebut, Muzakarah mendapati bahawa:
 - a. Isu berkaitan perkahwinan kanak-kanak bukan satu isu baru di Malaysia dan ia tidak lagi dilihat sebagai satu amalan yang 'sihat' pada masa ini. Perkahwinan Baginda Rasulullah S.A.W. dengan Saidatina `Aisyah R.A. tidak wajar dijadikan alasan untuk memudahkan perkahwinan kanak-kanak. Syeikh Abdullah al-Manie, seorang daripada anggota Majlis Ulama Kanan Saudi juga berpandangan bahawa perkahwinan antara Rasulullah S.A.W. dengan Sayidatina Aisyah R.A. tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk mewajarkan perkahwinan gadis bawah umur.
 - b. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak di negara ini, tetapi ia tidak bermakna perkahwinan ini boleh dilakukan dengan mudah tanpa melihat kepada kemaslahatan kanak-kanak yang ingin dikahwinkan.
 - c. Kebanyakan perkahwinan kanak-kanak ini berlaku akibat didorong oleh rasa cinta kepada pasangan yang tidak mampu dikawal sehingga mendorong berlakunya penzinaan serta kehamilan luar nikah.
 - d. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor perkahwinan kanak-kanak di Malaysia berlaku bukan kerana masalah tetapi disebabkan keterlanjuran dan keinginan menutup aib atau maruah keluarga yang tercemar.
 - e. Keterangan pakar-pakar kesihatan dan psikologi menegaskan wujudnya masalah kesihatan fizikal dan mental yang dialami pada pasangan perempuan akibat perkahwinan kanak-kanak.
3. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, Muzakarah menegaskan bahawa para ulama bersetuju bahawa secara syar'i, perkahwinan kanak-kanak bukan merupakan perkara yang wajib atau sunat. Tiada hadis yang

menyatakan bahawa perkahwinan kanak-kanak itu dianjurkan. Perkahwinan pada zaman Rasulullah S.A.W. yang dilakukan oleh para sahabat lebih kepada menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Ia termasuk dalam perkara harus tetapi hukumnya tertakluk kepada ketentuan Maqasid Syariah dan Kaedah Fiqhiyyah iaitu “Menjauhi Kerosakan” (*Dar’ al-Mafasid*) serta “Mengambil Maslahat” (*Jalb al-Masalih*).

4. Sehubungan itu, berasaskan nas-nas Syarak dan Kaedah-Kaedah Fiqhiyyah serta keterangan pakar-pakar kesihatan dan psikologi, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa perkahwinan kanak-kanak hanya boleh dibenarkan dengan syarat ia dilakukan semata-mata untuk memenuhi kemaslahatan kanak-kanak tersebut secara syar’ie.
5. Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya pihak-pihak berkuasa berkaitan memperketatkan syarat-syarat perkahwinan kanak-kanak dan memastikan pelaksanaannya dijalankan mengikut prosedur.

BAB 7

MAKANAN DAN MINUMAN

1 Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 November 1988 telah membincangkan Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan. Muzakarah telah memutuskan bahawa kordial yang mengandungi bahan citarasa (*flavour*) yang dimasukkan alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan untuk tujuan minuman sekiranya:

1. Alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak.
2. Bahawa kuantiti alkohol dalam citarasa (*flavour*) itu adalah sedikit iaitu tidak memabukkan.

2 Penggunaan Agen Aktif Dalam Makanan (1990)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-26 yang bersidang pada 7-8 Mac 1990 telah membincangkan Penggunaan Agen Aktif Dalam Makanan. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan agen aktif permukaan di dalam makanan adalah harus dengan syarat sumber-sumber agen aktif permukaan tersebut diperolehi daripada tanaman dan sekiranya daripada binatang hendaklah binatang halal yang disembelih menurut secara Islam.

3 Keju Sebagai Bahan Makanan (1990)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-27 yang bersidang pada 3 Oktober 1990 telah membincangkan Keju Sebagai Bahan Makanan. Muzakarah telah memutuskan bahawa keju sebagai bahan makanan adalah harus sama ada enzim yang digunakan sebagai bahan campuran dalam pembuatan keju itu diperolehi daripada tumbuhan atau kulat atau binatang yang halal dan disembelih.

4 Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman (1999)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 12 Julai 1999 telah membincangkan Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Barangan, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bio-teknologi *DNA* babi adalah bercanggah dengan syarak dan hukumnya adalah haram.
2. Penggunaan bio-teknologi *DNA* babi dalam pemprosesan barangan, makanan dan minuman belum lagi sampai ketahap yang boleh dikatakan darurat kerana masih ada pilihan bahan yang lain.
3. Ijtihad ini adalah berpegang kepada kaedah usul fiqh seperti berikut:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: 'Mencegah perkara-perkara yang keji adalah lebih utama daripada mengajak kepada kebajikan'.

5

Penggunaan Air Baru (*Newater*) (2002)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 telah membincangkan Penggunaan Air Baru (*Newater*). Muzakarah telah memutuskan bahawa air baru *Newater* adalah bersih dan harus digunakan dari sudut hukum syarak.

6

Hukum Menggunakan Bakteria Yang Diambil Daripada Najis Bayi Sebagai Agen Pemangkin Dalam *Yogurt* (2004)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-62 yang bersidang pada 16 Mac 2004 telah membincangkan mengenai Hukum Menggunakan Bakteria Yang Diambil Daripada Najis Bayi Sebagai Agen Pemangkin Dalam *Yogurt*. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menggunakan bakteria kultur yang dipencilkan daripada sebarang najis sebagai agen pemangkin dalam yogurt adalah harus dengan syarat telah melalui proses pengasingan dan penyucian yang sejajar dengan hukum syarak kerana bakteria yang terdapat di dalam najis bayi adalah *mutanajjis*.

7

Hukum *Wine Vinegar* (Cuka Wain) (2006)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan Hukum *Wine Vinegar* (Cuka Wain). Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggunakan Cuka Wain (*Wine Vinegar*)

yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walau bagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia adalah halal.

8 Kajian Semula Hukum Penjualan Air Zam-Zam (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Kajian Semula Hukum Penjualan Air Zam-Zam. Muzakarah telah memutuskan bahawa berdasarkan nas-nas daripada hukum syarak, Islam membenarkan penjualan, perdagangan atau urusniaga air zam-zam. Walau bagaimanapun pihak pemerintah boleh mengenakan sekatan sekiranya terdapat pihak yang mencemarkan kesucian dan kemuliaan air tersebut.

9 Hukum Memakan Sarang Burung Layang-Layang (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah membincangkan Hukum Memakan Sarang Burung Layang-Layang. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum memakan sarang burung layang-layang adalah harus.

10

Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011 telah membincangkan Hukum Memakan Daging/Isi Belangkas dan Telurnya. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa tiada nas qati'e yang mengharamkan manusia memakan belangkas. Pakar Haiwan Hidupan Air menyatakan bahawa belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dalam dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang.
2. Sehubungan itu, selaras dengan pandangan Jumhur Ulama' yang menyatakan bahawa haiwan yang tinggal di dalam laut semata-mata dan tidak boleh hidup tanpa air adalah halal dimakan, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum memakan daging/isi dan telur belangkas adalah diharuskan.

11

Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (*Genetic Modified Food*) (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (*Genetic Modified Food*). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada YBhg. Prof. Dato' Dr. Yaakob Che Man, Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia serta meneliti hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mengambil perhatian bahawa makanan terubahsuai secara genetik melibatkan pemindahan gen-gen yang halal dan juga tidak halal, dari haiwan dan juga tanaman bagi memberikan ciri-ciri yang dikehendaki sebagai makanan atau ubat-ubatan.
2. Dalam hal ini Muzakarah berpandangan bahawa Islam menghendaki umatnya supaya memilih makanan yang baik (toyyib) iaitu halal, suci dan tidak memberi mudharat kepada jiwa dan akal manusia dan proses penghasilannya juga tidak memberi mudharat kepada manusia dan alam sekitar.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam penghasilan Makanan Terubahsuai Genetik (*GM Food*), penggunaan bahan-bahan yang diharamkan dan memudaratkan manusia serta alam sekitar adalah dilarang. Manakala penggunaan haiwan ternakan yang halal dibolehkan sekiranya haiwan tersebut disembelih mengikut kaedah syarak.

12

Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan (2011)

Keputusan:

Berdasarkan taklimat, pembentangan dan penjelasan yang disampaikan oleh pakar-pakar daripada Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia serta dengan mengambil kira keputusan-keputusan yang telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdahulu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011 telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

1. Setiap minuman arak adalah mengandung alkohol. Walau bagaimanapun, bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.
2. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.
3. Minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.
4. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, sama ada mengandung banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.
5. Makanan atau minuman yang mengandung alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kekacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.
6. Makanan atau minuman yang mengandung bahan perisa atau pewarna yang mengandung alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.
7. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandung alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

13 Hukum Meminum Kopi Luwak (Musang) (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Hukum Meminum Kopi Luwak (Musang). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Allah S.W.T. memerintahkan umatNya supaya memilih rezeki yang halal dan memakan makan yang baik sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Baqarah, ayat 172 yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Makanlah dari rezeki yang baik yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu beribadat kepada-Nya”.

2. Muzakarah juga berpandangan bahawa kaedah fihiyyah menetapkan bahawa:

الأصل في الأشياء الإباحة، ما لم يقر دليل معتبر على الحرمة
“Hukum asal mengenai sesuatu adalah harus selagimana tidak ada dalil muktabar yang mengharamkannya”

Ulama’-ulama’ fiqh muktabar menjelaskan bahawa mana-mana bijian yang dimuntahkan oleh haiwan atau yang keluar bersama najis haiwan tersebut, selagi mana ianya tidak rosak dan masih kekal dalam rupa bentuknya yang asal atau jika ditanam ia mampu tumbuh, maka ia dihukumkan sebagai *mutanajjis* dan bukan najis.

3. Sehubungan itu, selaras dengan penegasan dan pandangan-pandangan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa biji Kopi Luwak (musang) adalah bersifat *mutanajjis* dan ia harus dijadikan bahan minuman dengan syarat:

- a. Biji kopi tersebut masih dalam keadaan baik, tidak berlubang, tidak pecah dan dapat tumbuh jika ditanam; dan
 - b. Biji kopi tersebut hendaklah disucikan terlebih dahulu daripada najis
4. Muzakarah juga memutuskan supaya Kopi Luwak yang dihasilkan hendaklah mendapatkan sijil pengesahan halal daripada JAKIM atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebelum dipasarkan kepada masyarakat Islam.

14

Hukum Bahan Pewarna *Cochineal*: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-100 yang bersidang pada 4 hingga 6 Julai 2012 telah membincangkan Hukum Bahan Pewarna *Cochineal*: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa *cochineal* adalah jenis serangga (kumbang betina) yang tidak membahayakan dan zat pewarna yang dihasilkan daripada *cochineal* boleh dimanfaatkan oleh manusia. Dari segi perundangan negara, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah menetapkan bahawa pewarna *carmine* yang diperolehi dan dihasilkan daripada *cochineal* adalah dibenarkan berdasarkan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP).
2. Muzakarah juga menegaskan bahawa Jumhur Fuqaha' sepakat menetapkan bahawa bangkai serangga yang darahnya tidak mengalir adalah suci, dan pewarna *cochineal* adalah diperolehi daripada serangga *cochineal* yang telah mati di mana darahnya tidak mengalir.

3. Berdasarkan ketetapan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan pewarna *cochineal* dalam makanan, minuman dan barang gunaan adalah diharuskan dan kadar penggunaan yang dibenarkan adalah mengikut ketetapan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selagi mana ia tidak mendatangkan kemudharatan.

15

Penghasilan *Monosodium Glutamat* (MSG) Menggunakan Mikro Organisma Terubahsuai (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Penghasilan *Monosodium Glutamat* (MSG) Menggunakan Mikro Organisma Terubahsuai. Muzakarah telah memutuskan:

1. Setelah meneliti proses pengubahsuaian genetik dan teknologi baru dalam proses penghasilan *Monosodium Glutamat* (MSG) beserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa bakteria penderma iaitu *Lactic Acid Bacteria* yang digunakan adalah diperolehi daripada "Intestines Of Human Adult" (usus orang dewasa) yang kemudiannya telah dipencilkan serta dipurifikasikan.
2. Berdasarkan proses dan sumber bakteria yang dikemukakan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Penggunaan Mikro Organisma Terubahsuai iaitu *Lactic Acid Bacteria* yang diperolehi daripada "Intestines Of Human Adult" (usus orang dewasa) dalam teknologi baru penghasilan *Monosodium Glutamat* (MSG) adalah dibenarkan kerana bakteria yang digunakan tersebut dikategorikan sebagai *mutanajjis* dan ianya telah melalui proses pengasingan dan penyucian yang tidak menyalahi hukum Syarak.

16

Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10 - 11 Februari 2015 membincangkan Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa kandungan isi perut ikan adalah antara hukum yang tidak disebut secara jelas mengenainya sama ada dalam al-Quran ataupun Sunnah Rasulullah S.A.W. Ibn Hajar, Ziyad, al-Ramli dan lain-lain telah bersepakat bahawa apa-apa yang ada dalam perut ikan yang kecil sama ada darah atau najis adalah suci dan boleh dimakan serta tidak dianggap najis, bahkan al-Ramli berpendapat, hukum tersebut berlaku juga kepada ikan yang besar.
2. Sekiranya ia dihukum bersih, syarak menetapkan hukum memakannya bergantung pula pada pandangan pakar perubatan yang dipercayai sama ada ia boleh memudharatkan ataupun tidak. Sekiranya mudharat maka tidak boleh dimakan kerana memberi kesan pada kesihatan, begitulah sebaliknya.
3. Sehubungan itu, berdasarkan *masyaqqah* yang perlu dihadapi untuk memproses ikan dalam kuantiti yang banyak sehingga terlalu sukar untuk dibuang kandungan isi perut ikan satu persatu, dan realiti semasa industri komersil pemprosesan minyak ikan pada masa ini yang perlu mematuhi standard dan piawaian yang ketat bagi memastikan ianya bersih dan selamat digunakan, serta dengan mengambilkira kepentingan, manfaat dan kegunaan minyak ikan kepada kesihatan manusia, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa minyak ikan yang diproses secara komersial dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut atau najisnya adalah suci dan halal dimakan.

BAB 8

PAKAIAN DAN LAIN-LAIN

1 Lilitan Hitam Di Lengan Bagi Umat Islam (1987)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-19 yang bersidang pada 6-7 Oktober 1987 telah membincangkan Lilitan Hitam Di Lengan Bagi Umat Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Memandangkan lilitan kain hitam di lengan baju yang berwarna putih merupakan suatu adat kebudayaan bagi orang kafir, maka kelakuan tersebut hukumnya haram dan dilarang sama sekali kepada umat Islam.
2. Setiap bentuk pakaian bagi tujuan sosial atau sebagainya yang dipakai oleh orang Islam hendaklah tidak melibatkan unsur-unsur yang khusus dengan adat atau keagamaan bagi agama lain.

2 Menyalurkan Wang Hasil Pelbagai Denda Mahkamah-Mahkamah Syariah Ke Baitulmal Negeri-Negeri Di Malaysia (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan isu Menyalurkan Wang Hasil Pelbagai Denda Mahkamah-Mahkamah Syariah Ke Baitulmal Negeri-Negeri Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa denda Mahkamah-Mahkamah Syariah tidak boleh dimasukkan ke Baitulmal Negeri-Negeri, sebaliknya ia menjadi hasil kerajaan negeri berkenaan.

3

Hukum Pemakaian Pakaian Tentera Yang Mempunyai Kalimah ‘Allah’ Dan ‘Muhammad’ Terhadap Mayat Bukan Islam Dalam Upacara Pengkebumian (2013)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-104 yang bersidang pada 2-4 September 2013 telah membincangkan Hukum Pemakaian Pakaian Tentera Yang Mempunyai Kalimah ‘Allah’ Dan ‘Muhammad’ Terhadap Mayat Bukan Islam Dalam Upacara Pengkebumian. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Lafdz Al-Jalalah (Allah) dan Muhammad (Nabi Muhammad S.A.W.) adalah merupakan kalimah yang wajib dipelihara kehormatannya daripada sebarang perkara yang boleh mencemarkannya seperti memakai/ membawa kalimah-kalimah tersebut ke upacara ibadat orang bukan Islam atau pun ke tempat-tempat yang boleh menyebabkan terkena najis.
2. Muzakarah juga menegaskan bahawa para ulama’ berpandangan bahawa adalah haram menulis sesuatu daripada ayat Al-Quran atau nama yang diagungkan pada sesuatu objek yang berkaitan dengan mayat kerana ia akan terkena najis nanah yang bercampur darah.
3. Sehubungan itu bagi menjaga kehormatan kedua-dua kalimah tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan pakaian tentera atau sebagainya yang mempunyai kalimah Allah dan Muhammad sama ada dalam tulisan rumi atau jawi pada mayat orang Islam atau bukan Islam adalah dilarang.

BAB 9

HAIWAN

1 Gas Daripada Tahi Babi (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-2 yang bersidang pada 12-13 Mei 1981 telah membincangkan Gas Daripada Tahi Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa gas yang diproses daripada tahi babi dengan menggunakan api hukumnya najis dan yang tidak menggunakan api hukumnya suci.

2 Baja Daripada Tahi Babi (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-2 yang bersidang pada 12-13 Mei 1981 telah membincangkan Baja Daripada Tahi Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa baja yang diperbuat daripada tahi babi adalah najis mughallazah, sementara hukum menggunakannya sebagai baja adalah harus serta makruh.

3 Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984

telah membincangkan mengenai Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Muzakarah telah memutuskan bahawa sembelihan ahli kitab yang asli boleh dimakan oleh orang Islam dengan syarat penyembelihan mengikut kaedah-kaedah yang sah mengikut syarak.

4 Penggunaan Bulu Babi (1985)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-12 yang bersidang pada 22-23 Januari 1985 telah membincangkan Penggunaan Bulu Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah haram. Sekiranya tidak pasti sama ada berus tersebut daripada bulu babi atau tidak maka harus digunakan.

5 Pembiakan Siput Babi (*Achatina Fulica*) (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-20 yang bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan Pembiakan Siput Babi (*Achatina Fulica*). Muzakarah telah memutuskan bahawa perusahaan menternak siput babi untuk eksport ke luar negara sebagai bahan makanan adalah harus.

6 Penggunaan *Electrical Stunning* Dalam Penyembelihan Lembu (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 November

1988 telah membincangkan Penggunaan *Electrical Stunning* Dalam Penyembelihan Lembu. Muzakarah telah memutuskan bahawa Penggunaan *Electrical Stunning* Dalam Penyembelihan Lembu adalah harus.

7

Penyembelihan Ayam Dengan Pelalian *Water Stunner* (1988)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 November 1988 telah membincangkan Penyembelihan Ayam Dengan Pelalian *Water Stunner*. Muzakarah telah memutuskan bahawa Penggunaan *Water Stunner* dalam proses penyembelihan ayam adalah harus.

8

Permanian Beradas Binatang (1989)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-24 yang bersidang pada 5-6 Jun 1989 telah membincang isu Permanian Beradas Binatang. Muzakarah telah memutuskan bahawa melakukan permanian beradas ke atas binatang-binatang ternakan secara saintifik dan selamat adalah harus”.

9

Menternak Binatang Dua Alam (1990)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-26 yang bersidang pada 7-8 Mac 1990 telah membincangkan Menternak Binatang Dua Alam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Perusahaan menternak ketam nipah untuk tujuan eksport adalah harus kerana ia bukan binatang dua alam.
2. Perusahaan menternak katak untuk tujuan eksport adalah khilaf ulama'.
3. Menurut jumhur ulama', perusahaan menternak katak untuk tujuan eksport adalah haram kerana ia adalah binatang dua alam.
4. Menurut Mazhab Maliki, perusahaan menternak katak untuk tujuan eksport adalah harus.

10

Penggunaan *Hormon PSH-P* (Otak Babi) Sebagai Bahan Peningkatan Ternakan (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 September 1995 telah membincangkan Penggunaan *Hormon PSH-P* (Otak Babi) Sebagai Bahan Peningkatan Ternakan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. *Hormon PSH-P* (Otak Babi) bahan penggalak yang diperolehi dari otak babi adalah najis mughallazah dan haram digunakan dalam apa pun bentuk sama ada untuk tujuan pembiakan dan sebagainya. Pengharaman tersebut berasaskan kepada syubhah.
2. Anak-anak binatang ternakan yang dihasilkan pembiakannya daripada *PSH-P* (Otak Babi) diharamkan bahkan daging dan susunya.
3. Pihak yang berkenaan khususnya Jabatan Haiwan di seluruh negara hendaklah memberhentikan serta merta daripada melakukan amalan penyuntikan hormon *PSH-P* tersebut kepada binatang ternakan yang halal untuk tujuan pembiakan dan sebagainya.

11

Hukum Mengenai *Stunning* Haiwan (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-70 yang bersidang pada 29 September 2005 telah membincangkan Hukum Mengenai *Stunning* Haiwan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Kaedah *stunning* jenis *Penetrative Captive Bolt* dan *Non Penetrative Captive Bolt (Mushroom Head Gun)* adalah haram dan tidak dibenarkan kerana ia boleh menyebabkan kematian haiwan.
2. Hanya kaedah Kejutatan Elektrik (*Electrical Stunning*) sahaja dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - a. *Stunner* yang digunakan adalah jenis kejutatan di kepala sahaja (*head only stunner*)
 - b. Kekuatan arus elektrik hendaklah dikawal (tidak boleh melebihi had yang ditetapkan) iaitu antara 0.75 ampere untuk kambing, 2.0 ampere untuk lembu dan tempoh masa aliran elektrik ialah antara 3-6 saat; dan
 - c. Perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertaualiah.
3. Kaedah *Waterbath Stunning* untuk ayam dan itik (*poultry*) adalah diharuskan dengan syarat:
 - a. Kekuatan arus elektrik adalah dikawal supaya tidak mematikan haiwan; dan
 - b. Perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertaualiah.
4. Penggunaan dadah dan karbon dioksida dalam prosedur sembelihan adalah diharuskan dengan syarat tidak menyiksa atau mematikan haiwan tersebut.

12

Kaedah *Thoracic Sticking* Dalam Sembelihan Haiwan (2005)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-70 yang bersidang pada 29 September 2005 telah membincangkan Kaedah *Thoracic Sticking* Dalam Sembelihan Haiwan. Muzakarah telah memutuskan bahawa Kaedah *Thoracic Sticking* iaitu prosedur tambahan yang digunakan selepas sembelihan adalah dibenarkan dan daging haiwan tersebut adalah halal tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Telah berlaku sembelihan yang sempurna (iaitu telah putus keempat-empat urat *Mari'*, *halkum* dan *wadajain*);
2. Kaedah tersebut dijalankan selepas berlaku pendarahan sempurna (*complete bleeding*) atau selepas 30 saat penyembelihan berlaku;
3. Binatang tersebut disahkan mati akibat sembelihan dan kaedah *Thoracic Sticking* hanya sekadar membantu mempercepatkan kematian; dan
4. Kaedah ini perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertauliah.

13

Penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* Menurut Pandangan Islam (2006)**Keputusan:**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 13 Mac 2006 telah membincangkan Penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* dalam sembelihan lembu dan binatang

halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan *stunning* dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan.

14

Status Kesucian Ikan Yang DiBeri Makanan Tidak Halal (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 - 6 April 2006 telah membincangkan Status Kesucian Ikan Yang DiBeri Makanan Tidak Halal. Muzakarah telah memutuskan bahawa Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.

15

Hukum Penggunaan Bulu Binatang Yang Halal Dimakan Sebagai Ramuan Makanan (2010)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan Hukum Penggunaan Bulu Binatang Yang Halal Dimakan Sebagai Ramuan Makanan. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vitamin D3 yang terhasil daripada bulu binatang yang halal dimakan adalah harus sama ada ia diambil semasa hidup atau selepas disembelih mengikut hukum syarak.

16

Hukum Memakan Dan Berubat Dengan Cicak *Gekko Gekko* (Tokay) (2011)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Memakan Dan Berubat Dengan Cicak *Gekko Gekko* (Tokay). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa para fuqaha' telah mengklasifikasikan Cicak *Gekko Gekko* (Tokay) sebagai binatang yang haram dimakan kerana tergolong dalam kategori haiwan yang menjijikkan (*khabis*) dan mempunyai racun. Begitu juga dengan uruf masyarakat Islam di Malaysia yang tidak menjadikan binatang ini sebagai makanan yang biasa dimakan. Selain itu, sehingga kini tidak ada bukti saintifik dan ujian klinikal yang membuktikan bahawa Cicak *Gekko Gekko* (Tokay) mampu menjadi penawar atau mengubati penyakit-penyakit tertentu.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum memakan Cicak *Gekko Gekko* (Tokay) adalah diharamkan oleh Islam. Manakala untuk tujuan perubatan, penggunaan Cicak *Gekko Gekko* (Tokay) diharuskan dengan syarat keberkesanannya dapat dibuktikan dari segi saintifik dan tiada alternatif ubat lain yang boleh digunakan bagi merawat penyakit berkaitan.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Qurban Dan Aqiqah Ke Atas Haiwan Import Yang Tidak Diketahui Umurnya. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Qurban dan Aqiqah telah disyariatkan dalam Al-Quran dan Sunnah dan kedua-duanya merupakan sembelihan sunat yang bertujuan untuk *taqarrub* kepada Allah S.W.T.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum Qurban dan Aqiqah ke atas haiwan yang diimport adalah berdasarkan hukum yang telah disepakati oleh para fuqaha', iaitu bagi anak kambing muda ianya sesuai untuk dijadikan qurban apabila umurnya genap setahun dan telah masuk ke tahun yang kedua. Manakala bagi unta disyaratkan umurnya memasuki enam tahun dan bagi kambing dan lembu pula hendaklah telah memasuki umur tiga tahun. Bagi biri-biri pula hendaklah memasuki umur dua tahun.
3. Muzakarah juga menasihatkan para pengimport haiwan ternakan untuk tujuan ibadah Qurban atau Aqiqah hendaklah berusaha bersungguh-sungguh memastikan haiwan import tersebut mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan kerana Qurban dan Aqiqah merupakan satu amal ibadah yang bersifat *ta'abbudiyyah* yang perlu dilaksanakan secara sempurna.

BAB 10

SOSIAL DAN SYARIAH

1 Kesabitan Anak Bulan Ramadhan & Syawal (1977)

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 14 Julai 1977 telah membincangkan Kesabitan Anak Bulan Ramadhan & Syawal. Persidangan telah memutuskan bahawa “Anak bulan Ramadhan dan Syawal kiranya tidak kelihatan dilindungi awan (*ghaim*) padalalnya mengikut kiraan ahli-ahli falak syarie anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiraan ahli-ahli falak syarie bolehlah digunakan. Tetapi kiranya cuaca baik dan anak bulan tidak kelihatan maka hendaklah disempurnakan bilangan hari bulan itu sebanyak 30 hari”.

2 Penamaan Saudara Baru (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan Penamaan Saudara Baru. Muzakarah telah memutuskan bahawa bagi Saudara Baru (*muallaf*) nama mereka hendaklah nama Islam mendahului nama asalnya, misalnya Ahmad Chong Ah Kaw.

3 Hiburan Nasyid dan Pancaragam (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal

Ugama Islam Malaysia Kali ke-2 pada 12-13 Mei 1981 telah membincangkan mengenai Hukum Nasyid dan Pancaragam. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Nyanyian yang senikatanya baik, tidak lucu, tidak biadap dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus;
2. Jika nyanyian senikatanya tidak baik, lucu, biadap, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dengan perempuan dan membawa kepada fitnah maka nyanyian itu adalah haram;
3. Pancaragam yang melalaikan hukumnya haram;
4. Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat senikatanya baik, tidak lucu, tidak biadap, tidak bercampur lelaki dan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah; dan
5. Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah harus.

4

Masalah Dadah & Penyelesaiannya (1981)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 15-16 April 1981 telah membincangkan Masalah Dadah & Penyelesaiannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Sebarang penyalahgunaan, termasuk penyalahgunaan dadah, hukumnya haram.
2. Dadah hanya boleh digunakan bagi tujuan perubatan yang sah mengikut syarak.

5 Azan Menggunakan Pembesar Suara (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13 April 1982 telah membincangkan Azan Menggunakan Pembesar Suara. Muzakarah telah memutuskan bahawa berdasarkan faktor-faktor yang tersebut di atas bahawa azan memakai pembesar suara di masjid, surau-surau dan tempat-tempat ibadat orang-orang Islam belum lagi mengganggu ketenteraman orang-orang yang bukan Islam maka Muzakarah bersetuju bahawa rayuan bantahan orang-orang yang bukan Islam itu tidak boleh diterima.

6 Hukuman Takzir Diganti Dengan Wang (1982)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-5 yang bersidang pada 16-17 November 1982 telah membincangkan Hukuman Takzir Diganti Dengan Wang. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukuman takzir boleh diganti hukuman denda dengan wang pada kes-kes tertentu sahaja, tertakluk kepada budibicara Kadi atau Hakim Perbicaraan.

7 Pengiriman Al-Quran Melalui Pos (1983)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan Pengiriman Al-Quran Melalui Pos. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pengiriman Al-Quran melalui pos hendaklah dengan cara berdaftar dan dibungkus serta dibalut dengan sempurna.
2. Untuk menjaga keselamatan dan kesucian Al-Quran, maka pengiriman melalui pos tidak digalakkan.

8

Penanaman Pokok Buah-Buahan Di Tanah Perkuburan (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984 telah membincangkan Penanaman Pokok Buah-Buahan Di Tanah Perkuburan. Muzakarah telah memutuskan bahawa menanam pokok buah-buahan di atas tanah yang dikhaskan bagi kubur di Rancangan Felda hukumnya harus dan hasil yang diperolehi adalah halal asalkan ianya digunakan bagi masalah umum.

9

Garis Panduan Bagi Pengurusan Jenazah Orang-Orang Islam Luar Negeri (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan isu Garis Panduan Bagi Pengurusan Jenazah Orang-Orang Islam Luar Negeri. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika sekiranya keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang benar-benar memerlukan *post*

mortem atau simati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.

2. Pengkebumian mayat di dalam peti yang tertutup boleh dilakukan dengan syarat muka simati dibuka dan tubuhnya dihadapkan ke arah qiblat.
3. Pemandahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain adalah harus sekiranya keadaan memerlukan (darurat) tetapi mestilah dipastikan simati dipindahkan dalam keadaan yang baik dan sempurna.

10 Pemandahan Mayat (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan Pemandahan Mayat. Muzakarah telah memutuskan bahawa pemandahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain adalah harus sekiranya keadaan memerlukan (darurat) tetapi mestilah dipastikan simati dipindahkan dalam keadaan yang baik dan sempurna.

11 Pengebumian Mayat Dalam Peti Yang Tertutup (1984)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan Pengebumian Mayat Dalam Peti Yang Tertutup. Muzakarah telah memutuskan bahawa pengebumian mayat dalam peti yang tertutup harus dilakukan dengan syarat muka si mati dibuka dan tubuhnya dihadapkan ke arah qiblat.

12

Hukum Bunuh Ke Atas Pelaku Kesalahan Berkaitan Dengan Senjata Api (1989)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-23 yang bersidang pada 20 Februari 1989 telah membincangkan Hukum Bunuh Ke Atas Pelaku Kesalahan Berkaitan Dengan Senjata Api. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukuman mati atau gantung atau penjara seumur hidup dalam undang-undang berkaitan dengan kesalahan penggunaan senjata api yang terpakai di negara ini sekarang tidak bercanggah dengan Islam. Hukuman ini sesuai dengan kaedah dalam Islam. Ianya diadakan untuk tujuan menghalang keburukan atau kerosakan yang akan berlaku.

13

Pameran Khazanah Dari Kubur (1989)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-23 yang bersidang pada 20 Februari 1989 telah membincangkan Pameran Khazanah Dari Kubur. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. “Pameran Khazanah Dari Kubur” oleh Muzium Negara yang melibatkan pameran barang-barang purba yang dijumpai di dalam kubur dan juga keranda mumia (bukan mayat mumia) boleh diteruskan;
2. Mayat mumia tidak harus dipamerkan sama ada ianya Islam atau bukan Islam.
3. Pameran barang-barang purba penemuan daripada kubur adalah harus, asalkan ia tidak bercanggah dengan syariat Islam.
4. Pameran patung-patung adalah ditegah oleh Islam.

14

Penulisan Ayat-Ayat Al-Quran Dengan Huruf *Roman* (1989)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-24 yang bersidang pada 5-6 Jun 1989 telah membincangkan Penulisan Ayat-Ayat Al-Quran Dengan Huruf *Roman*. Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah haram ditulis atau digunakan mana-mana bahagian daripada ayat Al-Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan tulisan Al-Quran.

15

Kedudukan Mak Nyah Dalam Islam (1989)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah membincangkan Kedudukan Mak Nyah Dalam Islam. Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-126 pada 24 Februari 1983 telah mempersetujui fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa seperti berikut:

1. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak, dan
2. Seseorang yang dilahirkan khunsa musykil iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

16 Tanah Perkuburan Dan *Krematoria* (1992)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-29 yang bersidang pada 19 Februari 1992 telah membincangkan Perancangan Tanah Perkuburan Dan *Krematoria*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju dengan cadangan kawasan tanah perkuburan lama (lebih dari 90 tahun) digunakan semula secara berperingkat-peringkat. Ini adalah kerana tidak terdapat nas dari Al-Quran dan hadith yang melarang tanah perkuburan yang lama digunakan semula.
2. Tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan kubur bertingkat sedalam 18 kaki yang dapat menempatkan (3) mayat secara bertingkat kerana pada masa ini masih terdapat banyak kawasan yang boleh dijadikan sebagai tanah perkuburan dan keadaan yang ada sekarang ini masih belum sampai ke peringkat dharurat. Sekiranya keadaan benar-benar mendesak maka cadangan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan kaedah fiqhiyah.
3. Bersetuju supaya pihak-pihak berkenaan mencari tanah-tanah di luar Wilayah Persekutuan untuk tujuan tanah perkuburan umat Islam.

17 Pelupusan Al-Quran (1992)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 telah membincangkan Pelupusan Al-Quran. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak lagi boleh dibaca dan yang bukan resam uthmani hendaklah dilupuskan.
2. Kaedah pelupusan ialah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam ditempat yang dikawal.
3. Kerja-kerja pelupusan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Urusetia atau Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Dan dilakukan dengan cara tersembunyi demi mengelakkan salah faham orang ramai.

18

Menerima dan Memakai Anugerah Yang Dipanggil *Grand Cross* (1993)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 18 Mac 1993 telah membincangkan Menerima dan Memakai Anugerah Yang Dipanggil *Grand Cross*. Muzakarah telah memutuskan bahawa menerima dan memakai anugerah yang dipanggil *Grand Cross* adalah haram kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan yang boleh membawa dharurat kepada negara dan rakyat.

19

Merokok Dari Pandangan Islam (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah membincangkan Hukum Merokok Dari Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan.

20 Maksiat Dari Perspektif Islam (1995)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 September 1995 telah membincangkan mengenai Maksiat Dari Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Maksiat dari segi bahasa bermakna derhaka dan maksiat dari segi istilah ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat dan ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah S.W.T. dan Rasul S.A.W. atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasulnya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak.
2. Jenis-jenis maksiat:
 - a. Maksiat kepada Allah dan Rasul iaitu meninggalkan perintahNya dan melakukan laranganNya.
 - b. Maksiat terhadap makhluk iaitu maksiat terhadap manusia, maksiat terhadap haiwan dan alam sekitar, maksiat terhadap harta awam.
3. Maksiat dalam apa jua bentuk sama ada kepada Allah dan Rasul, kepada manusia dan makhluk boleh merosakkan agama, iman, akhlak, kemuliaan diri dan kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat, negara dan umat.

21 Al-Quran Diletakkan Di Hotel-Hotel Malaysia (1997)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-42 yang bersidang pada 30 Mei 1997 telah membincangkan Al-Quran Diletakkan Di Hotel-Hotel Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju meletakkan Al-Quran di hotel-hotel di Malaysia dengan mematuhi kaedah berikut:
 - a. Diletakkan di tempat khas supaya tidak dicapai oleh kanak-kanak sekiranya mereka berada di situ.
 - b. Sentiasa diawasi oleh penyelia hotel yang beragama Islam supaya tidak disalah guna.
 - c. Meletakkan nota/catatan bagi orang-orang yang ingin menyentuh Al-Quran di cermin khas di mana Al-Quran itu di tempatkan.
2. Adalah lebih baik kalau disediakan Al-Quran terjemahan supaya mereka boleh memahami dengan lebih dekat lagi isi kandungan Al-Quran.

22 Status (Identiti) Bayi (Kanak-Kanak) Terdampar (Pungut) dan Penjagaannya Menurut Pandangan Islam (1999)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-46 yang bersidang pada 22 April 1999 telah membincangkan Status (Identiti) Bayi (Kanak-Kanak) Terdampar (Pungut) dan Penjagaannya Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bayi/kanak-kanak yang dijumpai, dipungut atau terdampar di mana-mana tempat di Malaysia di kategorikan sebagai muslim.
2. Bayi/kanak-kanak berkenaan di kategorikan sebagai anak jagaan negara dan secara automatik memeluk agama Islam.

23

Mayat Terdampar Menurut Perspektif Islam (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Mayat Terdampar Menurut Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mayat yang tidak dapat dikenalpasti identitinya termasuk kanak-kanak terdampar boleh dianggap penduduk negara mayat itu dijumpai.
2. Sekiranya mayat tersebut dijumpai di negara orang Islam, tanpa bantuan pengenalan diri dan dokumen berkaitan, maka mayat itu dianggap Islam dan sekiranya mayat itu dijumpai di negara bukan Islam dan tidak ada dokumen atau tanda-tanda yang mayat itu seorang Islam, maka ia dianggap bukan Islam.
3. Mayat yang bercampur aduk antara orang Islam dan bukan Islam dan tidak dapat dibezakan maka hendaklah dimandi, dikafan dan disembahyangkan dengan niat kepada jenazah orang Islam sahaja. Mayat tersebut pula tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan bukan Islam. Sebaliknya mayat itu hendaklah dikebumikan di suatu kawasan berasingan atau di bahagian yang berasingan di tanah perkuburan orang Islam.

24

Wanita Haid Memasuki Masjid Untuk Tujuan Pembelajaran Semata-Mata (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Wanita Haid Memasuki Masjid Untuk Tujuan Pembelajaran Semata-Mata. Muzakarah telah memutuskan bahawa perempuan yang dalam keadaan haid haram berada/duduk di dalam masjid walaupun untuk tujuan pembelajaran dan program-program keagamaan.

25

Mayat Disimpan Lama Atau Dikorek Semula Untuk Dijadikan Sebagai Bahan Kes Dalam Mahkamah (2000)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Mayat Disimpan Lama atau Dikorek Semula Untuk Dijadikan Sebagai Bahan Kes Dalam Mahkamah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pengkebumian mayat hendaklah disegerakan. Perbuatan sengaja melambat-lambatkan pengkebumian adalah haram.
2. Pihak yang bertanggungjawab menjalankan siasatan dalam kes kematian hendaklah menyegerakan siasatannya. Tindakan melambat-lambatkan siasatan sehingga menyebabkan mayat lambat dikebumikan adalah juga haram.
3. Menyimpan atau mengorek semula mayat untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah bagi kemaslahatan umum adalah harus.

26 Masalah Perpecahan Orang Melayu/Islam (2001)

Keputusan:

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 15 Februari 2001 telah membincangkan Masalah Perpecahan Orang Melayu/Islam. Mesyuarat telah memutuskan bahawa:

1. Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan tetapi hendaklah berdisiplin ilmu, iman dan ehsan. Walau bagaimanapun mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam atau perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.
2. Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain daripada menepati rukun Iman dan rukun Islam seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keislamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.
3. Ketentuan syurga dan neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah dan menyeleweng.

27 Hukum Lelaki Memakai Emas Putih (2002)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Hukum Lelaki Memakai Emas Putih. Muzakarah telah memutuskan bahawa haram memakai emas putih ke atas golongan lelaki.

28 Menggabungkan Nama Anak Angkat Dengan Bapa Angkat Dalam Sijil Pengangkatan Dan Kad Pengenalan (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan tentang Menggabungkan Nama Anak Angkat Dengan Bapa Angkat Dalam Sijil Pengangkatan Dan Kad Pengenalan. Muzakarah telah memutuskan bahawa mana-mana anak angkat yang diangkat oleh orang Islam tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkatnya.

29 Anak Tak Sah Taraf (2003)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan mengenai Anak Tak Sah Taraf. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

- a. Anak Tak Sah Taraf ialah:

- i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
 - ii. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).
- b. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.

30

Hukum Mengguna Semula Tanah Perkuburan Islam (2004)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan Hukum Mengguna Semula Tanah Perkuburan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Adalah harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau dharurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syarak; dan
2. Adalah diharuskan menggali semula tanah perkuburan setelah dikenal pasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru.

31

Hukum Amalan Membawa Bunga Ketika Menziarahi Kubur (2004)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004 telah membincangkan Hukum Amalan Membawa Bunga Ketika Menziarahi Kubur. Muzakarah telah memutuskan bahawa amalan membawa bunga ketika menziarahi kubur adalah tidak digalakkan dari perspektif agama.

32

Hukum Menukar Status Jantina Di Mykad (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 14 April 2005 telah membincangkan Hukum Menukar Status Jantina Di Mykad. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang diharuskan oleh syarak adalah harus; dan
2. Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang tidak dibenarkan oleh syarak adalah haram.

33

Hukum Orang Islam Bekerja Di Rumah Orang Bukan Islam (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Orang Islam Bekerja Di Rumah Orang Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang Islam diharuskan bekerja di rumah orang bukan Islam dengan syarat pekerjaan tersebut dihalalkan oleh syarak, sentiasa menjaga adab dan batas-batas pergaulan dan pekerjaan tersebut tidak menghalang atau menjejaskan tanggungjawab sebagai orang Islam.

34

Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (*Recycle*) (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-16 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (*Recycle*). Muzakarah telah memutuskan bahawa Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (*Recycle*) adalah harus dengan syarat-syarat berikut:

1. Kerja-kerja pengkitaran semula buku-buku teks Pendidikan Islam seelok-eloknya dilakukan oleh syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang Islam.
2. Pekerja yang terlibat dalam proses pengkitaran semula hendaklah terdiri daripada orang Islam.
3. Kertas dan buku teks Pendidikan Islam yang dikitar semula hendaklah

tidak digunakan untuk membuat bahan yang tidak sesuai seperti kertas tandas dan sebagainya.

4. Bahan-bahan kimia yang digunakan dalam proses pengkitaran semula hendaklah tidak mengandungi bahan najis.

35

Hukum Menulis Ayat-Ayat Al-Quran Mengikut Reka Bentuk Alat Permainan Seperti Wau, Tumbuhan, Bunga-Bunga dan Seumpamanya (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Ayat-Ayat Al-Quran Mengikut Reka Bentuk Alat Permainan Seperti Wau, Tumbuhan, Bunga-Bunga dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Penulisan ayat-ayat Al-Quran dalam bentuk hiasan yang keterlaluan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kesukaran kepada pembaca adalah dilarang;
2. Penulisan khat ayat Al-Quran boleh dibuat dengan syarat ditulis dengan betul dan dapat dibaca;
3. Tulisan khat ayat Al-Quran tidak boleh dicampuradukkan dengan ayat-ayat lain sehingga boleh mengelirukan pembaca;
4. Tulisan khat ayat-ayat Al-Quran mestilah ditulis dengan sempurna dan susunan ayat-ayatnya tidak boleh terputus-putus sehingga mencacat atau mengelirukan atau mengubah maknanya; dan
5. Tulisan seni khat ayat-ayat Al-Quran yang dibuat dalam pelbagai bentuk sehingga menimbulkan kekeliruan dan menghilangkan tujuan

ayat-ayat Al-Quran diturunkan iaitu untuk dibaca, difahami dan dihayati adalah dilarang.

36

Hukum Rakaman Lagu-Lagu Nasyid Berbentuk Doa (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Rakaman Lagu-Lagu Nasyid Berbentuk Doa. Muzakarah telah memutuskan bahawa lagu-lagu nasyid berbentuk doa diharuskan di dalam Islam selagimana nyanyian tersebut mempunyai senikata yang baik yang memuji Allah dan Rasul, keindahan makhluk Allah atau kepada tanggungjawab atau mengenai sifat bertaqwa kepada Allah SWT, tidak biadap dan mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul di antara lelaki dan wanita, tidak membawa kepada fitnah, tidak mendedahkan aurat dan tidak memuji makhluk Allah secara berlebihan.

37

Had Tempoh Panggilan Muallaf (2005)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Had Tempoh Panggilan Muallaf. Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam tiada sebarang nas yang mewajibkan seseorang yang baru memeluk agama Islam dipanggil sebagai Muallaf. Sebutan dan had tempoh panggilan Muallaf ini lebih bersifat urf semata-mata.

38 Hukum Melantik Wanita Sebagai Hakim Syar'ie (2006)

Keputusan:

Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan Hukum Melantik Wanita Sebagai Hakim Syar'ie. Muzakarah telah memutuskan bahawa wanita harus dilantik menjadi Hakim Syar'ie dalam kes-kes selain kes hudud dan qisas. Pemilihan dan pelantikan hendaklah dibuat dengan penuh teliti dan teratur.

39 Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah membincangkan Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam amat menitikberatkan kebersihan. Namun, produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam.
2. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudharatan kepada manusia adalah haram digunakan.

40

Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis *Syabu* Dan Jenis-Jenis Dadah Baru Yang Lain (2006)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis *Syabu* Dan Jenis-Jenis Dadah Baru Yang Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain mempunyai kesan mudharat yang sama seperti *ecstasy*, *katamine* dan *Gamma Hydroxybutyric Acid* (GHB).

Oleh itu, penyalahgunaan dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain adalah haram dan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah juga diharamkan.

41

Hukum Penggunaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Dan Laungan Azan Dalam Nada Dering Dan Paparan Skrin Di Dalam Telefon Bimbit (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan Hukum Penggunaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Dan Laungan Azan Dalam Nada Dering Dan Paparan Skrin Di Dalam Telefon Bimbit. Muzakarah telah memutuskan bahawa pada prinsipnya Islam tidak menghalang penggunaan nada dering ayat-ayat suci Al-Quran ini dengan syarat penggunaannya menepati adab yang telah ditetapkan oleh Islam dan digunakan di tempat-tempat yang tidak mencemarkan kesucian ayat-ayat suci tersebut seperti di dalam tandas.

Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Ucapan Selamat Bersempena Perayaan Agama Bukan Islam (2007)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007 telah membincangkan Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Ucapan Selamat Bersempena Perayaan Agama Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Apa jua amalan atau perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam sekiranya melibatkan akidah atau iktikad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam.
2. Walau bagaimanapun sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara Islam dan bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan oleh Islam.
3. Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirihkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.

43

Hukum Penggunaan *Indelible Ink* Dalam Pilihanraya Malaysia (2007)**Keputusan:**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 8 Ogos 2007 telah membincangkan Hukum Penggunaan *Indelible Ink* Dalam Pilihanraya Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa berdasarkan penjelasan dan hasil ujikaji yang telah diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang kimia serta hujah-hujah dan pandangan ahli-ahli Jawatankuasa, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa *Indelible Ink* tidak mengandungi bahan-bahan najis yang diharamkan oleh syarak, tidak mendatangkan mudharat kepada kesihatan dan tidak menghalang air untuk sampai ke kulit apabila digunakan. Oleh itu penggunaan *Indelible Ink* adalah dibenarkan oleh syarak kerana ia tidak akan menimbulkan masalah kepada ibadah umat Islam.

Walau bagaimanapun, keputusan Jawatankuasa terhadap kandungan dan tahap ketelapan *Indelible Ink* ini hanya tertakluk kepada bahan yang sama dengan yang telah diuji oleh pakar-pakar berkenaan sahaja.

44

Hukum Berjabat Tangan Dengan Wanita Ajnabi (2007)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah membincangkan Hukum Berjabat Tangan Dengan Wanita Ajnabi. Muzakarah telah memutuskan bahawa pada prinsipnya hukum berjabat tangan dengan wanita ajnabi adalah haram. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu yang sukar dielakkan, ianya dibolehkan tetapi dalam keadaan terkawal supaya tidak dijadikan budaya dalam masyarakat Islam.

45

Cadangan Melaksanakan Pembangunan Di Atas Tanah Kubur Islam (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Cadangan Melaksanakan Pembangunan Di Atas Tanah Kubur Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum melaksanakan pembangunan di atas tanah-tanah perkuburan Islam yang telah tidak digunakan untuk mengebumikan mayat adalah diharuskan oleh Islam dengan syarat pembangunan yang hendak dilaksanakan tidak bertentangan dengan syariat Islam dan mayat-mayat di tanah perkuburan tersebut hendaklah terlebih dahulu dipindahkan ke tapak perkuburan Islam yang lain secara terhormat.

46

Hukum Wanita Membotakkan Kepala Dan Berhias Secara Aneh (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Wanita Membotakkan Kepala Dan Berhias Secara Aneh. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Lelaki dan wanita Islam adalah ditegah menampilkan diri dengan penampilan yang bertentangan dengan sifat-sifat semulajadi mereka;
2. Wanita dilarang membotakkan kepala kecuali untuk tujuan rawatan perubatan bagi mengatasi masalah atau penyakit yang tertentu;
3. Perbuatan berhias secara aneh dan berlebih-lebihan seperti bertindik anggota badan selain daripada cuping telinga adalah dilarang oleh Islam.

47

Penggantungan Kaligrafi Islam Di Premis Bukan Islam (2008)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 telah membincangkan Hukum Penggantungan Kaligrafi Islam Di Premis Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa bagi menjaga kehormatan dan kemuliaan ayat-ayat suci Al-Quran dan kalimah-kalimah suci agama Islam, perbuatan menggantung apa jua ayat-ayat suci Al-Quran atau kalimah-kalimah suci agama Islam di premis-premis bukan Islam atau mana-mana tempat yang boleh mendedahkannya kepada penghinaan, penipuan atau penyalahgunaan adalah dilarang oleh Islam.

Penjualan dan penyimpanan kitab suci Al-Quran di kedai-kedai yang dimiliki oleh orang bukan Islam adalah juga dilarang oleh Islam kerana ia boleh membawa kepada penghinaan ke atas kehormatan dan kesucian kitab suci tersebut.

48

Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah (2008)**Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah. Muzakarah menegaskan bahawa Islam amat menitikberatkan kebajikan dan kesempurnaan hidup umatnya, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka. Oleh itu, Muzakarah berpandangan bahawa dalam melaksanakan Wasiat Wajibah adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya, anak tersebut iaitu cucu berhak untuk menerima Wasiat Wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada harta pusaka datuk atau nenek. Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$.

Pelaksanaan Wasiat Wajibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima Wasiat Wajibah.
2. Hendaklah kedua ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
3. Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fardu atau ta'sib maka mereka tidak layak untuk mendapat Wasiat Wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding Wasiat Wajibah.
4. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat Wasiat Wajibah daripada harta pusaka datuk.
5. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat Wasiat Wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada

hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.

6. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar $\frac{1}{3}$ daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar $\frac{1}{3}$ melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.
7. Pembahagian Wasiat Wajibah boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan mayat, wasiat ikhtiyariyyah dan hutang piutang.
8. Pembahagian Wasiat Wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian 2 orang perempuan.

49 Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (*Pengkid*) (2008)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 telah membincangkan Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (*Pengkid*). Muzakarah telah memutuskan bahawa *pengkid*, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi agama. Muzakarah menggesa agar masyarakat Islam supaya memberi pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak gadis khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.

50**Cadangan Mengenakan Kompaun Terhadap Kesalahan Undang-Undang Syariah (2008)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84 yang bersidang pada 15 Disember 2008 telah membincangkan Cadangan Mengenakan Kompaun Terhadap Kesalahan Undang-Undang Syariah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Cadangan mengenakan kompaun terhadap umat Islam yang melakukan kesalahan dalam undang-undang Syariah kurang memberi kesan dan keinsafan terhadap diri pesalah-pesalah kerana kesalahan yang dilakukan boleh dibayar dengan wang sahaja.
2. Oleh itu, sebagai satu kaedah kaunseling untuk memberi nasihat dan kesedaran kepada pesalah-pesalah, Muzakarah memutuskan supaya cadangan mengenakan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan undang-undang Syariah di dalam kes-kes takzir yang terpilih tidak dilaksanakan kerana tindakan mahkamah yang sedang berkuat kuasa diyakini mampu menanganinya.

51**Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Jabatan Penjara Malaysia (2009)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21-23 April 2009 telah membincangkan Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Jabatan Penjara Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa memberikan layanan yang baik kepada para banduan dari segi kebajikan rohani dan jasmani adalah dituntut oleh Islam dan sebarang unsur-unsur penderaan atau penyeksaan kepada banduan adalah ditegah.

Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa cadangan untuk melaksanakan Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Penjara (*Conjugal Visit*) adalah bersesuaian dengan ajaran Islam dan wajar dilaksanakan.

52

Hukum Bertatu Mengikut Pandangan Islam (2009)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21-24 April 2009 telah membincangkan Hukum Bertatu Mengikut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam hukum bertatu iaitu pembuat tatu dan orang yang meminta dibuat tatu adalah haram. Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa orang yang telah bertatu wajib bertaubat dan menyesal serta menghilangkannya dengan menggunakan kaedah teknologi yang sedia ada jika tidak mendatangkan sebarang kemudharatan.

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa orang yang telah bertatu wajib bertaubat dan menyesal serta menghilangkannya dengan menggunakan kaedah teknologi yang sedia ada jika tidak mendatangkan sebarang kemudharatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya ia mendatangkan kemudharatan pada diri dan nyawa, maka ia boleh dibiarkan dan dimaafkan. Bagi orang yang bertatu dan tidak sempat menghilangkannya setelah meninggal dunia, maka tatu tersebut tidak wajib dihilangkan kerana ianya akan menyiksa mayat tersebut.

Muzakarah juga berpandangan bahawa pihak berkuasa yang meluluskan lesen membuka premis membuat tatu perlu mengenakan syarat iaitu pemilik dan pekerjaanya mestilah bukan beragama Islam di samping orang Islam dilarang sama sekali mencacah tatu di premis tersebut.

53**Status Agama Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam (2009)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan Status Agama Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Apabila salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam, agama anak dibawah umur juga adalah Islam dan penjagaan anak hendaklah diletakkan di bawah ibu atau bapa yang beragama Islam.
2. Oleh yang demikian apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan adalah secara langsung beragama Islam.
3. Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa penjaganya tidak perlu dipinda.

54**Hukum Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak (2009)****Keputusan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-88 yang bersidang pada 2 Oktober 2009 telah membincangkan Hukum Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki adalah diharuskan bagi wanita sama ada yang telah berkahwin atau belum selagi mana tidak menimbulkan fitnah.

2. Walau bagaimanapun, kadar pemakaian inai di kedua-dua tangan dan kaki adalah terhad sehingga pergelangan tangan dan buku lali sahaja, manakala warna yang digunakan tidak bersifat kekal seperti tatu dan mengandungi sebarang unsur yang meragukan. Mengenai corak atau ukiran yang digunakan pula, corak atau ukiran daun dan tumbuh-tumbuhan adalah dibenarkan, manakala corak-corak haiwan, lambang dewa-dewa atau ajaran atau apa jua gambaran yang bertentangan dengan syarak adalah dilarang.
3. Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.

55

Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid (2010)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid.

Muzakarah telah memutuskan bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab.

Walaupun bagaimanapun, perbuatan berdo'a atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang.

56

Isu Orang Bukan Islam Membaca Dan Menterjemahkan Ayat-Ayat Suci Al-Quran (2010)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 3 Disember 2010 telah membincangkan Isu Orang Bukan Islam Membaca Dan Menterjemahkan Ayat-Ayat Suci Al-Quran. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Pada dasarnya bagi tujuan untuk mempelajari, memahami dan mendekati diri kepada ajaran Islam atau bagi tujuan untuk menjadikannya panduan hidup di dunia dan akhirat atau bagi tujuan dakwah, Islam tidak pernah menghalang mana-mana pihak termasuk bukan Islam untuk membaca dan mendalami teks-teks suci Al-Quran dan tafsirannya. Tetapi ia hendaklah dilakukan dengan jujur dan ikhlas bagi tujuan tersebut dan bukan untuk kepentingan dan tujuan tertentu/peribadi, apatah lagi jika ianya dilakukan dengan kesalahan samada pembacaan atau huraian yang menyimpang dari kehendak sebenar teks-teks tersebut kerana perbuatan seperti ini boleh mencemarkan kesucian Al-Quran dan Islam serta sekaligus menimbulkan keraguan, keresahan dan fitnah kepada masyarakat.
2. Maka dalam situasi yang berlaku akhir-akhir ini, berdasarkan realiti dan fakta, ahli-ahli muzakarah sebulat suara berpendapat bahawa tindakan pemimpin-pemimpin politik bukan Islam menggunakan teks suci Islam termasuk Al-Quran secara sewenang-wenangnya dan tidak menepati maksud yang sebenar di ceramah-ceramah politik, tidak menunjukkan ciri-ciri keikhlasan yang sebenarnya bagi mempelajari Islam. Oleh itu, perbuatan yang sedemikian boleh mendatangkan penghinaan berterusan terhadap kesucian Islam khususnya Al-Quran sekiranya dibiarkan.
3. Justeru bersesuaian dengan kaedah Usul Fiqh Sadd Az Zarai', Muzakarah bersetuju bahawa perbuatan orang bukan Islam membaca dan menghuraikan teks-teks Al-Quran sewenang-wenangnya mengikut

fahaman sendiri dengan tidak menepati maksud yang sebenar di samping tidak terdapat unsur-unsur keikhlasan dan kejujuran adalah merupakan suatu penghinaan terhadap kesucian Al-Quran dan boleh mendatangkan keraguan dan fitnah di dalam masyarakat. Oleh itu, ianya perlu dihentikan dengan segera.

57

Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syar'ie (2010)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah membincangkan Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syar'ie. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa untuk menjadi seorang Peguam Syar'ie, seseorang itu perlu mampu menguasai ilmu Al-Quran dan Al Hadith, bahasa Arab, Ilmu Usul Fiqh dan Fiqh secara keseluruhannya dan ia perlu didasari dengan keimanan kepada Allah SWT agar tanggungjawab yang dipikul disandarkan hanya kepada Allah SWT dan demi kemaslahatan umat Islam dan keadilan menurut perspektif Islam.
2. Oleh yang demikian, demi menjaga kesucian dan kehormatan agama dan umat Islam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa orang bukan Islam adalah tidak dibenarkan dilantik sebagai Peguam Syar'ie berpandukan kepada kaedah-kaedah fiqhiyyah dan peruntukan undang-undang berikut:
 - a. **سَدُّ الدَّرِيْعَةِ** : Kaedah ini merujuk kepada perlunya menutup pintu-pintu yang boleh membawa kemudharatan. Sekiranya orang bukan Islam dibenarkan untuk dilantik sebagai Peguam Syar'ie, ia memberi ruang kepada orang bukan Islam untuk menguruskan

hal ehwal orang Islam terutama sekali isu-isu syarak. Keadaan ini boleh menimbulkan kecelaruan di kalangan umat Islam.

- b. **إِذَا تَعَارَضَ الْمَنَعُ وَالْمُقْتَضَى قَدَّمَ الْمَنَعُ** : Apabila bertentangan antara dalil-dalil yang menegah dengan dalil-dalil yang menghendaki, hendaklah diutamakan perkara yang menegah. Larangan melantik orang bukan Islam sebagai Peguam Syar'ie perlu diutamakan, walaupun kemungkinan ia mempunyai kebaikan dari satu segi, tetapi keburukannya perlu diambil kira dan diberi perhatian.
- c. **الْمَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ تُقَدَّمُ عَلَى الْمَصْلَحَةِ الْخَاصَّةِ** : Kaedah ini bermaksud masalah (kebaikan) am perlu didahulukan daripada masalah khas. Masalah am atau umum merujuk kepada masalah umat Islam di Malaysia secara keseluruhannya. Manakala masalah khas merujuk kepada kebaikan yang mungkin diperolehi oleh orang tertentu. Dalam situasi hari ini, masalah orang awam, (umat Islam) perlu diutamakan.
- d. **تَصَرَّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ** : Kaedah ini bermaksud tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada masalah. Dalam konteks ini, pemerintah berhak membuat keputusan berpandukan kepada kemaslahatan rakyat dengan berlandaskan kepada syariat Islam.
- e. Berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa, sekiranya seorang bukan Islam dibenarkan untuk beramal sebagai Peguam Syar'ie dan didapati tidak mematuhi etika sebagai Peguam Syar'ie atau apa-apa prosedur yang berkaitan dengan mahkamah syariah, tiada tindakan yang boleh diambil kerana beliau tidak tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, tiada tindakan yang boleh diambil ke atas beliau kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas orang bukan Islam.

58 Hukum Pembinaan Kubur Secara Bertingkat (2010)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah membincangkan Hukum Pembinaan Kubur Secara Bertingkat. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat daripada pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia serta pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa dalam keadaan darurat di mana berlakunya kepadatan penduduk dan lokasi tanah perkuburan yang terhad, pembinaan kubur secara bertingkat merupakan konsep dan kaedah yang tidak bertentangan dengan syarak.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa berdasarkan prinsip hukum Islam, pembinaan kubur secara bertingkat adalah harus dilaksanakan sekiranya keperluan amat mendesak bagi mengatasi kekurangan tanah perkuburan orang Islam pada hari ini.
3. Walau bagaimanapun, kajian terhadap modul-modul pelaksanaannya perlu diteliti dengan lebih menyeluruh dengan mengambil contoh di beberapa buah negara luar yang telah melaksanakannya serta mengambil kira penjimatan kos.

59 Cadangan Reka Bentuk Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya (2010)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah membincangkan Cadangan Reka bentuk Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat daripada pihak Jabatan Kerja raya Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri serta pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju menerima cadangan reka bentuk Dataran Pahlawan Negara sepertimana yang dibentang dan diperjelas oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri.
2. Muzakarah juga berharap supaya unsur-unsur pembaziran dapat dielakkan dalam pembinaan Dataran Pahlawan Negara yang dicadangkan ini.

60

Hukum Mengadakan Pameran Spesimen Anatomi Manusia (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011 telah membincangkan Hukum Mengadakan Pameran Spesimen Anatomi Manusia. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam menetapkan bahawa jasad seorang yang telah meninggal dunia mempunyai kemuliaan, nilai dan hak kemanusiaan yang wajib dihormati dan dipelihara sepertimana orang yang masih hidup. Pembedahan dan pengawetan mayat yang bertujuan untuk pameran dan diperagakan dalam pelbagai bentuk dan aksi adalah bertentangan dengan syarak.
2. Oleh yang demikian, selaras dengan ketetapan hukum syarak, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum mengadakan pameran spesimen anatomi manusia adalah dilarang oleh Islam.
3. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pendidikan kepada orang awam berkaitan anatomi manusia, ia boleh dilakukan melalui bahan-bahan

pameran yang lain seperti melalui gambar-gambar dan bahan-bahan tiruan tanpa menggunakan mayat sebenar.

61 Hukum Menggunakan Pengimbas Badan di Lapangan Terbang (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011 telah membincangkan Hukum Menggunakan Pengimbas Badan di Lapangan Terbang. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa berdasarkan kaedah fiqh yang menyebutkan bahawa **درء المفسد أولى من جلب المصالح** pada prinsipnya menjaga keselamatan negara dan rakyat adalah perlu diutamakan apabila berlaku pertembungan di antara kerosakkan dan kemaslahatan.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tiada halangan untuk membenarkan penggunaan sistem pengimbas ini sekiranya berlaku keperluan yang mendesak (dharurat) bagi menjaga keselamatan negara dari ancaman musuh seperti dadah, senjata api dan sebagainya.

62 Hukum Tarian Poco-Poco Dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 yang bersidang pada 20-22 April 2011 telah membincangkan Hukum Tarian Poco-Poco Dan Seumpamanya

Menurut Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa berdasarkan dapatan daripada kajian awal yang dikemukakan, fakta yang menunjukkan bahawa tarian poco-poco yang dipraktikkan di Malaysia mempunyai kaitan secara langsung dengan ritual penganut agama Kristian masih belum dapat dibuktikan sepenuhnya dan kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan bagi memastikan fakta sebenar asal usul tarian tersebut. Walaupun demikian, Muzakarah mengambil perhatian dan menghormati keputusan pengharaman tarian poco-poco yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.
2. Sehubungan itu, bagi memastikan apa jua bentuk tarian sama ada poco-poco atau sebagainya tidak bertentangan dengan ajaran Islam, Muzakarah memutuskan supaya sebarang bentuk tarian yang dilakukan hendaklah merujuk Garis Panduan Hiburan Dalam Islam yang telah diputuskan seperti berikut, antaranya:
 - a. Berpakaian menutup aurat, sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam;
 - b. Gerak tari yang disembahkan tidak menimbulkan fitnah;
 - c. Tidak berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan yang boleh menimbulkan fitnah;
 - d. Tidak bertujuan pemujaan atau penyembahan agama bukan Islam; dan
 - e. Tidak dipersembahkan dengan gaya yang memberahikan”.

63 Hukum Menanam Rambut Di Kepala (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 yang bersidang pada 20-22 April 2011 telah membincangkan Hukum Menanam Rambut Di Kepala. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam tidak menghalang umatnya untuk melakukan sesuatu rawatan seperti menanam rambut di kepala dengan tujuan untuk memperelokkan diri dari keaiban, selagimana tidak bertentangan dan melampaui batasan yang telah ditetapkan oleh syarak.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa menanam rambut di kepala adalah harus dengan syarat penanaman rambut adalah dengan menggunakan rambut sendiri, menggunakan bahan-bahan yang suci dan tiada unsur najis serta tidak mendatangkan sebarang kesan mudharat.

64 Hukum Pemerdagangan Manusia (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Pemerdagangan Manusia. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa manusia merupakan makhluk yang amat dimuliakan oleh Allah S.W.T. dan tidak diciptakan untuk menjadi hamba kepada manusia yang lain.

2. Oleh yang demikian, pemerdagangan manusia yang melibatkan berbagai eksploitasi seperti pelacuran, perhambaan dan sebagainya adalah bercanggah dengan kemuliaan dan konsep khalifah yang disyariatkan oleh Allah S.W.T.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum memperdagang dan mengeksploitasikan manusia dalam pelbagai bentuk yang menyalahi hukum syarak adalah diharamkan oleh Islam.

65

Hukum Mengiringi Bacaan Al-Quran Dengan Muzik dan Menggunakan Matan Hadis, Terjemahan Al-Quran Serta Terjemahan Hadis Sebagai Lirik Lagu (2011)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Mengiringi Bacaan Al-Quran Dengan Muzik dan Menggunakan Matan Hadis, Terjemahan Al-Quran Serta Terjemahan Hadis Sebagai Lirik Lagu. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan supaya panduan hukum terhadap isu ini dirujuk kepada garis panduan-garis panduan sedia ada seperti Garis Panduan Hiburan Di Dalam Islam dan Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam yang telah diperakukan oleh Muzakarah.
2. Muzakarah juga mencadangkan agar pemerhatian secara berterusan terhadap perkara ini dilakukan oleh JAKIM supaya kecenderungan industri muzik dalam menggunakan nas-nas Al-Quran atau hadith sebagai lirik lagu ini terkawal dan tidak mencemarkan kesucian Islam.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam menggalakkan setiap ibu yang melahirkan anak untuk menyusukan sendiri bayi mereka dengan susu ibu sehingga mencapai usia dua tahun, sekiranya mereka mampu berbuat demikian. Namun begitu, Islam juga membenarkan wanita yang tidak melahirkan anak tetapi mengambil anak angkat, untuk menyusukan sendiri anak tersebut dengan bantuan rawatan perubatan.
2. Penegasan ini adalah berdasarkan pandangan Jumhur fuqaha' yang tidak mensyaratkan seseorang wanita itu mesti hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak sepertimana pandangan Mazhab Hanbali, Syafie dan Hanafi yang menyatakan bahawa seorang perempuan yang hendak menyusukan seorang anak, tidak disyaratkan mempunyai suami yang menyetubuhinya.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa menggunakan ubat atau suntikan untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat ianya seorang wanita yang telah mencapai umur baligh sama ada telah berkahwin ataupun sebaliknya dan ubat atau hormon yang digunakan tersebut tidak mengandungi sebarang unsur-unsur najis atau mudharat. Keharusan ini tidak tertakluk bagi seorang lelaki yang berubah menjadi wanita melalui pertukaran jantina.
4. Jumhur fuqaha' juga bersepakat bahawa terdapat dua kaedah penyusuan bagi menjadikan bayi tersebut mahram dengan sebab susuan,

iaitu penyusuan secara langsung dari payudara dan penyusuan secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya.

5. Sehubungan itu, bagi wanita yang menggunakan alat sokongan atau alat bantuan sebagai kaedah menyusukan bayi, Muzakarah memutuskan bahawa bayi tersebut sah sebagai anak susuan apabila cukup syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak seperti berikut:
 - a. Bilangan susuan hendaklah dengan lima kali penyusuan;
 - b. Susu yang dihisap mestilah sampai ke perut bayi; dan
 - c. Umur bayi tidak melebihi dua tahun mengikut perkiraan bulan qamariah.
6. Hujah thabitan ini ialah kerana susu ibu tersebut telah menjadi makanan asasi kepada bayi yang menumbuhkan daging dan memanjangkan tulang, sama seperti bayi yang menyusu secara terus daripada payudara. Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah yang dilakukan adalah dengan cara menyuntik susu melalui qubul atau dubur, menitik susu ke dalam mata, telinga atau di tempat luka tubuh badan, maka bayi tersebut tidak sah sebagai anak susuan.
7. Muzakarah juga memutuskan bahawa seorang wanita beragama Islam tidak dilarang untuk menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga seorang bayi beragama Islam boleh menyusu kepada wanita bukan Islam kerana tidak ada nas syarak yang melarangnya. Penyusuan tersebut tidak memberi kesan kepada aqidah dan agama bayi yang disusukan tersebut.
8. Muzakarah juga memutuskan bahawa susu ibu yang bercampur dengan bahan-bahan lain adalah sama seperti susu ibu yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya sepertimana pendapat yang rajih daripada ulama' mazhab Shafie dan Hanbali, kerana untuk thabit menjadi anak susuan ialah perlu memenuhi syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak.

9. Bagi seorang lelaki yang mengahwini wanita yang menyusukan bayi angkat dan bayi tersebut telah thabit menjadi anak susuan, maka Muzakarah memutuskan bahawa lelaki yang menjadi suami kepada wanita berkenaan adalah menjadi mahram kepada anak susuan tersebut.

67 Hukum Penggunaan *Indelible Ink* (2012)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 11 Januari 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan *Indelible Ink*. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Berdasarkan pembentangan laporan analisis kimia, taklimat dan penjelasan daripada Jabatan Kimia Malaysia serta penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), adalah didapati *Indelible Ink* tidak mengandungi bahan-bahan najis yang diharamkan oleh syarak, tidak memberikan kesan mudharat dan tidak menghalang air untuk sampai ke kulit (telap air) apabila digunakan.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dari aspek syarak penggunaan *Indelible Ink* adalah harus dan dibenarkan kerana ia tidak akan menimbulkan sebarang masalah kepada ibadah umat Islam. Keputusan ini hanya tertakluk kepada bahan yang telah dikemukakan oleh SPR dan diuji oleh Jabatan Kimia Malaysia sahaja.

Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone China*) (2012)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone China*). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa berdasarkan mazhab Shafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk *bone china* dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses istihalah dianggap tidak berlaku.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa sekiranya penggunaan produk *bone china* yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa.
3. Muzakarah juga berpandangan bahawa peralatan atau perhiasan *bone china* tidak mencapai tahap keperluan (darurah) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya.
4. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone china*) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.
5. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (*bone china*) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-100 yang bersidang pada 4-6 Julai 2012 telah membincangkan Hukum Pembinaan Pusara Negara. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa pengurusan jenazah bagi orang Islam mempunyai adab dan akhlakunya sendiri yang perlu dihormati dan begitu juga pengurusan jenazah bagi orang bukan Islam yang mempunyai ritual agama mengikut adat dan budaya amalan mereka.
2. Muzakarah juga menegaskan bahawa unsur-unsur bermewah-mewahan dan pembaziran perlu dielakkan dalam pembinaan mana-mana pusara atau perkuburan.
3. Berdasarkan penjelasan dan perbincangan terperinci, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pembinaan pusara negara seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - a. Kawasan perkuburan Islam dan bukan Islam dan jarak yang dipersetujui ialah 243 kaki/74.2 meter atau lebih oleh jalan dan pagar, dan pandangan perlu dilindungi dengan *buffer zone* yang ditanam dengan tanaman pagar tinggi.
 - b. Upacara agama bukan Islam perlu diadakan di kediaman/ rumah ibadat agama masing-masing. Walau bagaimanapun, upacara terakhir (sekiranya perlu sahaja) sebelum jenazah bukan Islam disemadikan, hanya boleh diadakan di dewan bukan Islam atau di tapak perkuburan bukan Islam sahaja.

- c. Bangunan kompleks pusara orang Islam dan bukan Islam perlu dipisahkan dan jarak yang dipersetujui ialah 24 meter atau lebih, iaitu kedua-dua bangunan hanya dihubungkan dengan bumbung sebagai pelindung cuaca hujan.
 - d. Nama yang dipersetujui ialah Pusara Negarawan.
4. Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya pemantauan perlu dibuat dari masa ke semasa oleh JAKIM dan JPM dan sebarang perubahan yang dilakukan perlu dilaporkan kepada Muzakarah.
 5. Muzakarah juga bersetuju supaya satu garis panduan disediakan bagi memudahkan pemantauan dan pengurusan pusara berkenaan.

70

Hukum Penggunaan Dakwat Kekal (*Indelible Ink*) Dalam Proses Pengundian Oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) (2013)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan Hukum Penggunaan Dakwat Kekal (*Indelible Ink*) Dalam Proses Pengundian Oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Berdasarkan pembentangan laporan analisis kimia, taklimat dan penjelasan daripada Jabatan Kimia Malaysia serta penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), adalah didapati Dakwat Kekal (*Indelible Ink*) yang akan digunakan oleh SPR tidak mengandungi bahan-bahan najis yang diharamkan oleh syarak, tidak memberikan kesan mudharat dan tidak menghalang air untuk sampai ke kulit (telap air) apabila digunakan.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dari

aspek syarak penggunaan Dakwat Kekal (*Indelible Ink*) tersebut adalah harus dan dibenarkan kerana ia tidak akan menimbulkan masalah kepada ibadah umat Islam. Keputusan ini hanya tertakluk kepada bahan yang telah dikemukakan oleh SPR dan diuji oleh Jabatan Kimia Malaysia sahaja.

71 Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak (2013)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar pembentangan dan penjelasan pakar-pakar daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan meneliti maklumat serta bukti-bukti perubatan dan saintifik terperinci yang dikemukakan dari dalam dan luar negara mengenai kesan dan kemudharatan besar yang dihadapi akibat daripada shisha terhadap kesihatan ummah, pembangunan ekonomi negara serta pembentukan generasi pada masa akan datang, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa shisha adalah haram. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang menghisap shisha atau menyediakan perkhidmatan menghisap shisha atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan shisha.
2. Muzakarah menegaskan bahawa pengharaman Shisha ini adalah berdasarkan nas-nas syarak daripada al-Quran dan Hadith serta Kaedah Fiqhiyyah bagi memastikan lima perkara asas bagi manusia yang terkandung dalam Maqasid Syari'yyah iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dapat dipelihara sepertimana tuntutan syarak, kerana Shisha jelas memudharatkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara buruk atau keji, berdasarkan nas-nas berikut:

- a. Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

وَلَا تُؤْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”.

- b. Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-A’raf ayat 157:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ

Maksudnya: “Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”.

- c. Sabda Rasulullah S.A.W.:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak boleh mudharatkan (diri sendiri) dan memberi kemudharatan (kepada orang lain)”.

(Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni).

- d. Kaedah Usul Fiqh:

سد الذريعة - iaitu “Menutup pintu kerosakkan”

درء المفاصد مقدم على جلب المصالح - iaitu “menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan”.

72 Tragedi MH370 (2014)**Keputusan:**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 25 Mac 2014 telah membincangkan mengenai Tragedi MH370. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar dan meneliti tiga (3) kertas kerja yang telah disediakan mengenai penentuan hukum syarak dalam tragedi MH370, dan setelah berbincang serta meneliti semua pandangan ulama' serta pandangan ahli-ahli pakar pelbagai bidang sejak daripada tragedi ini berlaku pada 8 Mac 2014 hinggalah kepada pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 24 Mac 2014 bahawa pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 disahkan berakhir di tengah-tengah Lautan Hindi di kawasan barat Perth Australia, Muzakarah menegaskan bahawa pensabitan kematian seseorang mempunyai kesan dan implikasi yang besar dari perspektif syarak. Justeru dalam Islam terdapat kaedah-kaedah yang telah digariskan bagi menangani permasalahan mereka yang tidak diketahui sama ada masih hidup atau sudah mati, dan dalam Fiqh kes seperti ini dikenali sebagai Mafqud (orang yang hilang).
2. Muzakarah menjelaskan bahawa berdasarkan pandangan As-Syafie "Mafqud ialah orang yang tidak didengari khabarnya, dan barangkali kemungkinan besarnya dia telah mati". (Al-Syafie, Al-Umm, 6:182). Para ulama memperincikan bahawa mafqud dibahagikan kepada dua bahagian dan hukum kedua-duanya adalah berbeza. Pertama: Mafqud yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dianggap telah terkorban. Mafqud bahagian ini ialah orang yang hilang dalam suatu bencana kebinasaan. (Ibn Qudamah, Al-Mughni, 6:389). Kedua: Mafqud yang secara zahir dia masih hidup. Contohnya seseorang yang keluar dari rumahnya untuk berniaga atau melancong tetapi tidak kembali pulang ke rumahnya.

3. Daripada contoh mafqud yang dibawakan oleh Ibn Qudamah, Muzakarah berpandangan bahawa dalam kes pesawat MH370 yang berakhir dalam lautan yang amat luas dan dalam, mayat-mayat dan bangkai pesawat menghadapi kesukaran untuk ditemui, dan pandangan pakar mengatakan bahawa survival manusia untuk hidup adalah tipis, maka kes ini bolehlah dikategorikan sebagai Mafqud yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dia dianggap telah terkorban.
4. Muzakarah juga menjelaskan bahawa mengenai kadar tempoh mafqud sebelum diputuskan status kematiannya, tidak terdapat nas yang jelas daripada dalil-dalil Quran dan Sunnah berkenaan penetapan tempoh-tempoh tertentu secara tetap. Kebanyakan pendapat yang dinukilkan adalah bersumberkan kepada pendapat-pendapat para sahabat dan pendapat-pendapat tersebut bukan dalam bentuk kesepakatan yang boleh dinilai sebagai hujah ijmak, kerana wujud perselisihan dalam kalangan sahabat dan tabi'en. Namun keperluan kepada tempoh pencarian bagi mafqud adalah disepakati oleh para ulama'.

Muzakarah juga berpendapat bahawa perbezaan yang ketara dari segi uruf dan masa perlu diambilkira dalam penentuan tempoh mafqud ini kerana ia memberi kesan dalam pengsabitan hukum-hakam seterusnya.

5. Dalam hal ini, Muzakarah memutuskan bahawa dalam tragedi MH370 ini, keperluan menetapkan tempoh mafqud adalah terletak kepada pertimbangan ulil amri berdasarkan kepada ijtihadnya selaras dengan pandangan majoriti ulama, termasuk mazhab Syafie, mazhab Maliki, mazhab Hanafi dan satu riwayat mazhab Hanbali. (Nihayah al-Muhtaj, 6:28; Hasyiyah al-Dusuki, 4:434; Hasyiyah Ibn Abidin, 3:332; Al-Kasyaf, 4:391).

Justeru, berasaskan kepada Kaedah Fiqhiyyah iaitu 'Menghilangkan Kemudaratan', lima (5) prinsip Maqasid Syar'iyyah iaitu menjaga agama, nyawa, harta, keturunan dan akal serta berasaskan kepada Siyash Syariyyah dalam menjaga kemaslahatan keluarga dan pihak-pihak yang terlibat serta bersesuaian dengan uruf dan waqi', Muzakarah memutuskan bahawa keadaan mafqud dalam tragedi

ini tidak memerlukan kadar tempoh tertentu kerana usaha-usaha pencarian yang telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh walaupun dalam keadaan lautan yang amat mencabar serta qarinah-qarinah yang boleh diambilkira sebelum dan selepas pengumuman Kerajaan bahawa pesawat MH370 berakhir di tengah-tengah Lautan Hindi, telah melalui tempoh munasabah bagi mafqud yang boleh diputuskan oleh Ulil Amri.

6. Sehubungan itu berdasarkan semua keterangan dan hujah-hujah yang dinyatakan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa semua penumpang pesawat MH 370 adalah dikategorikan sebagai “Mafqud yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya telah dianggap terkorban”.
7. Muzakarah juga memutuskan bahawa jika dalam usaha pencarian kesan daripada tragedi tersebut, pihak berkuasa berjaya menemui mayat atau cebisan mayat, maka wajiblah diuruskan mayat tersebut seperti yang ditetapkan oleh Islam.

Oleh kerana penumpang MH370 ini terdiri daripada berbagai agama dan jika tidak dapat dibezakan antara Islam dan bukan Islam, maka untuk menguruskan mayat orang Islam dalam keadaan bercampur ini, hendaklah diuruskan kesemua mayat yang dijumpai tersebut mengikut Islam dan sewaktu Solat Jenazah hendaklah diniatkan hanya untuk orang Islam sahaja.

Jika yang ditemui itu hanya cebisan-cebisan atau sebahagian anggota kecil sahaja, maka hendaklah dikumpulkan semuanya dan diuruskan mengikut Islam dan ketika Solat Jenazah hendaklah diniatkan untuk orang-orang Islam sahaja.

8. Mengenai hal-hal berkaitan pengagihan harta pusaka, pembubaran status perkahwinan mangsa, atau hukum-hukum lain yang bersangkutan daripada tragedi ini, Muzakarah menegaskan bahawa ianya hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa berkaitan berasaskan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan setelah pengesahan atau pensabitan kematian diputuskan oleh mahkamah.

9. Muzakarah juga berpandangan bahawa dalam menghadapi suasana tragedi ini, pelaksanaan ibadah-ibadah seperti Solat Hajat, bacaan Yasin dan sebagainya bolehlah diteruskan oleh umat Islam.
10. Muzakarah juga memutuskan bahawa orang-orang Islam yang disabitkan kematiannya dalam tragedi MH370 ini adalah tergolong sebagai Syahid Akhirat berasaskan kepada hadis Nabi S.A. W. yang menyebutkan bahawa mati kerana tenggelam termasuk dalam salah satu kategori Syahid Akhirat.

73

Kajian Semula Asal Usul Tiupan *Rouse* Dan *Last Post* (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Kajian Semula Asal Usul Tiupan *Rouse* Dan *Last Post*. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang telah disediakan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan dan Muzakarah bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan.
2. Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut, Muzakarah mendapati bahawa:
 - a. Tiada unsur tashabbuh dalam Tiupan *Rouse* dan *Last Post* kerana tiupan tersebut hanya sebagai penghormatan Negara.
 - b. Dalam agama Kristian sendiri tidak mengamalkan tiupan dalam aktiviti harian mereka mahupun di gereja. Tiupan *Rouse* dan *Last Post* tidak bersumberkan dari agama Kristian.

- c. Motif penggunaan Tiupan *Rouse* dan *Last Post* pada masa kini adalah sebagai alat komunikasi tentera dan ditiup di dalam kem.
 - d. Penggunaan Tiupan *Rouse* dan *Last Post* adalah *universal*. Ia bermula apabila berlaku pertembungan di antara Barat dan Kerajaan Islam Uthmaniah, malah Barat juga mengambil dan mengubahsuai penggunaan muzik dari Kerajaan Islam Uthmaniah.
 - e. Tidak ada ulama di Negara-negara Islam yang merdeka yang mengharamkan penggunaan alat-alat muzik dalam tentera.
 - f. Didapati bahawa dalam lirik *Rouse* dan *Last Post* juga hanya menunjukkan kata-kata semangat dan tiada unsur-unsur syirik dan *lagha*.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Tiupan *Rouse* dan *Last Post* tidak mengandungi unsur syirik, tashabbuh dan tidak bersumberkan kepada amalan agama Kristian atau Yahudi.
 4. Muzakarah juga berpandangan bahawa walaupun muzik atau bunyi-bunyian tiada halangan di dalam Islam, tetapi ia dibenarkan selagimana tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam hal ini Muzakarah menegaskan bahawa penggunaan bunyi-bunyian atau muzik tidak perlu dilaksanakan dalam pengurusan jenazah orang Islam sama ada dalam tentera atau sebagainya.

74

Isu Umat Islam Yang Terlibat Dengan Perjuangan *Islamic State* (2014)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 dan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi

Hal Ehwal Ugama Malaysia Bil. 1/2015 yang bersidang pada 20 April 2015 telah membincangkan Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah JAKIM dan kertas kerja yang disediakan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa:
 - a. *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) atau *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan ‘pemerintahan Islam’ mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai ‘Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad’ di bawah pimpinan Abu Mus’ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq, dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghan selepas peristiwa 11 September.
 - b. Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.

2. Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.
3. Muzakarah bersetuju menegaskan bahawa perjuangan kumpulan militant IS adalah bertentangan dengan ajaran Islam, amalan demokrasi dan nilai kemanusiaan sejagat. Sehubungan itu, selaras dengan prinsip dan ajaran Islam yang menolak keganasan dan pembunuhan sesama manusia, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah haram bagi umat Islam menyertai kumpulan militan yang membawa ideologi keganasan dan melakukan pembunuhan, radikal dan ekstrim seperti Kumpulan IS kerana ia bercanggah dengan prinsip ajaran Islam dan ia boleh menggugat keselamatan dan kestabilan Negara.
4. Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan Kumpulan IS ini kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.

Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (*Ebola Virus Disease: EVD*) Di Malaysia (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10 - 11 Februari 2015 membincangkan Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (*Ebola Virus Disease: EVD*) Di Malaysia. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa setiap mayat orang Islam wajib dimandi, dikapan, disembahyang dan dikebumikan. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) kepada hukum ini sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudharatan kepada nyawa manusia.
2. Muzakarah juga menegaskan bahawa terdapat risiko tinggi berlakunya jangkitan EVD yang boleh membawa maut kepada orang yang menguruskan jenazah melalui kontak secara langsung dengan air mandian yang telah dicemari dengan cairan badan daripada jenazah seperti darah, muntah, najis, air kencing dan sebagainya.
3. Sehubungan itu, berdasarkan rukhsah yang diberikan dan prinsip ajaran Islam yang menegah umatnya daripada menjerumuskan diri dalam bahaya dan kebinasaan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa jenazah orang Islam yang disyaki atau disahkan dijangkiti Virus Ebola (*Ebola Virus Disease: EVD*) hendaklah diuruskan melalui prosedur tayammum yang paling ringan risiko dan kesan bahayanya seperti melakukan tayammum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut sahaja.

4. Muzakarah bersetuju supaya satu garis panduan pengurusan jenazah orang Islam yang disyaki atau disahkan dijangkiti Virus Ebola (*Ebola Virus Disease* : EVD) di Malaysia disediakan bagi memudahkan pengurusan jenazah bagi kes tersebut.

76

Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Sabitan Tarikh Anggapan Kematian Mangsa MH370 Dan Tuntutan Syarak Yang Berkaitan Dengannya (2015)

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia yang bersidang pada 20 April 2015 telah membincangkan mengenai Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Mengenai Sabitan Tarikh Anggapan Kematian Mangsa MH370 Dan Tuntutan Syarak Yang Berkaitan Dengannya. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Muzakarah menarik perhatian mengenai isu sabitan tarikh anggapan kematian mangsa tragedi MH370 di mana pihak Jabatan Peguam Negara telah pun menetapkan pada 8 Mac 2014 (iaitu tarikh kehilangan MH370) dan Jabatan Pendaftaran Negara juga telah pun menguruskan Perakuan Kematian Dan Surat Anggapan Kematian Kepada 6 orang waris penumpang mengikut ketetapan tarikh tersebut.
2. Muzakarah berpandangan bahawa ketetapan tarikh ini sepatutnya tidak berlaku memandangkan Muzakarah telah pun mengeluarkan pandangan hukum bahawa tragedi MH370 dikategorikan sebagai Mafqud (Anggapan Orang Hilang) mengikut hukum fiqah. Apabila ianya telah diputuskan sebagai Mafqud, maka para ulama' telah bersepakat bahawa perlu ada tempoh pencarian sebelum disabitkan tarikh kematiannya. Muzakarah berpandangan bahawa sepatutnya tarikh anggapan kematian ini dibuat secara berhati-hati dengan meraikan pandangan Hukum Syarak kerana ia melibatkan banyak

lagi hukum yang berkaitan dengan tuntutan syarak seperti pewarisan, tempoh iddah dan sebagainya.

3. Sehubungan itu, berdasarkan nas-nas syarak yang telah dikemukakan sejajar dengan ketetapan hukum Mafqud dalam kes ini, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tarikh sabit anggapan kematian mangsa MH370 adalah ditetapkan pada 29 Januari 2015 selaras dengan pengisytiharan Kerajaan selaku Ulil Amri selepas tempoh pencarian dilakukan secara bersungguh-sungguh selama setahun dengan pelbagai kepakaran dari dalam dan luar negara.
4. Muzakarah juga berpandangan bahawa pengisytiharan kematian pada 8 Mac 2014 tidak boleh dianggap sebagai tarikh kematian, tetapi hanya sebagai pemakluman kehilangan sahaja.

77

Had Kemuallafan Seseorang Saudara Baru (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia Kali Ke-108 yang bersidang pada 2-3 November 2015 telah membincangkan mengenai Had Kemuallafan Seseorang Saudara Baru. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mengambil perhatian terhadap kebimbangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu bahawa setakat ini tiada keseragaman oleh negeri-negeri tentang had tahun bagi seseorang untuk dipanggil muallaf dan ini boleh mengakibatkan golongan Saudara Baru/Muallaf menuntut hak-hak seperti zakat di negeri-negeri lain yang mungkin had tahun lebih lama atau mungkin tiada dinyatakan langsung.
2. Muzakarah berpandangan bahawa penyelarasan tentang had tahun ini sangat perlu bagi mengelakkan golongan Saudara Baru/Muallaf

ini meminta-minta dan sekiranya pengurusan kebajikan Saudara Baru/Muallaf ini dilaksanakan dengan betul, sekurang-kurangnya tempoh tiga (3) tahun sudah mencukupi untuk mereka mendapat bimbingan dan pendidikan Islam. Mereka juga boleh memohon bantuan zakat di bawah asnaf lain sekiranya layak.

3. Bagi memantapkan lagi pengurusan kebajikan golongan Saudara Baru/Muallaf di Malaysia, Muzakarah bersetuju menerima cadangan supaya diwujudkan penyeragaman had tempoh panggilan Muallaf Saudara Baru negeri-negeri seluruh Malaysia seperti yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.
4. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju menetapkan had tempoh maksima bagi seseorang Saudara Baru dipanggil Muallaf ialah lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, selaras dengan kuasa agama adalah di bawah bidang kuasa negeri, maka Majlis Agama Islam Negeri berhak membuat sebarang pengecualian yang dikehendaki.

78

Pengurusan Pengebumian Jenazah Dalam Kalangan Warga Polis Diraja Malaysia (2015)

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia Kali Ke-108 yang bersidang pada 2-3 November 2015 telah membincangkan mengenai Pengurusan Pengebumian Jenazah Dalam Kalangan Warga Polis Diraja Malaysia. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa:

1. Anggota polis beragama Islam tidak diharuskan mengusung jenazah anggota polis bukan Islam sewaktu istiadat/upacara pengebumian dijalankan tanpa sebarang keperluan mendesak yang memerlukan

dia melakukannya. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan mendesak maka ia diharuskan dengan syarat tidak terlibat dalam sebarang upacara keagamaan.

2. Jenazah anggota polis beragama Islam tidak harus diusung oleh anggota polis bukan Islam sewaktu istiadat/upacara pengebumian dijalankan tanpa sebarang keperluan mendesak kerana orang Islam hendaklah diutamakan dalam urusan berkaitan agama Islam dan tujuan mengiringi jenazah adalah sebagai syafaat kepada jenazah.
3. Anggota polis beragama Islam adalah dilarang terlibat tanpa sebarang keperluan mendesak dalam pancaragam sewaktu upacara pengebumian anggota polis bukan beragama Islam.
4. Melepaskan tembakan selepas pengebumian jenazah anggota polis beragama Islam adalah dilarang kerana muzik dan bunyi-bunyian tidak dibenarkan di tanah perkuburan.
5. Tiupan *bugle* selepas upacara pengebumian dijalankan adalah dilarang kerana ia termasuk meninggikan suara di tanah perkuburan serta upacara tersebut tiada faedah dari segi syarak.
6. Penggunaan bunyi-bunyian atau muzik adalah dilarang dalam pengurusan jenazah orang Islam sama ada dalam tentera atau sebagainya.
7. Penggunaan pakaian seragam anggota tentera yang mengandungi kalimah Allah dan Muhammad kepada mayat anggota tentera sama ada Islam atau bukan Islam adalah dilarang.

Keputusan:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 21 Disember 2015 di Hotel Sama-Sama, KLIA, Sepang, Selangor Darul Ehsan telah membincangkan Hukum Rokok Elektronik dan Vape. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan pembentangan kertas kajian hukum mengenai “Rokok Elektronik dan Vape”, Muzakarah mendapati bahawa:
 - a. Rokok elektronik mengandungi *Nikotin*, *Propylene Glycol*, *Vegetable Glycerin* dan bahan perisa dan pewarna. Manakala vape pula mengandungi *Propylene Glycol*, *Vegetable Glycerin* dan bahan perisa dan pewarna.
 - b. Bahan-bahan yang terkandung rokok elektronik dan vape tersebut boleh memudaratkan dan boleh memberi kesan kepada kesihatan seperti ketagihan, menggalakkan pembekuan darah, kematian mengejut, iritasi pada mata, tekak dan kulit serta mampu membunuh sel paru-paru. Kandungan lain yang terdapat di dalam rokok elektronik dan vape juga boleh mendatangkan kesan sampingan kepada kesihatan.
 - c. Prinsip *passive smoker* seperti pada rokok konvensional juga terpakai pada rokok elektronik dan vape di mana orang yang berada di sekeliling juga mendapat kesan hembusan wap yang keluar daripada rokok elektronik dan vape. Oleh itu, ia tidak hanya memberi mudarat kepada penghisap rokok elektronik dan vape tersebut bahkan juga orang di sekeliling mereka.
 - d. Berdasarkan dapatan kajian-kajian dari sudut perubatan dan saintifik yang dibentangkan tersebut, rokok elektronik dan vape

masih tidak terbukti sebagai alternatif rawatan ketagihan berhenti merokok atau nikotin oleh perokok-perokok, malahan ia menyebabkan lebih ramai akan terjebak dalam permasalahan ini, termasuk remaja dan kanak-kanak.

2. Dari perspektif syarak, hukum pengharaman memakan atau meminum atau mengambil bahan-bahan yang memudaratkan disebut oleh ulama daripada keempat-empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali dalam kitab-kitab mereka. Mereka menyatakan bahawa bahan-bahan yang memudaratkan tubuh badan haram dimakan, diminum atau diambil sekalipun ia suci seperti racun, tanah, kaca dan seumpamanya.
3. Salah satu dalil umum dalam pengharaman penggunaan rokok elektronik dan vape ini ialah perbuatan tersebut memudaratkan tubuh. Syariat Islam melarang perbuatan dan tindakan yang membawa kepada kebinasaan dan memudaratkan diri, sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”.

Hadith Nabi SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

“Tidak boleh mudharatkan (diri sendiri) dan memberi kemudharatan (kepada orang lain)”.

(Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni)

4. Antara kriteria kemudharatan yang diambilkira oleh Islam dalam pengharaman sesuatu makanan atau minuman atau bahan ialah:
 - a. Kemudharatan bahan tersebut terbukti dengan jelas atau nyata;

- b. Pengambilan bahan tersebut secara kebiasaannya (*ghalib*) boleh membawa kemudharatan;
 - c. Kemudharatan merangkumi kemudharatan yang berlaku secara segera atau secara perlahan;
 - d. Kemudharatan merangkumi sesuatu yang boleh membawa kematian, kehilangan/kerosakkan anggota, membawa penyakit berbahaya, atau kemudharatan pada akal;
 - e. Bahan yang memudharatkan tersebut tidak mempunyai sebarang manfaat yang muktabar.
5. Penghujahan berasaskan kepada qiyas juga membuktikan bahawa rokok elektronik dan vape tidak berbeza hukumnya dengan rokok konvensional kerana kedua-duanya mempunyai 'illah yang sama iaitu memudharatkan tubuh.

Penggunaan rokok elektronik dan vape adalah bentuk pembaziran yang diharamkan oleh agama kerana ia adalah perbelanjaan dalam perkara yang sia-sia, tidak berfaedah, dan malahan memudharatkan tubuh. Ia juga membebankan ekonomi negara bagi membiayai kos rawatan penyakit berkaitan.

Penggunaan rokok elektronik dan vape juga terdedah kepada penyalahgunaan yang boleh membawa kepada kegiatan pengedaran ganja dan dadah yang berbahaya. Justeru, adalah wajar perkara-perkara yang sangat terdedah kepada kemudharatan yang besar ditutup melalui penetapan hukum haram, berasaskan kepada kaedah *sadd al-dhari'ah* سد الذريعة iaitu “*menutup pintu kerosakkan*”

Berasaskan kepada masalah umum, pihak pemerintah mempunyai kuasa untuk melarang penggunaan bahan-bahan yang memudharatkan kepada masyarakat bagi menjaga kepentingan umum (masalah ammah) mereka berdasarkan kaedah fiqh:

تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

“Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah bergantung kepada masalah”

Islam adalah agama yang lengkap yang sentiasa menjaga kehidupan manusia sejagat berdasarkan prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, aqal, keturunan dan harta. Penggunaan rokok elektronik dan vape ini sekiranya tidak dibendung, boleh meruntuhkan lima prinsip syarak ini.

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang dikemukakan serta perbincangan dan pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli, Muzakarah memberi pandangan hukum bahawa penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang menghisap rokok elektronik dan vape atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan rokok elektronik dan vape.



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA

ARAS 5 BLOK D7, KOMPLEKS D

PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62519 PUTRAJAYA

TEL: 03-8886 4000

FAKS: 03-8889 2032

 [fatwamalaysia](https://www.facebook.com/fatwamalaysia)

www.e-fatwa.gov.my